APPGM-SDG

PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020



KOMPILASI LAPORAN PEMETAAN ISU KAWASAN PARLIMEN 2026

JILID 3: ZON TENGAH

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 3: Zon Tengah)

Disunting Oleh:
Teo Lee Ken
Nurul Syaza Mazelan
Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Laporan Disediakan Oleh:
Teo Lee Ken
Nurul Syaza Mazelan

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.

ISBN: 978-629-7752-54-9

Sidang Editorial	
Penyunting	Teo Lee Ken Nurul Syaza Mazelan Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Penulis	Teo Lee Ken Nurul Syaza Mazelan
Pereka Kulit	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Letak	Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Isi Kandungan



Kata Aluan
YB Puan Hajah Rodziah Ismail
I



Prakata
Puan Nur Rahmah Othman
III



Pengenalan
TPr. Nurul Syaza Mazelan
V



P.103
Puchong
1



P.125
Putrajaya
67

Kata Aluan



YB PUAN HAJAH RODZIAH ISMAIL
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Ampang (P.099)

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, buku *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 3: Zon Tengah)* yang merangkumi Parlimen Putrajaya dan Parlimen Puchong telah berjaya diterbitkan. Sebagai sebahagian daripada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG), saya amat berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan dalam menterjemah agenda global Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke peringkat setempat dan komuniti akar umbi.

Kompilasi bagi Zon Tengah ini mencerminkan kedinamikan unik di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang pesat dengan proses urbanisasi serta berfungsi sebagai nadi pentadbiran dan ekonomi negara. Secara rumusannya, dapatan di Zon Tengah telah mengenal pasti bahawa di sebalik kemajuan fizikal yang gah, terdapat cabaran kemiskinan bandar dan tekanan kos sara hidup yang dirasai oleh golongan rentan seperti ibu tunggal, warga emas, dan penjawat awam gred rendah. Isu-isu berkaitan kelestarian infrastruktur, tadbir urus yang inklusif, dan keperluan ruang sosial menjadi tema utama yang memerlukan perhatian segera demi memastikan kesejahteraan masyarakat bandar yang padat dan rencam dapat dipelihara.

Kejayaan pemetaan isu ini adalah hasil kerjasama erat pelbagai pihak. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Ahli Parlimen Puchong dan Putrajaya, pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Perbadanan Putrajaya, serta Pejabat Daerah dan Tanah Petaling yang telah memberikan sokongan padu demi memastikan keberhasilan kajian pemetaan isu ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan buat pasukan penyelidik APPGM-SDG, pemimpin komuniti, NGO tempatan, dan para penduduk yang telah memberikan pelbagai input berharga

sepanjang sesi dialog dijalankan. Tanpa penglibatan partisipatif semua pihak, Kompilasi dan laporan-laporan yang dimuatkan di dalamnya tidak mungkin dapat dihasilkan.

Melangkah ke hadapan, APPGM-SDG komited untuk memastikan dapatan ini tidak sekadar menjadi dokumen laporan. Tindakan yang disarankan pada masa hadapan akan tertumpu kepada inisiatif-inisiatif intervensi yang bersasar. Selain itu, dalam kerangka tadbir urus mampan, kita perlu beralih daripada penyelesaian bersifat satu dimensi kepada kerjasama rentas sektor yang lebih responsif dan berterusan. Akhir kata, semoga buku *Kompilasi* ini menjadi rujukan penting dalam merangka dasar dan projek pembangunan yang lebih berpaksikan kesejahteraan dan kemakmuran bersama semua pihak, selaras dengan prinsip "*Leaving No One Behind*."

Sekian, terima kasih.

Prakata



PUAN NUR RAHMAH OTHMAN
Pengarah Eksekutif APPGM-SDG

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) bermula dengan memahami bagaimana keutamaan pembangunan nasional dirasai oleh masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Walaupun dasar-dasar nasional yang menetapkan hala tuju untuk pembangunan, ia adalah di peringkat-peringkat komuniti, daerah dan kawasan parlimen di mana realiti cabaran-cabaran ketaksamaan, akses kepada perkhidmatan, mata carian kehidupan dan alam sekitar dihadapi secara langsung. Di sini dasar-dasar pembangunan bertemu dengan realiti-realiti masyarakat dan komuniti, dan di mana jurang antara niat dasar dan pengalaman hidup kerap kali paling terlihat.

Sejak penubuhannya, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Mampan (*All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs, APPGM-SDG)* telah berusaha untuk memahami realiti-realiti ini dengan lebih baik menerusi pemetaan isu di peringkat kawasan parlimen. Dari tahun ke tahun, kita telah mempunyai peluang untuk berjumpa komuniti, mendengar suara akar umbi, menjalankan proses libaturus dengan pelbagai pihak berkepentingan dan mencatatkan isu-isu yang memberi kesan kepada masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Pengalaman-pengalaman ini telah mengingatkan kita bahawa pembangunan mampan tidak dapat digerakkan dari atas ke bawah semata. Ia harus bermula dengan pemahaman yang benar tentang masyarakat, tempat dan keadaan yang ingin kita menyokong.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) yang meliputi 16 kawasan parlimen adalah sebahagian daripada proses yang berterusan ini. Dengan membawa bersama dapatan daripada kawasan parlimen yang berlainan, ia membolehkan kita untuk melihat menjangkaui kes-kes individu dan mengenalpasti corak-corak pola yang lebih umum dan luas, cabaran-cabaran bersama dan realiti yang unik di kawasan-kawasan yang berlainan. Terdapat isu yang sama merentasi kawasan-kawasan parlimen, manakala ada yang akan dibentuk oleh faktor-faktor geografi,

ekonomi tempatan, akses kepada infrastruktur, keperluan-keperluan komuniti dan kapasiti institusi-institusi tempatan.

Untuk APPGM-SDG, proses pemetaan isu bukan sekadar mendokumentasikan masalah. Ia adalah untuk memahami mengapa terdapat isu-isu yang masih berterusan, mengenali apa yang sudah dilakukan oleh komuniti-komuniti untuk menangani isu-isu ini, dan mengenalpasti di mana penyelarasan atau sokongan yang lebih baik diperlukan. Dapatan-dapatan ini dapat membantu mengukuhkan perbincangan dan kerjasama antara Ahli-ahli Parlimen, agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, dan lebih penting lagi, komuniti itu sendiri.

Seiring dengan berlangsungnya perjalanan penyetempatan APPGM-SDG, peranan bukti dan dapatan di peringkat lapangan menjadi kian mustahak. Dapatan-dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat memberikan perspektif-perspektif yang berguna untuk perbincangan dasar, pembangunan program dan agihan peruntukan sumber, sambil membantu pembuat keputusan menghargai dengan lebih baik keperluan dan keutamaan merentasi kawasan-kawasan yang berlainan.

Dapatan-dapatan ini seharusnya mendorong kita untuk bertanya apa lagi yang boleh dilakukan di peringkat dasar dan institusi. Kebanyakan isu yang ditemui bukan sesuatu yang baru, dan ada antaranya yang memerlukan tindakan yang menjangkaui kapasiti komuniti-komuniti atau pihak-pihak tempatan secara sendirinya. Kita berharap yang dapatan yang diperolehi menerusi proses ini akan dipertimbangkan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan, khususnya dalam menyemak semula program-program sedia ada, menguatkan lagi pelaksanaan dan mengerakkan sumber-sumber ke tempat mana yang paling diperlukan. Pemetaan isu tidak seharusnya berakhir dengan mengenal pasti masalah sahaja; ia harus membantu membentuk suatu hala tuju yang lebih jelas bagi mencapai tindakan dan akauntabiliti.

Saya berharap *Kompilasi* ini akan dilihat sebagai lebih daripada pengumpulan dapatan semata. Di sebalik setiap isu yang dicatat adalah masyarakat, komuniti dan pengalaman hidup yang sebenar. Suara mereka harus terus membimbing kita dalam cara kita berfikir tentang pembangunan dan di mana kita menghalakan usaha-usaha kolektif kita.

Semoga *Kompilasi* ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang komuniti-komuniti kita, dan akhirnya, untuk mencapai suatu perjalanan pembangunan yang lebih terangkum di mana tiada kawasan, komuniti atau individu yang ditinggalkan.

Pengenalan



TPr. NURUL SYAZA MAZELAN
Ketua Zon Tengah

Pelaksanaan gerak kerja penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) bagi tahun 2026 diteruskan dan dimulakan dengan kajian pemetaan isu di 16 kawasan parlimen di seluruh negara. Taburan kawasan parlimen terpilih bagi tahun 2026 merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Sabah dan Sarawak seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Jadual 1.

Rajah 1. Kawasan Parlimen Baru yang Terlibat dengan APPGM-SDG bagi Tahun 2026



Bagi Zon Tengah, gerak kerja pemetaan isu berfokus di dua kawasan parlimen signifikan, iaitu Parlimen Puchong (P.103) di Selangor dan Parlimen Putrajaya (P.125) di Wilayah Persekutuan Putrajaya. *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen (Jilid 3: Zon Tengah)* menterjemahkan suara akar umbi sebagai realiti cabaran di lapangan. Uniknya, pemetaan tahun ini menampilkan kepelbagaian landskap perbandaran, iaitu Puchong sebagai hab komersial, perindustrian, dan perumahan padat, manakala Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terancang.

Menerusi gerak kerja pemetaan kualitatif ini, perhatian diberikan secara khusus kepada realiti kehidupan pelbagai lapisan masyarakat tempatan, khususnya kelompok rentan seperti warga emas, ibu tunggal, golongan B40, penjawat awam gred rendah, belia, komuniti Orang Asli, serta penduduk perumahan strata dan kuarters. Hasil dapatan menunjukkan bahawa di sebalik kepesatan pembangunan fizikal dan prasarana moden, manfaat pertumbuhan ini belum dinikmati secara seimbang Sebahagian komuniti masih berdepan dengan tekanan kos sara hidup, ketidakstabilan pendapatan, serta keterbatasan akses kepada perlindungan sosial dan perkhidmatan awam.

Dapatan kajian lapangan di Parlimen Puchong mendedahkan pelbagai cabaran perbandaran fizikal dan sosioekonomi yang saling berkait rapat. Fenomena banjir kilat bandar berulang kali melanda kawasan kediaman dan kampung tradisi akibat sistem saliran dan perparitan usang yang tidak lagi mampu menampung isi padu air hujan. Di samping itu, terdapat juga permasalahan pertindihan bidang kuasa pentadbiran tempatan. Kelemahan tadbir urus pengurusan perumahan strata kos rendah menyaksikan kerosakan kemudahan asas seperti lif dan sistem pencegah kebakaran yang berlarutan bertahun-tahun. Daripada sudut sosioekonomi, komuniti minoriti Orang Asli suku Temuan di Kampung Sungai Rasau Hilir dan Hulu berdepan kadar keciciran persekolahan yang tinggi dalam kalangan anak-anak, kecenderungan perkahwinan pada usia remaja, keciciran latihan kemahiran, serta kebergantungan kepada sektor pekerjaan kolar biru berpendapatan rendah.

Sementara itu, kajian pemetaan isu di Parlimen Putrajaya mendedahkan realiti kemiskinan bandar dan kerentanan struktural di sebalik imejnya sebagai bandar taman moden terancang. Antara cabaran utama yang dikenal pasti termasuk kekangan ruang sosial akibat kos sewaan dewan awam yang membebankan, serta risiko keselamatan kanak-kanak di kawasan badan air seperti tasik dan *wetland*. Dalam sektor pendidikan, isu krisis literasi pasca-pandemik dan kepadatan kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) kekal meruncing. Di samping itu, golongan B40 dan penjawat awam gred rendah terhimpit oleh tekanan kos sara hidup serta kriteria kelayakan bantuan yang kaku. Manakala kawasan perumahan awam dan kuarters berdepan isu krisis tempat letak kenderaan serta unit terbiar tanpa penyelenggaraan.

Bagi menterjemahkan hasil pemetaan isu ini kepada tindakan nyata, langkah ke hadapan memerlukan pendekatan holistik menerusi kerjasama rentas sektor yang mampan. Tindakan lanjutan yang boleh ditumpukan adalah termasuk pelaksanaan program intervensi tempatan yang inklusif, pembangunan sosioekonomi berasaskan integrasi kajian mendalam kemiskinan multidimensi, penyusunan semula sistem perkhidmatan kemudahan perbandaran dan perancangan pembangunan yang berasaskan komuniti. Diharapkan laporan ini dapat menjadi panduan strategik dalam memperkukuh

kolaborasi antara Ahli Parlimen, pihak berkuasa tempatan (MBSJ dan Perbadanan Putrajaya), Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Jabatan Wilayah Persekutuan, serta rakan komuniti demi merealisasikan agenda pembangunan mampan berasaskan prinsip *Leaving No One Behind*.

Jadual 1. Senarai 16 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2026

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Pokok Sena	P.008	YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	Dr. Thanaraj Murudi
2.	Utara	Padang Serai	P.017	YB Dato' Azman bin Nasrudin	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Kulim	Dr. Thanaraj Murudi
3.	Utara	Batu Gajah	P.066	YB Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta	Dr. Thanaraj Murudi
4.	Pantai Timur	Pengkalan Chepa	P.020	YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Nur Syadhira Mohd Razali
5.	Pantai Timur	Kubang Kerian	P.024	YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
6.	Pantai Timur	Kuala Terengganu	P.036	YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu	Nur Syadhira Mohd Razali
7.	Pantai Timur	Jerantut	P.081	YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	Nur Syadhira Mohd Razali
8.	Pantai Timur	Rompin	P.091	YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	Nur Syadhira Mohd Razali
9.	Tengah	Puchong	P.103	YB Puan Yeo Bee Yin	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling; Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	Dr. Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10.	Tengah	Putrajaya	P.125	YB Dr. Radzi Jidin	PN-BERSATU	Jabatan Wilayah Persekutuan; Perbadanan Putrajaya (PPj)	Nurul Syaza Mazelan
11.	Selatan	Kota Melaka	P.138	YB Tuan Khoo Poay Tiong	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	Siti Noraiysah Rohim
12.	Sabah	Sepanggar	P.171	YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud	PH-PKR	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
13.	Sabah	Batu Sapi	P.185	YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan	GRS	Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
14.	Sarawak	Petra Jaya	P.194	YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof	GPS-PBB	Pejabat Residen Bahagian Kuching; Pejabat Daerah Kuching; Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	Raine Melissa Riman
15.	Sarawak	Sri Aman	P.202	YB Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi	GPS-PRS	Pejabat Residen Bahagian Sri Aman; Pejabat Daerah Sri Aman; Pejabat Daerah Pantu; Pejabat Daerah Lingga; Majlis Daerah Sri Aman	Raine Melissa Riman
16.	Sarawak	Sibu	P.212	YB Tuan Oscar Ling Chai Yew	PH-DAP	Pejabat Residen Bahagian Sibu; Pejabat Daerah Sibu; Majlis Perbandaran Sibu; Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **1 – 12**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **16– 22**

1.1 Geografi/Topografi 17

1.2 Komposisi Penduduk 18

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 18

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 20

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **23 – 25**

2.1 Pendekatan Kajian 23

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 24

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 25

2.4 Keterbatasan Kajian 25

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **26 – 31**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **32 – 62**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 32

4.2 Pengutamaan Isu 57

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **63**

6.0 RUJUKAN **66**

P.103
Puchong

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.103 Puchong

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - PUCHONG

25-27 JAN, 5 & 7 FEB 2026

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PUCHONG, YB PUAN YEO BEE YIN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 (25/01/2026)

1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Seri Serdang, Taman Sri Andalas
2. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti India & Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima
3. FGD 3: Sesi Dialog bersama Wakil Penduduk Puchong New Village

HARI 2 (26/01/2026)

4. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Pangsapuri Teratai, Taman Puchong Prima
5. FGD 5: Sesi Dialog bersama Wakil JAKOA, Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir
6. Lawatan Tapak 1: Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir

HARI 3 (27/06/2026)

7. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Melayu Batu 14
8. Lawatan Tapak 2: Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu
9. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Serdang Raya

HARI 4 (05/02/2026)

10. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sri Langkas Tambahan

HARI 5 (07/02/2026)

11. FGD 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Teo Lee Ken
Ketua Penyelidik



Ain Safwanah Sadikin



Siti Noraiysah Rohim



Nur Farah Ezzaty Abd Aziz



Darshini Rawichandran



Hirzawati Atikah Mohd Tahir



Annabella Ching



Kezia Sim Kui Ting

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU PUCHONG

01



9 Januari 2026
Mesyuarat Awalan

02



21 Januari 2026
Mesyuarat Pra - Lawatan

03



22 Januari 2026
Kunjungan Hormat

04



25 Januari 2026
FGD 1: Komuniti Seri Serdang, Taman Sri Andalas

05



25 Januari 2026
FGD 2: Komuniti India & Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima

06



25 Januari 2026
FGD 3: Puchong New Village

07



26 Januari 2026
FGD 4: Komuniti Pangsapuri Teratai, Taman Puchong Prima

08



26 Januari 2026
FGD 5: Wakil JAKOA, Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir

09



26 Januari 2026
Lawatan Tapak 1 : Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir

10



27 Januari 2026
FGD 6: Komuniti Kampung Melayu Batu 14

11



27 Januari 2026
Lawatan Tapak 2: Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu

12



27 Januari 2026
FGD 7: Komuniti Serdang Raya

13



5 Februari 2026
FGD 8: Komuniti Kampung Sri Langkas Tambahan

14



7 Februari 2026
FGD 9: Komuniti Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu

09/01/2026 MESYUARAT AWALAN & KUNJUNGAN HORMAT



Mesyuarat awalan dan kunjungan hormat telah diadakan bersama Pn. Sin Min, pegawai khas YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong. Agenda yang dibincangkan termasuk gerak kerja APPGM-SDG, proses kajian lapangan pemetaan isu dan pelaksanaan projek, keadaan sosial di parlimen Puchong, serta kumpulan sasar yang utama di Puchong. Pasukan APPGM-SDG diwakili Dr. Teo Lee Ken, Nur Farah Ezzaty dan Darshini Rawichandran.

21/01/2026 MESYUARAT PRA-LAWATAN

Kunjungan hormat ke PDT Petaling bagi menyelaraskan kajian lapangan Parlimen Puchong, merangkumi pengumpulan data demografi, isu setempat, dan lokasi strategik. Perbincangan bersama Penolong Pegawai Daerah (En. Syafianza Azwan & En. Muhammad Aimaan), Penghulu Mukim, serta Bahagian Pembangunan ini turut memfokuskan kepada jalinan kerjasama bagi sokongan program susulan APPGM-SDG di masa hadapan. Pasukan APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Teo Lee Ken & Nur Syadhira.



22/01/2026 KUNJUNGAN HORMAT





Pasukan APPGM-SDG mengadakan taklimat bersama MBSJ melalui Pengarah Jabatan Korporat, En. Muhammad Azli Miswan, bagi menyelaraskan kajian lapangan Parlimen Puchong, termasuk pengumpulan data demografi dan penyelarasan isu kritikal setempat. Sesi ini turut memperkukuh kerjasama bagi program susulan serta membuktikan kesediaan MBSJ dalam menyokong inisiatif pembangunan mampan di peringkat parlimen tersebut.

25/01/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI SERI SERDANG, TAMAN SRI ANDALAS






FGD 1 bersama 17 wakil penduduk dari Taman Sri Andalas, Taman Sri Serdang (Fasa 4 & 5), dan Kembang Sari. Sesi ini bertujuan mendengar denyut nadi rakyat mengenai isu-isu setempat di kawasan Seri Serdang. Hasil perbincangan mendapati: **(1)** masalah banjir kilat bandar; **(2)** penyelenggaraan awam yang tidak cekap menjadi kerisauan utama penduduk. Selain itu, mereka turut menekankan perlunya **(3)** satu mekanisme libat urus yang lebih responsif dengan pihak berkuasa bagi memastikan aduan serta keperluan perkhidmatan perbandaran dapat diuruskan dengan lebih terancang.

25/01/2026 FGD 2:SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI INDIA & PANGSAPURI AMAN, TAMAN PUCHONG PRIMA




FGD 2 bersama penduduk etnik India di Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima bagi membincangkan kebajikan komuniti. Melalui perbincangan kelompok ini, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti, antaranya adalah: **(1)** jurang komunikasi dengan pihak berkuasa; **(2)** ketiadaan kepimpinan komuniti yang kukuh; **(3)** isu penyelenggaraan kawasan yang lemah; dan **(4)** fenomena sosial banjir kilat.

25/01/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PUCHONG NEW VILLAGE





FGD 3 bersama wakil-wakil beretnik India daripada kawasan Puchong New Village, yang wujud sejak sebelum zaman penjajahan British. Perbincangan fokus ini melibatkan seramai 3 orang. Antara isu utama yang dibincangkan adalah: **(1)** ketiadaan hak milik tanah dan perumahan baru selepas diusirpindahkan; **(2)** ketiadaan jalinan hubungan libaturus antara penduduk terkesan dengan pihak berkuasa dan pemaju; dan **(3)** penghilangan sejarah dan cerita penduduk setempat daripada arus urbanisasi dan pembangunan.

26/01/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PANGSAPURI TERATAI, TAMAN PUCHONG PRIMA





FGD 4 bersama tujuh wakil komuniti Pangsapuri Teratai yang merangkumi pihak KRT, Muslimah Lotus Craft, dan MC Pangsapuri. Sejak dibangunkan pada tahun 2003, kawasan ini menonjolkan amalan terbaik melalui pengurusan fasiliti yang cekap serta penglibatan aktif kumpulan wanita dalam pelbagai aktiviti. Walau bagaimanapun, komuniti ini kini berdepan cabaran kritikal seperti: **(1)** ketiadaan pelapis kepimpinan muda; **(2)** kesan pembangunan infrastruktur luar yang tidak mesra penduduk; serta **(3)** keperluan dana yang besar bagi menaik taraf landskap persekitaran mereka.

26/01/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA WAKIL JAKOA, KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI RASAU HILIR





FGD 5 bersama wakil JAKOA di Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir. Kampung yang kaya dengan sejarah sejak 1961 ini menunjukkan potensi besar, terutamanya dengan adanya sokongan kesihatan sebagai kampung angkat klinik pergigian kerajaan serta kejayaan beberapa belia sehingga mencecah menara gading. Namun begitu, perbincangan turut menyentuh beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian sewajarnya. Antaranya ialah: **(1)** cabaran keciciran pendidikan dalam sistem arus perdana; **(2)** isu perkahwinan awal di usia remaja; dan **(3)** tahap sosioekonomi penduduk yang masih mencabar disebabkan pendapatan yang rendah.

26/01/2026 LAWATAN TAPAK 1: KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI RASAU HILIR





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan tinjauan di sekitar kawasan Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Rasau Hilir. Berdasarkan pemerhatian awal, kawasan ini dilengkapi dengan infrastruktur yang baik, merangkumi akses jalan raya, bekalan elektrik, air, serta rangkaian internet. Selain itu, terdapat kemudahan ruang awam dan pusat pendidikan awal seperti Tabika dan Taska bagi kegunaan komuniti. Alam sekitar di kawasan kampung ini juga berada dalam keadaan yang sangat terpelihara memandangkan lokasinya yang terletak di dalam kawasan hutan simpan kekal.

27/01/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG MELAYU BATU 14





FGD 6 bersama 12 penduduk Kampung Melayu Batu 14, sebuah penempatan yang wujud sekitar 1920-an. Kekuatan utama komuniti ini terletak pada organisasi yang kukuh serta perpaduan antara kaum yang amat erat, seperti amalan perkongsian budaya di ruang awam. Walau bagaimanapun, penduduk kini berdepan cabaran seperti: **(1)** intensiti pembangunan hartanah yang pesat; **(2)** keperluan untuk naiktaraf dan tambahbaik infrastruktur awam sedia ada yang uzur; **(3)** kekurangan kemudahan awam untuk kualiti hidup masyarakat awam; serta **(4)** ketiadaan sistem pengurusan sisa yang terancang dan meluas.

27/01/2026 LAWATAN TAPAK 2: KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI RASAU HULU





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan ke KOA Sungai Rasau Hulu dan Pusat Aktiviti KOA Saujana Puchong. Sesi dimulakan dengan taklimat ringkas mengenai sejarah, latar belakang penempatan, dan sosioekonomi komuniti setempat yang disampaikan oleh En. Mazuna (Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli - JKKKOA) dan En. Rana (Tok Batin). Antara inisiatif komuniti yang menarik perhatian adalah pelaksanaan kelas pendidikan mingguan bagi anak-anak Orang Asli yang diadakan pada setiap hari Sabtu di pusat aktiviti tersebut bagi memastikan kesinambungan pembelajaran mereka.

27/01/2026 FGD 7:SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI SERDANG RAYA





FGD 7 bersama 12 wakil penduduk dari sekitar Serdang Raya, Serdang Perdana, dan Taman Muhibbah. Pasukan APPGM-SDG melihat potensi besar dalam kerjasama komuniti di sini, terutamanya melalui persatuan penduduk yang aktif dan terurus. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti untuk tindakan susulan, antaranya merangkumi: **(1)** penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam tempatan; **(2)** penyelenggaraan kemudahan awam yang lebih sistematik; serta **(3)** pengurusan jalinan hubungan pengangkutan yang lebih cekap.

05/02/2026 FGD 8:SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG SRI LANGKAS TAMBAHAN





FGD 8 bersama komuniti Kampung Sri Langkas Tambahan. Sesi ini dihadiri oleh 12 orang wakil penduduk dari Kampung Sri Aman, Kampung Bersatu, dan Kampung Batu 12. Kampung-kampung di sini bukan sekadar penempatan biasa, malah ia merupakan kampung tradisi yang kaya dengan nilai warisan. Sejarah pembukaannya juga cukup signifikan, di mana ia telah diasaskan sejak kira-kira 40 tahun yang lalu. Melalui perbincangan tersebut, beberapa isu kritikal telah dikenal pasti: **(1)** fenomena banjir bandar yang berlaku berulang kali tanpa penyelesaian; **(2)** ketiadaan pelan pembangunan kampung-perbandaran yang seimbang dan lestari; **(3)** kemudahan serta perkhidmatan awam yang tidak terurus dan kurang terancang; dan **(4)** tiadanya hubungan libaturus (engagement) yang sistematik dan demokratik antara penduduk dengan pihak berkuasa.

07/02/2026 FGD 9:SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI RASAU HULU





FGD 9 bersama komuniti Orang Asli di Kampung Sungai Rasau Hulu Puchong telah dijalankan oleh pasukan APPGM-SDG pada 7 Februari 2026. Seramai 13 orang penduduk telah hadir bagi memberikan input dalam sesi tersebut. Dapatan dialog telah menonjolkan keunikan kampung itu yang masih mempunyai hutan simpan kekal di tengah bandar Puchong, serta sejarah hubungan erat komuniti dengan alam sejak 1960-an. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran besar telah dibangkitkan, seperti: **(1)** keperluan mendesak untuk menambah baik pusat aktiviti; **(2)** isu pendapatan yang hanya mencapai paras gaji minimum; dan **(3)** kekurangan kemudahan asas. Isu **(4)** keciciran pendidikan di peringkat menengah dan tertiari juga telah menjadi antara topik utama yang dibincangkan.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.103 Puchong

Senarai Jadual

Jadual 1. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Puchong 23
Jadual 2. Rangkuman Isu Rentas SDG.....26
Jadual 3. Perincian Hasil Dapatan FGD 1 32
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 2 36
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 3 39
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 4 40
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 5 43
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 6 46
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 7 48
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 8 50
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 9 54
Jadual 12. Ringkasan Isu 1 58
Jadual 13. Ringkasan Isu 2 60
Jadual 14. Ringkasan Isu 3 62

Senarai Singkatan

AMANAH	Parti Amanah Negara
COB	Commissioner of Buildings
DAP	Democratic Action Party
FGD	Focus Group Discussion
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKR	Jabatan Kerja Raya
KAFA	Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
LRT	Light Rail Transit
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MC	Management Corporation
MPKK	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
MPP	Majlis Perwakilan Penduduk
PAKOA	Pusat Aktiviti Kampung Orang Asli
SDG	Sustainable Development Goals
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-kanak
TELEKOM	Telekom Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TOL	Temporary Occupation License
TVET	Technical and Vocational Education and Training
UMNO	United Malays National Organisation

1.0 PENGENALAN

Parlimen Puchong (P. 103) merupakan sebuah kawasan parlimen yang terletak di negeri Selangor Darul Ehsan. Parlimen ini merangkumi dua kawasan pilihanraya dewan undangan negeri, iaitu kawasan dewan undangan negeri Seri Serdang (N.29) dan Seri Kembangan (N.28). Ahli perwakilan dewan rakyat bagi Parlimen Puchong adalah YB Yeo Bee Yin daripada parti Democratic Action Party (DAP).



YB Puan Yeo Bee Yin

Pada pilihanraya umum yang ke-15 pada tahun 2022, Yeo Bee Yin telah mendapat undian tertinggi, diikuti calon-calon daripada UMNO, GERAKAN dan bebas. Manakala ahli perwakilan dewan undangan negeri bagi Seri Serdang adalah YB Abbas Salimmi bin Che Adzmi daripada parti Amanah (AMANAH), dan YB Wong Siew Ki daripada parti *Democratic Action Party* (DAP).

Daripada segi pentadbiran kerajaan dan tadbir urus, Parlimen Puchong terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, dan juga Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Cerita kawasan dan bandar Puchong berlatar belakangkan sejarah dan perkembangan yang dikatakan pesat bermula awal tahun 1980an.[1] Kawasan Puchong, atau pekan Puchong, dikatakan mendapatkan namanya daripada burung Pucung yang merupakan sejenis burung daripada keluarga bangau atau pucung secara lebih umumnya.

Kawasan ini pada awal abad ke-20 merupakan sebuah penempatan yang berkembang disebabkan oleh aktiviti ekonomi perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Perindustrian bijih timah berterusan selepas kemerdekaan tetapi harga dan sektor bijih timah meleset pada pertengahan 1980an. Selepas itu, golongan pekerja dan komuniti tempatan telah beralih kepada sektor perladangan getah dan kelapa sawit.[2]

Pada awal tahun 1990an, kawasan Puchong dan kawasan sekitarnya bertambah pesat dengan pembukaan dan perkembangan kawasan Putrajaya yang kemudiannya menjadi

[1] Puchong: Town that keeps Expanding, The Edge Malaysia, 2019, https://theedgemalaysia.com/article/puchong-town-keeps-expanding
Lihat juga: The Rise and Rise of Puchong, The Edge Malaysia, 2012, https://theedgemalaysia.com/article/rise-and-rise-puchong; Going from strength to strength, The Edge Malaysia, 2013, https://theedgemalaysia.com/article/going-strength-strength

[2] Puchong: Town that keeps expanding

pusat pentadbiran persekutuan, dan juga kerana pembangunan yang giat di kawasan Cyberjaya.[3]

1.1 Geografi/Topografi

Bandar dan Parlimen Puchong berada di titik lokasi yang strategik. Kedudukannya yang terletak antara Kuala Lumpur dan Putrajaya telah membawa pembangunan yang mendadak sejak awal tahun 1990an. Ianya berterusan dan terus meningkat dengan pembinaan Lebuh raya Damansara-Puchong (LDP) pada tahun 2002. Dan seiring dengan pembangunan ini adalah juga peningkatan populasi penduduk tempatan. Bandar atau pusat Puchong kini boleh dicapai melalui hubungan jalan pengangkutan seperti Lebuh raya Maju, Lebuh raya NKVE-Elite, Lebuh raya Damansara-Puchong,[4] Lebuh raya Kajang-Shah Alam,[5] Lebuh raya Lembah Klang Selatan (SKVE) dan dan Lebuh raya Shah Alam (KESAS).[6] Kawasan Puchong juga memiliki 7 stesen LRT.

Dengan kawasannya yang strategik dan hubungan pengangkutan dan jaringan jalan yang lengkap, Puchong menghubungi dan juga dapat mencapai kelompok kawasan dan bandar yang berfungsi sebagai nadi ekonomi dan sosial. Kelompok ini termasuk pusat bandar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Subang Jaya. Selain itu, ianya berhampiran dan menhubungi dengan Bandar Sunway[7] dan Bukit Jalil.[8]

Bandar Puchong dan kawasan Parlimen Puchong merupakan suatu kawasan yang memiliki ciri urbanisasi yang tinggi. Disebabkan oleh tanahnya yang luas dan rata, bersama ciri fizikal alunan campuran landai telah membawa kepada pembinaan dan pembangunan kawasan perumahan dan hartanah yang meluas. Pada masa sama, namun, kawasan parlimen ini juga memiliki kawasan hutan simpan yang dikenali sebagai Hutan Simpan Ayer Hitam. Ia merangkumi keluasan 1143.70 hektar (setakat laporan tahun 2022). Hutan ini juga dikenali sebagai *Sultan Idris Shah Forestry Education Center* (SISFEC) yang melalui pusat ini diuruskan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).[9]

[3] Puchong: Town that keeps expanding
[4] Puchong: Town that keeps expanding
[5] Going from Strength to Strength, The Edge Malaysia, 2013, https://theedgemalaysia.com/article/going-strength-strength
[6] The Rise and Rise of Puchong, The Edge Malaysia, 2012, https://theedgemalaysia.com/article/rise-and-rise-puchong
[7] Going from Strength to Strength
[8] The Rise and Rise of Puchong
[9] Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian), Majlis Bandaraya Subang Jaya, 2022

1.2 Komposisi Penduduk

Parlimen Puchong secara keseluruhannya merangkumi jumlah penduduk sebanyak 375,181. Kawasan DUN Seri Kembangan memiliki 130,252 jumlah penduduk manakala bakinya, atau 244,929 jumlah penduduk berada di kawasan DUN Seri Serdang. Daripada jumlah ini, 333,659 atau 90.5 peratus adalah warganegara manakala 35,522 atau 9.5 peratus adalah bukan warganegara.[10] Ianya menjadikan Parlimen Puchong memiliki kepadatan penduduk yang agak tinggi dan menunjukkan kawasan Puchong sebagai tumpuan warga Lembah Klang dan Selangor. Kepadatan penduduk di Parlimen adalah jumlah 4,810 kilometer per segi. Daripada dua kawasan Seri Kembangan dan Seri Serdang, Seri Kembangan mempunyai kepadatan penduduk yang lebih tinggi dengan jumlah 6,202 kilometer per segi, dan diikuti oleh dengan Seri Serdang dengan jumlah 4,297 kilometer per segi.[11]

Daripada segi pemerhatian dan pembahagian etnik, 49.4 peratus daripada jumlah penduduk Parlimen Puchong adalah komuniti etnik Bumiputera, 41 peratus adalah daripada etnik Cina, 8.7 peratus adalah daripada etnik India. Sebanyak 0.9 peratus yang ada dikategorikan sebagai daripada etnik lain-lain. Sekiranya dirujuk melalui pembahagian jantina, sejumlah 198,612 adalah golongan lelaki manakala 176,569 adalah golongan wanita.[12]

Selain itu, Parlimen Puchong memiliki sejumlah 97,792 isi rumah. Dan purata saiz isi rumah adalah sebanyak 3.9.[13] Hasil daripada pemerhatian statistik ini memberikan beberapa rumusan ringkas dan huraian awal yang mustahak. Antaranya adalah jumlah penduduk dan juga kepadatan yang tinggi menunjukkan kawasan ini menjadi tumpuan kediaman dan bekerja warga penduduk yang berada di kawasan Lembah Klang, termasuk negeri Selangor dan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di samping itu, kawasan ini dan penduduknya menjadi penyumbang besar kepada penyediaan tenaga kerja atau buruh yang merangkumi kedua-dua golongan lelaki dan wanita. Dan seiring itu pendorong kepada aktiviti ekonomi yang cergas, dan permintaan pengguna serta transaksi urus niaga yang meluas. Akhirnya, jumlah bilangan isi rumah yang agak tinggi memperihalkan bahawasanya kawasan Puchong juga menjadi tempat di mana warga Lembah Klang menempatkan dan membina keluarga.

[10] P. 103 Puchong, Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 2022, p. 9
[11] P. 103 Puchong, p. 3
[12] P. 103 Puchong, p. 9
[13] P. 103 Puchong, p. 10

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Konteks dan perkembangan sejarah dan struktur masyarakat, lokasi strategik dan bentuk alam sekeliling, serta demografi dan pertumbuhan penduduk di kawasan Puchong mempengaruhi dan membentuk sifat dan struktur ekonomi tempatan sedia ada pada masa kini. Melalui dapatan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), aktiviti ekonomi perkhidmatan (*services*) membentuk sektor ekonomi yang paling tinggi atau meluas. Terdapat sejumlah 11,544 bilangan pertubuhan atau syarikat perniagaan di Parlimen Puchong (setakat tahun 2022). Ianya diikuti oleh sektor pembinaan dengan bilangan 1663, dan kemudiannya oleh sektor pembuatan dengan bilangan 1404 pertubuhan atau syarikat urus niaga.[14]

Sekiranya diperincikan lagi bidang-bidang ekonomi yang di bawah sektor perkhidmatan, kita mendapati bahawasanya perkhidmatan aktiviti-aktiviti kewangan dan insurans atau takaful, aktiviti hartanah, aktiviti profesional serta aktiviti pentadbiran dan kesenian merangkumi entiti perniagaan yang paling tinggi. Bilangan yang terlibat adalah sebanyak 5,426 entiti. Ianya diikuti oleh perkhidmatan perdagangan borong dan runcit serta pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal yang merangkumi jumlah entiti perniagaan kedua tertinggi. Jumlah yang berdaftar adalah sebanyak 5385 entiti. Perkhidmatan dan bidang penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman membentuk jumlah perkhidmatan dan entiti niaga atau organisasi yang ketiga tertinggi. Daripada bidang ini, perkhidmatan makanan dan minuman mencatatkan jumlah bahagian yang tertinggi, yakni sejumlah 1,513 entiti.[15]

Rujukan dan dapatan ini menunjukkan signifikan sektor dan aktiviti ekonomi perkhidmatan di Parlimen Puchong. Berbanding dengan dekad-dekad yang sebelum ini di mana sektor perlombongan dan perladangan serta pertanian memainkan peranan yang lebih besar dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi tempatan. Perkembangan dan keadaan ini juga menandakan transformasi struktur ekonomi kawasan Puchong yang telah berubah daripada ekonomi berasaskan tenaga buruh dan sumber asas, kepada ekonomi yang berasaskan kemahiran dan industri dan pengkhususan ekonomi yang lebih pelbagai dan dijana tenaga modal insan yang berpengetahuan.

Meskipun begitu, perkembangan ekonomi dan urbanisasi kawasan Puchong juga membawa bersama beberapa cabaran. Antaranya adalah fenomena kemiskinan bandar. Rujukan daripada senarai eKasih menunjukkan bahawasanya bilangan kes miskin tegar di Parlimen Puchong adalah sejumlah 52 pada tahun 2020, dan bilangan kes miskin pada tahun 2020 adalah 138. Daripada jumlah-jumlah ini, 23 adalah daripada golongan lelaki

[14] P. 103 Puchong, p. 33-34
[15] P. 103 Puchong, p. 33-34

manakala 29 adalah daripada golongan wanita untuk kategori miskin tegar. Bagi kategori miskin, 83 adalah daripada golongan lelaki manakala 55 daripada golongan wanita. Pemerhatian ini menunjukkan bahawasanya, pertama, fenomena kemiskinan bandar perlu diberi penelitian lanjut, dan kedua, fenomena turut mempunyai komponen gender sepertimana dilihat dalam kategori miskin tegar yang mana jumlah wanita lebih tinggi daripada jumlah lelaki. Dapatan ini perlu diberi perhatian untuk memahami fenomena kemiskinan bandar sebagai perkara yang berpandukan dimensi pendapatan sahaja, tetapi berkaitan dengan dimensi seperti kediaman dan jaminan perlindungan sosial, dan komponen seperti lokasi, kelas dan identiti.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Agenda Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) dibentuk secara rasmi di peringkat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UN, *United Nations*) pada tahun 2015. Di Malaysia, agenda ini diangkat secara rasmi pada tahun 2016. Pada tahun 2019, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG, *All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs*) telah ditubuhkan bawah Parlimen Malaysia, dan pada tahun seterusnya, 2020, telah melaksanakan agenda dan pendekatan penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen.

Pendekatan dan proses penyetempatan ini signifikan kerana ia membolehkan agenda SDG dilaksanakan bersesuaian dengan konteks persekutuan dan tempatan, dan juga keperluan komuniti-komuniti akar umbi. Oleh itu, dalam kajian lapangan pemetaan isu yang dijalankan serta laporan yang dihasilkan, pentafsiran matlamat-matlamat pembangunan (development goals) yang ada dijalankan bagi menghubungkan dengan konteks tempatan. Di Parlimen Puchong, sebagai contoh, konteks dan perkembangan sejarahnya, kedudukan geografi dan bentuk alam sekelilingnya, dan kegiatan ekonominya menjadikan beberapa matlamat dan unsur SDG yang lebih menyerlah berbanding dengan yang lain.

Seiring dengan perkembangannya sebagai kawasan perkhidmatan dan urus niaga ketara (*tangible*) seperti hartanah dan perdagangan, dan tidak ketara (*intangible*) seperti kesenian dan kreativiti yang membangun, perancangan bandar dan pemeliharaan kesejahteraan (*well-being*) keluarga dan komuniti merupakan unsur yang mustahak. Proses urbanisasi yang pesat dan pertumbuhan ekonomi memerlukan supaya infrastruktur dan kemudahan awam, perkhidmatan dan penyampaian perkhidmatan masyarakat, dan ruang sosial atau awam serta pemeliharaan alam sekitar berjalan dengan seimbang. Oleh itu, ***SDG 11 Bandar dan Komuniti Mampan*** mengambil peranan yang signifikan. Sasaran yang berkaitan di bawah SDG 11 adalah:

Sasaran 11.2: Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus kepada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas

Sasaran 11.3: Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara

Sasaran 11.6: Menjelang 2030, mengurangkan kesan buruk bandar terhadap alam sekitar per kapita, termasuk memberikan tumpuan khusus pada kualiti udara, perbandaran dan pengurusan sisa lain

Sasaran 11.7: Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya

Dengan mengambil kira matlamat dan sasaran-sasaran ini, proses urbanisasi kawasan Parlimen Puchong akan lebih terangkum dan terjaga. Pembangunan tidak akan mengutamakan perkembangan fizikal dan kewangan semata-mata. Tetapi, ianya akan juga mengutamakan keperluan-keperluan sosial, alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat dan komuniti tempatan.

Selain itu, bandar yang besar, pesat dan padat juga memerlukan penyertaan masyarakat tempatan dalam proses perancangan dan pembuatan keputusan, khususnya di peringkat komuniti dan akar umbi. Ini kerana dalam keadaan dan waktu di mana permasalahan bukan sahaja bersifat satu dimensi, tetapi multidimensi. Pada masa sama, permasalahan-permasalahan ini mempunyai implikasi yang bukan sahaja memberi kesan kepada satu atau dua golongan, tetapi pelbagai golongan yang terdiri daripada lapisan masyarakat yang berbeza. Dan akhirnya, permasalahan yang berlaku tidak dapat diselesaikan oleh satu pihak sahaja. Umpamanya, oleh kerajaan persekutuan sahaja, atau pihak berkuasa tempatan sahaja. Secara hakikatnya, permasalahan masa kini sama ada sosial, ekonomi, alam sekitar atau tadbir urus memerlukan peranan, sokongan dan intervensi semua dan pelbagai pihak. Dengan cara ini sahaja, cabaran kemasyarakatan yang berlangsung dewasa ini dapat ditangani dan diselesaikan.

Oleh kerana itu, daripada segi dan berkaitan dengan unsur tadbir urus, adalah peri pentingnya ***SDG 16 Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat***. Secara khususnya, sasaran yang berkaitan dengan SDG 16 adalah:

> **Sasaran 16.6:** Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat
>
> **Sasaran 16.7**: Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, menyeluruh, berpenyertaan dan berwakilan pada semua peringkat

Yang ketiga dan terakhirnya, kerelevanan dan signifikan ***SDG 8 Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi***. Kemajuan yang pesat akan menyebabkan tercicirnya golongan tertentu. Ini disebabkan oleh kecenderungan dan sistem ekonomi dan modal yang sedia ada yang memberi keutamaan kepada mereka yang memiliki sumber kewangan dan sosial yang besar. Kesannya, golongan tertentu seperti golongan rentan akan terpinggir daripada arus pembangunan utama. Antara golongan rentan sebegini termasuk golongan pekerja bergaji rendah, pekerja yang tidak berkemahiran, golongan wanita dan ibu tunggal, dan golongan orang asli.

Oleh kerana itu, SDG 8 mempunyai perkaitan rapat dengan konteks semasa dan keperluan masyarakat tempatan Parlimen Puchong. Antara sasaran di bawah SDG 8 yang relevan adalah:

> **Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan
>
> **Sasaran 8.8**: Melindungi hak buruh dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin untuk semua pekerja, termasuk pekerja migran, khususnya migran wanita dan mereka yang berada dalam kategori pekerjaan yang berbahaya

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan penyetempatan diguna pakai dalam proses kajian lapangan yang dijalankan untuk memetakan isu-isu SDG di Parlimen Puchong. Ini bererti gerak kerja yang bertumpu di peringkat komuniti dan akar umbi, melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, dan pelaksanaan dialog bersama komuniti-komuniti terpilih atau tersasar.

Seiring dengan itu, proses kajian pemetaan isu bermula dengan perjumpaan bersama wakil pejabat YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong. Mesyuarat ini berlangsung pada 9hb Januari 2026, dan bertujuan untuk memberikan taklimat kepada pihak pejabat Ahli Parlimen berkenaan latar belakang, tujuan dan gerak kerja penyetempatan SDG pasukan penyelidik APPGM-SDG. Ini kemudian disusuli dengan perjumpaan bersama pihak Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling dan juga Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). Mesyuarat bersama PDT dijalankan pada 21hb Januari 2026, manakala mesyuarat bersama MBSJ dijalankan pada 22hb Januari 2026. Perjumpaan-perjumpaan ini merupakan usaha untuk membina hubungan dan memberikan maklumat kepada pertamanya, pihak Ahli Parlimen, dan keduanya, pihak pentadbiran dan berkuasa tempatan.

Kajian lapangan di kawasan Parlimen Puchong kemudiannya dijalankan dari 25hb Januari ke 27hb Januari 2026, dan juga pada 5hb Februari dan 7hb Februari 2026. Tempoh kajian lapangan merangkumi selama 5 hari, dan melibatkan sebanyak 9 kumpulan sasar melalui 9 perbincangan kelompok fokus (*FGD*, *Focus Group Discussion*) atau dialog bersama komuniti terlibat. Program keseluruhan kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Puchong adalah seperti berikut:

Jadual 1. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Puchong

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
25 Januari 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 1:** Komuniti Seri Serdang, Taman Sri Andalas • **Sesi Dialog 2**: Komuniti India & Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima • **Sesi Dialog 3**: Puchong New Village
26 Januari 2026 (Ahad)	• **Sesi Dialog 4**: Komuniti Pangsapuri Teratai, Taman Puchong Prima • **Sesi Dialog 5:** Wakil JAKOA, Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
	• **Lawatan Tapak 1**: Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir
27 Januari 2026 (Isnin)	• **Sesi Dialog 6**: Komuniti Kampung Batu 14 • **Lawatan Tapak 2**: Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu • **Sesi Dialog 7**: Komuniti Serdang Raya
5 Februari 2026 (Khamis)	• **Sesi Dialog 8:** Komuniti Kampung Sri Langkas Tambahan
7 Februari 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 9:** Komuniti Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu

Setelah kajian lapangan telah selesai, suatu perjumpaan telah dijalankan bersama PDT Petaling. Mesyuarat ini berlangsung pada 20hb Julai 2026. Dalam mesyuarat ini, pihak penyelidik APPGM-SDG telah membentangkan dapatan kajian ini kepada wakil-wakil PDT Petaling untuk mendapatkan maklum balas dan komen penambahbaikan. Selain itu, permohonan juga disampaikan kepada pihak PDT untuk menjalankan suatu dialog antara agensi yang akan dipengerusikan oleh pihak Pegawai Daerah PDT Petaling. Ini bagi mendapatkan maklum balas daripada pelbagai agensi dan jabatan di peringkat daerah dan tempatan berhubung isu-isu yang telah dikenalpasti oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG.

Bagi menjalankan kajian lapangan pemetaan isu SDG di Parlimen Puchong, pasukan APPGM-SDG terdiri daripada Dr. Teo Lee Ken sebagai ketua penyelidik, Nur Farah Ezzaty Abdul Aziz, Siti Noraiysah Rohim, Darshini Rawichandran, Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Annabella Ching, Ain Safwanah Sadikin, dan Kezia Sim Kui Ting.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Sepanjang pelaksanaan kajian lapangan, beberapa pertimbangan etika telah dititikberatkan bagi memastikan proses pengumpulan data dijalankan secara berhemah dan menghormati hak peserta. Setiap sesi dimulakan dengan penerangan oleh ketua penyelidik mengenai tujuan kajian serta pendekatan yang digunakan. Peserta turut dimaklumkan bahawa kajian ini bersifat kualitatif dan bertujuan untuk memahami isu sebenar yang dihadapi oleh komuniti. Persetujuan peserta diperoleh terlebih dahulu sebelum sesi dijalankan, khususnya berkaitan rakaman audio, pengambilan gambar dan video. Sekiranya terdapat peserta yang tidak bersetuju, maklumat tersebut tidak akan direkod atau digunakan dalam laporan. Pendekatan ini penting bagi memastikan kerahsiaan, keselamatan dan keselesaan peserta sentiasa terpelihara sepanjang kajian.

Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Puchong, tiada halangan yang berlaku daripada segi pengambilan video, gambar dan audio.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Kekangan utama yang dihadapi dalam proses kajian lapangan ini adalah daripada segi persediaan program. Bagi menetapkan komuniti yang ingin ditemui dan juga lokasi untuk pelaksanaan FGD, komunikasi berterusan telah berlangsung dengan wakil pejabat Ahli Parlimen Puchong. Cabaran timbul apabila terdapat banyak kelompok sasar yang tidak dapat memberi maklum balas yang jelas dan awal berkaitan penyertaan mereka. Walaupun diusahakan dengan berterusan oleh wakil Ahli Parlimen, kebanyakan daripada komuniti yang dihubungi hanya memberikan pengesahan mereka untuk hadir sesi FGD pada saat yang lewat atau terakhir. Ini menyebabkan terdapat sesi yang perlu diubahsuai semula dan dijalankan pada tarikh serta hari yang lain. Pada akhirnya, bagi menangani cabaran ini, kajian lapangan yang dijalankan dibahagi dan ditetapkan pada hari yang berlainan termasuk dua hari pada bulan Februari 2026.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan utama kajian ini adalah daripada segi kumpulan sasar yang ditemui dan ditemuramah. Walaupun kajian ini dapat melibatkan sebanyak 9 kumpulan sasar menerusi 9 sesi FGD dan dialog, terdapat banyak lagi kumpulan yang mungkin tidak diliputi oleh kajian ini. Antara kelompok sasar berkaitan adalah seperti golongan belia, golongan wanita secara khususnya, golongan warga emas, dan golongan peniaga. Oleh kerana itu, terdapat juga keperluan untuk melanjutkan kajian ini kepada kelompok-kelompok berlainan yang selebihnya, sekiranya terdapat sumber dana, masa dan sokongan yang mencukupi atau tersedia.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 2. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Pembaharuan dan penambahbaikan infrastruktur, kemudahan dan penyampaian perkhidmatan awam	Penduduk dan komuniti tempatan menghadapi cabaran-cabaran yang berkait dengan keperluan prasarana dan perkhidmatan perbandaran dan awam yang kritikal. Pembentukan sistem yang baik, pembangunan yang terancang, penyelenggaraan kemudahan dan perkhidmatan, dan pengurusan perbandaran dan kemasyarakatan adalah antara isu-isu pokok. Di peringkat komuniti dan akar umbi, permasalahan yang lebih rinci termasuk reka	Sosial	Penduduk dan komuniti tempatan, komuniti Orang Asli, komuniti India	Komuniti Seri Serdang, Kampung Sri Langkas Tambahan, Kampung Sri Aman, Kampung Bersatu, Kampung Batu 12, Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu, Pangsapuri Aman, Kampung	**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		bentuk perparitan, keperluan saluran air yang besar dan moden, penyelenggaraan longkang dan pemotongan rumput, sistem kutipan sisa dan bahan buang, pengurusan jaringan pengangkutan, pembangunan hartanah yang pesat, penaiktarafan infrastruktur awam, dan pembinaan kemudahan dan ruang sosial baru.			Batu 14, Komuniti Serdang Raya, Pangsapuri Teratai	
2.	Tadbir urus baik dan hubungan pelbagai hala yang inklusif dan responsif	Penduduk dan komuniti tempatan menyampaikan bahawa antara cabaran utama yang dihadapi adalah kekurangan hubungan libat urus dengan pihak pentadbiran dan pihak berkuasa. Hubungan yang diketengahkan melibatkan komunikasi dan interaksi	Tadbir urus	Penduduk dan komuniti tempatan	Komuniti Seri Serdang, Pangsapuri Aman, Puchong New Village, Pangsapuri Teratai, Kampung Sri Aman,	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.7**: Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, menyeluruh, berpenyertaan dan berwakilan pada semua peringkat

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		antara masyarakat dan pihak pentadbir atau berkuasa bagi menyampaikan permasalahan, memberikan maklum balas berkaitan pembangunan dan penyelenggaraan tempatan, dan berkongsikan cadangan berkaitan dasar-dasar dan perkhidmatan yang dapat meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan penduduk. Pada masa kini, walaupun terdapat sistem dan wahana tertentu seperti sistem SISPAA, suatu sistem dan mekanisme libat urus yang terurus, berterusan, dan responsif masih belum wujud pada pandangan penduduk dan komuniti tempatan.			Kampung Sri Langkas Tambahan, Kampung Bersatu, Kampung Batu 12	

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Di kawasan dan bandar yang pesat membangun seperti Parlimen Puchong, di mana terdapat banyak pembangunan berterusan dan pertambahan populasi, keperluan untuk menyediakan dan mengekalkan suatu mekanisme interaksi pelbagai hala menjadi lebih mustahak.				
3.	Ancaman dan fenomena banjir	Kawasan dan Parlimen Puchong khususnya menghadapi keadaan banjir kilat bandar dan banjir berterusan di sesetengah. Ianya berpunca daripada beberapa faktor, antaranya sistem saluran dan saliran air yang tidak dapat menampung isi padu penurunan hujan yang tinggi dan mendadak.	Alam sekitar	Penduduk dan komuniti tempatan, komuniti India	Komuniti Seri Serdang, Pangsapuri Aman, Kampung Sri Aman, Kampung Sri Langkas Tambahan	**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.5**: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Selain itu, di tempat lain, ianya berpunca daripada ketiadaan sistem perparitan dan saliran yang terancang dan moden. Ini berlaku di kawasan-kawasan khususnya kampung lama dan juga penempatan yang bersempadan atau berdekatan dengan pembangunan hartanah dan bangunan baru. Ketiga dan terakhir, fenomena banjir ini juga berlaku kerana bentuk muka bumi di sesetengah lokasi. Kawasan yang rendah, dan juga dikelilingi oleh pembangunan prasarana selain tanah yang lebih tinggi menyebabkan banjir senang berlaku dan berterusan.				**Sasaran 11.b**: Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai serta melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah keterangkuman, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, daya tahan terhadap bencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat seiring dengan Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4.	Pendapatan bermartabat dan akses kepada peluang pekerjaan yang baik	Terdapat kelompok komuniti tertentu dan rentan yang menghadapi cabaran sosio-ekonomi di Parlimen Puchong. Secara lebih khusus, ianya terdiri daripada pendapatan yang rendah atau setakat tahap gaji minima. Keadaan ini juga berkait dengan ketiadaan kemahiran yang tinggi dan kurang akses kepada peluang pekerjaan yang baik dan berpendapatan sederhana. Antara kelompok yang terkesan adalah seperti golongan orang asli di kawasan Kampung Sungai Rasau Hulu dan Kampung Sungai Rasau Hilir.	Ekonomi	Komuniti Orang Asli	Kampung Sungai Rasau Hulu, Kampung Sungai Rasau Hilir	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 3. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 1: Dialog bersama Komuniti Seri Serdang, Taman Sri Andalas **Tarikh**: 25 Januari 2026 **Lokasi**: Balai Raya Sri Andalas, Jalan 4/3 Sesi ini melibatkan 17 orang penduduk dari kawasan Taman Sri Andalas, Taman Sri Serdang Fasa 4 dan 5, dan Kembang Sari.		
1.	Fenomena banjir kilat bandar	Banjir berlaku semasa hujan lebat. Sungai Kuyoh tidak dapat menampung air apabila hujan berterusan. Apabila hujan turun dengan intensiti tinggi, air sungai akan melimpah keluar dan tersebar ke kawasan taman perumahan. Keadaan ini menyukarkan pergerakan kenderaan dan penduduk untuk keluar masuk kawasan. Limpahan air ini telah menutup laluan jalan raya, menyebabkan kesukaran akses apabila berlaku hujan lebat. Kawasan terkesan adalah seperti Taman Seri Kembangan dan Sri Andalas.
2.	Kemudahan dan perkhidmatan perbandaran tempatan yang kurang terancang	**Reka Bentuk Perparitan dan Aliran Air tidak Lancar** Sistem reka bentuk perparitan yang tidak sistematik dan sesuai, di mana di kawasan pembangunan baru saluran perparitan adalah besar dan dapat menyalurkan air keluar. Namun, di kawasan lama salurannya adakah kecil. Ini menyebabkan air dari saluran parit besar berpatah balik dan melimpah kawasan perumahan lama. Akibatnya, banjir berlaku walaupun hujan hanya 20 minit. Keadaan ini telah berterusan selama 30 tahun. Keadaan ini berlaku di kawasan Kembang Sari Fasa 2B.
		Keperluan saluran air yang lebih besar dan moden Wujud keadaan di mana banyak air mengalir keluar ke kawasan yang bawah (*culvert*) dan kapasiti saluran pengaliran keluar tidak mencukupi. Ini kerana isi padu air yang masuk adalah besar dan kadar aliran adalah perlahan, menyebabkan air naik cepat setiap kali hujan lebat.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Aduan pernah dilakukan, tetapi penduduk dimaklumkan bahawa terdapat pertindihan bidang kuasa antara MBSJ dan JKR. Oleh sebab itu, tindakan tertangguh. Terdapat cadangan daripada penduduk untuk menaiktaraf atau membesarkan saluran air di kawasan berkaitan, contohnya Jalan Raya 5 dan Jalan 4/4 berdekatan sekolah cina (SJKC Serdang Baru 2). Di kawasan lain, seperti Kembang Sari 2B, dan Jalan Pasoh 4/5B dan 5/5B, longkang baru dibina yang mengalir ke arah masjid. Namun, longkang yang baru lebih tinggi daripada longkang yang lama. Kesannya adalah tiada pengaliran air yang baik dan berlaku kejadian banjir.
		Keselamatan Jalan dan Cadangan Pembinaan Pagar Terdapat kebimbangan terhadap keadaan longkang besar (*monsoon drain*) berdekatan kawasan perumahan dan laluan penjalan kaki yang tidak mempunyai pagar. Tempat yang ditimbulkan adalah kawasan sekitar Jalan 4/4, berhampiran sekolah cina (SJKC Serdang Baru 2). Ini menyebabkan risiko orang untuk terjatuh.
3.	Perkhidmatan penyelenggaraan awam yang kurang cekap dan berkesan	**Penyelenggaraan Longkang dan Pemotongan Rumput** Kerja-kerja pemotongan rumput dan penyelenggaraan longkang tidak dilakukan dengan baik. Kerja pemotongan rumput dijalankan di bahagian tertentu sahaja. Penyelia juga dikatakan tidak memantau proses pemotongan dengan rapi. Kawasan yang terlibat adalah Taman Sri Andalas, Fasa 5 Taman Sri Serdang, Taman Kembang Sari. Longkang di kawasan persekitaran tidak dijaga dengan baik. Ini menyebabkan ruang longkang tidak dibersihkan dan dipenuhi dengan pertumbuhan lalang. Terdapat juga longkang yang pecah dan tebingnya yang runtuh. Tempoh pembaikan boleh mengambil antara 6 ke 8 bulan. Maklum balas yang diberikan apabila permohonan dibuat adalah ketiadaan peruntukan. Kawasan yang terkesan adalah Fasa 5 Taman Sri Serdang, Kembang Sari 2B.
		Proses Kutipan dan Pemantauan Sampah yang tidak Jelas Penduduk menyampaikan bahawasanya mereka tidak dimaklumkan tentang jadual kutipan sampah. Mereka juga tidak tahu siapa yang mereka boleh hubungi jika mempunyai sebarang masalah. Pada masa sama, tidak ada pihak yang memantau kutipan dan pembersihan sampah dan jalan. Lori

BIL.	ISU	PENERANGAN
		sampah yang bergerak meninggalkan kesan air kotor dan berbau busuk. Penduduk perlu membersihkan jalan dengan air. **Terdapat juga risiko pencemaran kerana alirannya ke sungai atau sumber air awam.** Turut dikongsikan pada dulunya, kutipan sampah adalah awal pagi sekitar jam 5 pagi. Tetapi kini kutipan adalah pada sekitar jam 6 pagi. Masa ini dianggap tidak sesuai kerana menggendala aliran trafik di mana penduduk mula keluar bekerja atau menghantar anak ke sekolah.
		Penyelenggaraan dan Kualiti Penutup Utiliti Satu isu yang kerap berulang kali adalah penutup utiliti (atau longkang) yang kerap dan mudah pecah walaupun telah dibaiki berkali-kali. Keadaan ini menimbulkan persoalan dalam kalangan penduduk tentang kecekapan dan kualiti kerja pembaikan yang dilakukan.
4.	Ketiadaan hubungan serta mekanisme libat urus antara penduduk dan pihak berkuasa awam yang responsif	Penduduk menyuarakan jurang komunikasi dan hubungan antara kumpulan dan komuniti penduduk tempatan dengan pihak-pihak berkuasa kerajaan di peringkat setempat. Antara contoh, pada pandangan mereka (Taman Sri Andalas) adalah seperti sistem SISPA yang digunakan tidak bersifat responsif yang menyeluruh dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan maklum balas. Tempoh masa yang biasa untuk jawapan adalah 15 hari. Jawapan kepada semua isu umumnya standard, dan untuk aduan tiada tindakan yang sebenar ataupun tindakan tidak menangani punca utama/akar. Contoh lain adalah seperti luahan penduduk sama ada dalam bentuk permohonan ataupun aduan, berkenaan kemudahan lampu, proses kutipan sampah, pemotongan rumput, penyelenggaraan longkang dan parit, serta pengawalan binatang seperti burung gagak dan anjing. Persepsi atau rasa yang wujud adalah seperti permasalahan mereka tidak diberi maklum balas atau diselesaikan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Dalam kes permohonan pemasangan lampu (Taman Sri Andalas), tiada jawapan lagi walaupun dimohon pada Disember 2025. Pihak yang berperanan juga tidak jelas dengan TNB dan MBSJ masing-masing mengatakan bahawa tugas ini terletak pada pihak yang satu lagi antara mereka. Penduduk berpendapat perlu ada satu proses di mana segala keputusan berkaitan sesuatu isu dapat disampaikan kembali oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab kepada penduduk yang terlibat.

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 2: Dialog bersama Komuniti India dan Pangsapuri Aman, Puchong Prima **Tarikh**: 25 Januari 2026 **Lokasi**: Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima Sesi ini dihadiri oleh seramai 7 orang dengan penduduk dari kalangan etnik India yang juga penduduk Pangsapuri Aman.		
1.	Pengurusan dan penyampaian perkhidmatan penyelenggaraan awam yang lemah	Penduduk menyuarakan bahawa lif di sini kerap rosak dan berulang kali. Butang dalam lif rosak, dan adakalanya sehingga 3 bulan. Penyelenggaraan lif tidak konsisten. Terdapat keadaan di mana bantuan perubatan tidak dapat disampaikan kerana lif rosak dan tidak dapat diguna oleh pesakit.
		Penduduk memerhatikan bahawa tidak dapat bekalan air bomba. Paip bomba yang sedia ada tidak berfungsi. Keadaan ini dikatakan telah berlangsung selama 3 tahun. Ini membahayakan nyawa penduduk apabila berlaku kebakaran.
		Tempat meletak kenderaan tidak mencukupi. Penduduk menyampaikan bahawa aduan telah dilakukan. Tetapi masih lagi tidak ada penyelesaian. Kawasan letak kereta juga diisi oleh kenderaan-kenderaan rosak dan terbiar.
		Longkang di kawasan pangsapuri tidak dibersihkan dengan baik. Keadaan ini dikatakan telah berlanjutan selama bertahun. Longkang yang besar di kawasan sekitar juga tidak mempunyai penutup yang sesuai. Terdapat kes di mana orang pernah terjatuh dalam longkang.
		Kemudahan tiang lampu di kawasan pangsapuri dan persekitaran kawasan pangsapuri ada yang telah rosak dan sudah tidak berfungsi. Ini termasuk koridor pangsapuri, dan juga taman kanak-kanak yang sudah 2 tahun tidak berfungsi. Dilaporkan bahawa pernah berlaku kes ragut di sekitar kawasan ini.

BIL.	ISU	PENERANGAN
2.	Fenomena banjir kilat	Keadaan banjir berlaku berulang kali. Apabila hujan lebat akan berlaku takungan air. Kadang-kadang bertakung sehingga lima jam. Ini menyebabkan kereta ada yang rosak dan ada yang perlu dialihkan. Dikatakan bahawa air pernah naik sehingga memasuki kawasan lif bangunan.
3.	Tiada kepimpinan dan organisasi tempatan yang boleh mengorganisasikan penduduk setempat bagi penyelesaian masalah	Penduduk menyuarakan tentang kelompongan pimpinan dan organisasi pengurusan di pangsapuri ini. COB yang ada dikatakan tidak dapat menguruskan pangsapuri dengan baik, dan tidak mahu serahkan pengurusan pangsapuri kepada penduduk yang berkaitan. Sudah 2 ke 3 tahun mesyuarat tidak dijalankan antara penduduk dan pihak pengurusan. Pada masa ini, ejen luar yang dilantik untuk menguruskan kawasan pangsapuri. Akibatnya pelbagai masalah telah berlaku dan ada yang belum lagi diselesaikan. Antaranya adalah pandangan bahawa berlaku pecah amanah oleh pengurusan terdahulu, sekitar 2010-2012, yang berjumlah sekitar RM450,000; yuran dikutip tiap bulan tetapi tiada penyelenggaraan yang baik dan juga penyata kewangan tidak dibentangkan oleh pengurusan; tunggakan dan hutang daripada bil air dan elektrik yang cecah puluhan ribu; dan juga kerosakan lif.
4.	Ketiadaan hubungan partisipatif dan demokratik antara penduduk dan pihak berkuasa awam	Penduduk tempatan tidak tahu dan tidak ada hala tuju ke mana dan dengan siapa mereka patut mengutarakan cabaran harian dan pandangan mereka. Keadaan kawasan pangsapuri yang usang dan daif, serta kelemahan pengurusan yang sedia ada memburukkan lagi kesusahan mereka. Cubaan penduduk untuk menghubungi serta mendapatkan bantuan daripada MBSJ juga tidak mendatangkan hasil yang baik dan menyelesaikan isu-isu mereka. Pada masa sama, usaha mereka untuk mendapatkan maklum balas yang jelas dan tindakan susulan berkaitan masalah mereka daripada pihak COB dan juga MC juga tidak berhasil. Dilaporkan bahawa MC yang ada merupakan orang luar, dan hanya hadir ke kawasan sekali atau dua kali dalam sebulan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
5.	Fenomena peminggiran sosial	Pangsapuri ini mempunyai dua blok, Blok A yang mempunyai 240 rumah dan Blok B yang mempunyai 140 rumah. Anggaran jumlah penduduk di sini adalah seramai 1700 orang. Kebanyakan penduduk di sini mempunyai kerja kontrak, sebagai *cleaner* ataupun pekerjaan yang tidak tetap. Kebanyakan penduduk juga dalam kelas ekonomi B40. Pandangan tempatan adalah lebih kurang 60 peratus yang mendiami adalah penyewa, termasuk oleh warga negara lain. Demografi sebegini, ditambah dengan isu-isu yang sedia ada, menjadikan tempat ini sebagai berisiko tinggi untuk aktiviti dan tindakan anti-sosial disebabkan oleh kadar deprivasi yang tinggi.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 3: Dialog bersama Wakil Penduduk Puchong New Village **Tarikh**: 25 Januari 2026 **Lokasi**: Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima Sesi ini melibatkan wakil-wakil beretnik India daripada kawasan Kampung Baru Puchong (Puchong New Village), yang wujud sejak sebelum zaman penjajahan British. Perbincangan fokus ini melibatkan seramai 3 orang.		
1.	Tiada hak milik tanah dan perumahan baru selepas diusirpindahkan	Penduduk yang mendiami kawasan Kampung Baru Puchong (Puchong New Village) ini menghadapi isu hak milik tanah dan rumah sejak berpuluh tahun. Mereka diberikan status TOL, tetapi tidak diberikan hak milik kekal terhadap lokasi yang mereka tinggal atau mana-mana lokasi lain. Tempat yang penduduk yang kini tinggal dikatakan mempunyai asal usul sebagai sebuah kampung yang awalnya wujud ketika zaman British. Oleh sebab ada proses pemindahan, mereka dijanjikan akan mendapat perumahan baru. Terdapat dua usaha. Satu dikatakan pada tahun 1972. Dan satu lagi dikatakan sekitar 2008, di mana dalam mesyuarat antara penduduk, majlis dan pemaju, pemaju bersetuju sediakan rumah teres 2 tingkat. Plot tanah baru juga dikatakan telah dikenal pasti. Namun, projek tidak berjalan dan tanah masih kosong. Sehingga sekarang mereka masih tidak menerima apa maklum balas dan kini duduk di kawasan ini (Puchong New Village). Sementara itu, dikatakan majlis telah merobohkan beberapa struktur lama di kawasan sama.
2.	Ketiadaan jalinan hubungan libat urus antara penduduk terkesan dengan pihak berkuasa dan pemaju	Penduduk telah menyampaikan bahawa mereka telah menghantar dokumen dan memorandum berkenaan isu ini kepada pelbagai pihak. Ini termasuk pejabat Menteri Besar, pejabat ADUN, EXCO kerajaan negeri. Perkara ini juga dalam makluman pihak majlis. Akan tetapi, masih tiada maklum balas rasmi daripada mana-mana pihak.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 4: Dialog bersama Komuniti Pangsapuri Teratai, Taman Puchong Prima **Tarikh**: 26 Januari 2026 **Lokasi**: Pangsapuri Teratai, Taman Puchong Prima Sesi ini melibatkan wakil-wakil daripada Pangsapuri Teratai, yang juga wakil-wakil daripada kumpulan-kumpulan KRT, Muslimah Lotus Craft, dan MC Pangsapuri. Pangsapuri ini dibangunkan sejak sekitar 2003. Perbincangan fokus ini melibatkan seramai 7 orang.		
1.	Ketiadaan barisan kepimpinan muda dan pelapis untuk memimpin dan meneruskan kegiatan organisasi setempat	Pangsapuri ini mempunyai gerakan komuniti yang aktif. Terdapat MC, KRT dan persatuan penduduk serta organisasi lain seperti kelompok wanita (Muslimah Lotus Craft) yang menjalankan banyak aktiviti. Namun, kebanyakan ahli dan pemimpin yang ada merupakan individu yang telah lama bergiat dan juga orang yang sama. Generasi baru tidak ada untuk menggantikan generasi yang lama. Ini berlaku kerana anak-anak yang telah besar dan bekerja kemudiannya berpindah keluar daripada pangsapuri ini. Penduduk telah gambarkan keadaan ini sebagai 'patah tumbuh, tak ada ganti.' Oleh kerana itu, pada masa depan dijangkakan banyak aktiviti yang sedia ada akan beransur kurang ataupun tidak berterusan dan henti sama sekali.
2.	Pembangunan infrastruktur besar dan urbanisasi yang tidak mesra kebajikan penduduk setempat	Pembangunan fizikal berlaku dengan pesat di sekitar kawasan luar kediaman pangsapuri. Ini telah menyebabkan landskap dan ruang persekitaran menjadi semakin padat dan sibuk. Antaranya adalah pembinaan infrastruktur seperti stesen dan jaringan LRT yang baru. Kesannya adalah masalah trafik, kawasan letak kereta dan kesesakan lalu lintas. Penduduk menyampaikan bahawa banyak kereta diletak di bahu jalan dan juga di suatu ruang lapangan luas yang berdekatan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Pemilik kereta ini bukan penduduk setempat, tetapi golongan yang gunakan LRT untuk ke tempat kerja. Selain itu, terdapat juga banyak kereta yang terbiar. Kereta-kereta ini diletakkan di kawasan dan ruang kosong di luar kawasan pangsapuri. Ada kenderaan yang sebelum ini ditunda, tetapi keadaan masih berulang. Bagi penduduk, kejadian ini menimbulkan gangguan akses dan keselamatan.
3.	Keperluan dana tambahan yang besar untuk memperbaharui landskap persekitaran pangsapuri	Oleh kerana pangsapuri ini diasaskan sekitar 30 tahun yang lalu, banyak kemudahan dan struktur perlu penambahbaikan semula. Ini termasuk dengan sistem perpaipan untuk bekalan air dan landskap di sekitar kawasan dalaman pangsapuri. Namun, penduduk di sini tidak berupaya mengumpul dana yang diperlukan secara sendiri. Kos untuk penambahbaikan dan juga naik taraf perlukan perbelanjaan yang besar, yang mungkin mencecah beratus ribu (anggaran kos RM100,000 untuk menukar paip lama, dan RM500,000 untuk mengecat semula bangunan). Penduduk menyampaikan bahawa KPKT mempunyai dana, tetapi peruntukan yang ada tidak mencukupi. Umumnya, peruntukan padanan (*matching fund*) diperlukan. Dan kutipan penduduk tidak dapat memenuhi jumlah yang diperlukan. Kadar bayaran penyelenggaraan yang dikutip daripada penduduk setiap bulan adalah sekitar RM70 setiap isi rumah. Daripada jumlah ini, RM63 digunakan untuk kos-kos penyelenggaraan semasa dan berterusan. Manakala yang bakinya diasingkan sebagai dana simpanan. Daripada segi komitmen bayaran, bukan semua penduduk yang bayar secara konsisten. Maka dana yang dapat dikumpul dan disimpan juga terhad.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Kekurangan komunikasi libat urus antara penduduk tempatan dan pihak berkuasa	Penduduk menyampaikan bahawa hubungan antara komuniti setempat dan pihak-pihak berkuasa awam perlu dieratkan. Pada masa kini, tiada pentas yang berkesan untuk menyampaikan dan mendapatkan kembali maklum balas konkrit, atau sekiranya adapun penyelesaian yang berkesan yang dapat menangani masalah penduduk tidak dapat dicari. Sebagai contohnya, projek pembangunan besar yang di sekitar kawasan pangsapuri. Pembinaan LRT dilaksanakan tanpa dialog bersama penduduk, dan penerangan tentang kesan-kesan sebelum, semasa dan selepas pembinaannya. Dan oleh sebab itu, kesan-kesan negatif seperti kepadatan tinggi, kekurangan tempat letak kenderaan, dan limpahan kenderaan di tepi jalan dan kawasan perumahan hanya dilihat selepas pembangunan sudah tamat dan beroperasi. Secara harian, jalan yang sepatutnya dua lorong telah menjadi satu lorong sahaja.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 5: Dialog bersama Wakil JAKOA, Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir **Tarikh**: 26 Januari 2026 **Lokasi**: Restoran KM Corner, Puchong Sesi ini melibatkan perbincangan menerusi kaedah temu bual mendalam berfokus bersama seorang wakil JAKOA Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir.		
1.	Peminggiran anak-anak komuniti orang asli daripada sistem pendidikan arus perdana	Di sekitar kawasan Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir, terdapat beberapa sekolah seperti SK Saujana Puchong, SMK Puchong Batu 14, SJKC Han Ming dan SMK Puchong Utama 1. Anak-anak komuniti orang asli di sini pergi ke sekolah-sekolah yang berdekatan. Namun, kadar ketidakhadiran murid-murid orang asli di sekolah-sekolah adalah tinggi. Secara anggaran, daripada 200 anak-anak, 50 tamat sekolah rendah, 20 ke sekolah menengah, dan 12 sampai tahap menengah rendah. Mengikut anggaran semasa pada tahun ini, terdapat 2 pelajar dari Kampung Sungai Rasau Hilir di SMK Puchong Utama 1, dan bakinya di SMK Puchong Batu 14. Bilangan pelajar yang sampai tingkatan 5 tidak tinggi, dan dianggarkan kadang hanya seorang yang sampai tingkatan 5. Wakil JAKOA menyatakan bahawa kebanyakan keluarga tidak tegas dengan kehadiran anak-anak mereka ke sekolah, dan hanya segelintir sahaja yang mengikuti jadual kehadiran. Wakil JAKOA menyatakan beberapa punca untuk kurang kehadiran dan minat termasuk kesedaran tentang kepentingan persekolahan masih rendah, isu buli, dan minat terhadap sukan atau program yang menggunakan kaki dan tangan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Bagi yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah, sokongan ibu bapa memainkan peranan penting. Dan dorongan kepada ibu bapa ini dipengaruhi oleh pergaulan mereka dengan orang luar. Difahamkan, ada sekitar 5-6 belia yang mencapai peringkat ini.
2.	Kecenderungan untuk berkeluarga seawal 16 tahun	Wakil JAKOA menyampaikan bahawa ada kecenderungan untuk remaja atau belia orang asli di sana untuk kahwin pada usia yang lebih awal, yakni umur 16 tahun. Perkahwinan sebegini dianggap sebagai perkara yang biasa. Antara faktor yang memudahcarakan perkara ini termasuk budaya pergaulan yang luas antara belia dan amalan lain seperti joget lambak. Dan antara kesan serius dinamik sebegini adalah golongan belia berhenti sekolah. Tindakan dan pilihan untuk bekerja lebih menyerlah. Apabila berhadapan antara tuntutan ekonomi serta perlunya peroleh pendapatan, dengan melanjutkan pendidikan, pekerjaan menjadi lebih mustahak. Peluang pendidikan dan latihan yang disampaikan oleh JAKOA turut tiada sambutan. Hasilnya, kitaran terpinggir daripada arus pendidikan berterusan dan juga pekerjaan formal tidak dapat dilakukan kerana tiada sijil formal atau akademik.
3.	Aras pendapatan golongan bekerja dalam kalangan komuniti ini yang rendah	Komuniti orang asli di sini dulunya terlibat banyak terlibat dengan ekonomi tradisional, termasuk pertanian, berkebun dan dijalankan contohnya di hutan. Kini, ramai yang bekerja dalam sektor kerja kemahiran rendah dan pendapatan rendah. Contohnya kerja landskap, tukang sapu dan kerja-kerja am yang lain. Bilangan yang bekerja sektor awam/kerajaan segelintir sahaja. Jumlahnya antara 5 ke 6 orang dan bertempat di Cyberjaya dan Putrajaya.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Keterlibatan dalam sektor ekonomi tradisional dan sara diri kini telah digantikan oleh penyertaan dalam ekonomi bergaji atau upahan. Dalam kalangan golongan berpendapatan rendah ini, kumpulan yang signifikan adalah wanita. Dan lebih khusus lagi dalam kumpulan ini adalah kelompok ibu tunggal. Terdapat sekitar 20 ibu tunggal dalam kampung ini. Bagi wanita yang bekerja, pekerjaan sebagai tukang sapu menjadi sumber pendapatan utama.
4.	Perilaku anti-sosial dan peminggiran sosial	Kumpulan penyelidik dimaklumkan bahawa tabiat minum arak merupakan isu sosial yang ketara di kampung ini. Tabiat ini berpunca bukan daripada tradisi atau amalan, tetapi disebabkan oleh tindakan pembelian minuman arak dari luar kawasan kampung. Tabiat ini kemudiannya menjadi ketagihan, dan digunakan sebagai cara untuk menangani tekanan hidup bagi mereka yang bekerja. Salah satu kesan negatif yang timbul daripada proses ini adalah berlakunya isu keganasan rumah tangga. Difahamkan bahawa ada satu kes yang telah berlaku dan hanya timbul dan diketahui kerana melibatkan ancaman kepada nyawa. Turut disampaikan bahawa secara kebiasaannya, kes-kes yang berlaku tidak didedahkan selagi tidak mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 6: Dialog bersama Komuniti Kampung Batu 14 **Tarikh**: 27 Januari 2026 **Lokasi**: Balai MPKK & JKKK, Kampung Batu 14, Puchong Sesi ini melibatkan penduduk dari Kampung Batu 14. Peserta yang hadir adalah seramai 12 orang.		
1.	Intensiti pembangunan hartanah yang pesat	Kampung Melayu Batu 14 dan kawasan sekitarnya dikatakan telah wujud lebih 100 tahun, bermula 1920an. Sejak itu, telah berlaku pembangunan pesat di kawasan ini, termasuk pembinaan kondominium dan apartmen yang banyak di sekitar kampung ini. Perkembangan ini menimbulkan beberapa kesan urbanisasi dan sosial yang negatif. Antaranya adalah jalinan pengangkutan yang sedia ada tidak dapat menampung peningkatan penduduk dan kenderaan yang terbentuk. Hasilnya adalah kesesakan lalu lintas yang teruk. Ianya juga bertambah serius dengan wujudnya sejumlah 6 buah sekolah yang di sekitar kawasan kampung ini. Apabila di waktu puncak (*peak hours*), seperti bermula atau tamatnya sesi persekolahan, maka kesesakan jalan yang teruk akan berlaku. Secara keseluruhannya, kapasiti kemudahan awam yang wujud kini tidak dapat menampung pertambahan dan kemajuan yang berlaku di sekeliling kawasan.
2.	Keperluan untuk menaiktaraf dan menambahbaik sistem dan infrastruktur awam sedia ada yang uzur	Kampung ini dan kawasan sekitarnya yang wujud sejak 1920an memerlukan penambahbaikan dan menaik taraf kemudahan dan sistem yang sedia ada. Antaranya adalah seperti jalan raya yang perlukan penyelenggaraan yang baik, tiang telefon yang perlu diselenggara dan naik taraf, jalan aliran trafik yang perlu ditambah baik, dan papan-papan tanda jalan yang perlu diperbaharui.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Selain itu, sekolah di sini juga perlu dinaiktarafkan. Antaranya adalah sekolah KAFA dan TABIKA KEMAS. Oleh kerana kampung di sini telah wujud untuk tempoh yang panjang, sekolah-sekolah ini sudah menjadi lama. Sekolah di sini juga menghadapi keadaan sama. Salah satu keperluan TABIKA KEMAS juga adalah kawasan tanah. Ini kerana tanah yang sedia ada merupakan tanah berstatus milik persendirian.
3.	Kekurangan kemudahan untuk jaminan kualiti hidup masyarakat awam	Penduduk kampung menyampaikan bahawa kawasan ini kekurangan infrastruktur utama. Antara kemudahan asas dan sosial yang diperlukan seperti dewan masyarakat yang moden, perpustakaan awam, dan taman permainan. Pusat rekreasi atau sukan juga diperlukan. Golongan belia yang ada di sini ramai dan juga aktif dalam menjalankan aktiviti.
4.	Tiada sistem pengurusan sisa yang terancang dan meluas	Antara keperluan yang paling utama di sini adalah sebuah tempat pengumpulan sampah yang berpusat dan moden. Setakat ini, dikatakan belum ada lagi rumah sampah yang sah dan sesuai.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 7: Dialog bersama Komuniti Serdang Raya **Tarikh**: 27 Januari 2026 **Lokasi**: Balai Masyarakat, Taman Serdang Raya, Seri Kembangan Sesi ini melibatkan seramai 12 orang, bersama penduduk komuniti Serdang Raya yang berkediaman di kawasan termasuk Serdang Lama, Serdang Perdana 5, Serdang Raya 8, Serdang Raya 1, dan Taman Muhibbah.		
1.	Keperluan untuk penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam di peringkat tempatan	Terdapat beberapa respon berkaitan isu perbandaran yang penduduk menyatakan perlukan perhatian. Antaranya adalah tempat atau padang yang telah kosong (Serdang Perdana) selama sekitar 10 tahun. Kawasan ini memerlukan pemantauan berterusan kerana telah menjadi tempat pembiakan aedes. Ia turut menjadi tempat pembuangan sampah. Pembersihan dilakukan hanya apabila aduan dilakukan, berbanding pembersihan berterusan. Longkang di sekitar kawasan (Serdang Perdana) juga tidak mempunyai penutup. Hanya sebahagian sahaja yang ada, iaitu lebih kurang 8, manakala yang lainnya tiada. Dikatakan bahawa kali terakhir aduan dibuat adalah pada bulan Jun tahun 2025. Selain itu, penjagaan landskap persekitaran, seperti pemotongan pokok, tidak dibuat dengan konsisten. Ada tempat yang diselenggara dengan baik tetapi ada juga kawasan yang tiada penyelenggaraan. Pagar di sekitar kawasan jalan utama (Serdang Perdana 1-5) telah rosak dan tidak dibaiki walaupun sudah lama.

BIL.	ISU	PENERANGAN
2.	Pemeliharaan dan pemuliharaan kemudahan awam yang perlu dilaksanakan	Penduduk (Serdang Raya 8) menyatakan bahawa terdapat beberapa kemudahan awam yang memerlukan penyelenggaraan serius. Antaranya adalah taman permainan dan juga gelanggang bola keranjang. Permukaan gelanggang perlukan penambahbaikan semula yang mungkin mengambil perbelanjaan sekitar RM 150,000 ke RM 200,000. Selain itu, padang yang sedia ada sudah lama, dan mengalami banjir dengan senang apabila hujan lebat. Di kawasan Taman Muhibbah, gelanggang futsal yang sudah 5 tahun perlukan pembaikan. Dulu pernah diperbaiki, tetapi kemudian tidak diteruskan. Antaranya getah gelanggang yang sudah koyak dan perlu ditukar, dan juga pagar yang telah rosak. Gelanggang bola keranjang yang sedia ada juga perlu pembaikan kerana konkrit telah pecah, dan ketiadaan jaring dan lampu. Kawasan sekitar KTM juga perlukan penyelenggaraan, seperti laluan jejantas, longkang dan juga lampu yang perlu dipasangkan. Balai raya 19 di Taman Muhibbah perlukan pembaikan pulih dan juga pemotongan rumput untuk memudahkan penggunaan penduduk dan penjagaan persekitaran. Di Flat Taman Cahaya Manis (Serdang Raya 1-1), penyelenggaraan juga diperlukan. Penduduk menyatakan bahawa longkang yang ada sudah pecah, dan menyebabkan tanah sekitar mendap. Keadaan di jalan belakang flat juga gelap, dengan lampu yang dinyalakan hanya apabila lewat malam.
3.	Pengurusan jalinan hubungan pengangkutan tempatan yang lebih cekap	Penduduk menyatakan bahawa arus trafik di kawasan Serdang Raya 8 perlu perancangan dan pengurusan semula yang boleh menyenangkan penggunaan jalan raya oleh penduduk. Banyak kenderaan yang melakukan pusingan-U di jalan utama berhampiran restoran. Ini mengancam nyawa pengguna jalan raya, dan dikatakan kemalangan pernah berlaku. Selepas permohonan kepada JKR, satu bonggol telah dibina. Namun, tindakan pusingan-U masih berterusan. Terdapat cadangan untuk membina papan tanda melarang pusing-U atau untuk membina lampu trafik.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 8: Dialog bersama Komuniti Kampung Sri Langkas Tambahan **Tarikh**: 5 Februari 2026 **Lokasi**: Dewan Orang Ramai, Kampung Sri Langkas Tambahan Sesi ini melibatkan komuniti-komuniti tempatan di Kampung Sri Langkas Tambahan. Seramai 12 orang telah hadir, termasuk penduduk dari kawasan Kampung Sri Aman, Kampung Bersatu, dan Kampung Batu 12.		
1.	Fenomena banjir bandar yang berterusan	Penduduk di Kampung Sri Aman menyatakan antara masalah terbesar adalah fenomena banjir. Ianya berpunca daripada sistem perparitan yang lama yang sudah tidak sesuai untuk konteks semasa, juga perparitan yang tersumbat atau ada sampah, dan landskap serta perancangan di mana jalan adalah lebih rendah daripada parit, dan kampung sedia ada lebih rendah daripada jalan dan sungai sekitar. Antara contoh adalah di Jalan Bestari 7, di mana jalan di sana adalah lebih rendah daripada parit. Pada tahun 2021, banjir yang teruk pernah berlaku. Selain itu, isi padu air yang banyak yang tidak dapat ditampung oleh rangkaian saluran sedia ada juga menyebabkan banjir. Contohnya, air yang mengalir masuk kampung dari taman-taman sekitar yang berdekatan Sungai Air Hitam menjadi punca. Ada cadangan supaya mekanisme pam digunakan. Terdapat cadangan juga supaya kawasan lombong didalamkan untuk menjadi kawasan takungan air. Pada masa kini, hanya Tasik Buaya yang menjadi kawasan tadahan. Cadangan lain juga adalah supaya penyelenggaraan pintu air (*floodgate*) ditambah baik.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Di Kampung Sri Langkas, banjir kilat merupakan masalah besar. Ini berpunca daripada bentuk landskap kampung yang seperti tempurung mengikut penduduk dan kawasan rendah. Saliran longkang yang sedia ada kecil. Air yang melalui saliran juga mengalir balik dari tempat-tempat lain. Contohnya di Lorong Berkat 1, air dari Sg Kelang dan Sungai Air Hitam bertolak balik ke kawasan kampung. Isu berhubung sistem saliran ini dikatakan sejak 2008 lagi. Mengikut penduduk, sistem perparitan dan longkang di sekitar kawasan ini perlu dinaiktarafkan. Ada beberapa usaha telah dijalankan oleh pihak berkuasa, tetapi tidak berkesan atau sesuai. Contohnya, pihak pembangunan luar bandar telah membina saluran longkang. Tetapi saluran yang dibina adalah berselang seli di tempat berlainan dan tidak terhubung. Kemudian pihak MBSJ pernah membina longkang berbentuk V dan kemudiannya U, tetapi masih tidak memadai. Pihak Pejabat Daerah ada juga usaha untuk membina balik jaringan saliran longkang, tetapi dikatakan tidak berlaku. Dan akhir, pihak JPS dikatakan ada peruntukan RM10 juta untuk tangani isu ini, tetapi penyelesaian yang dilaksanakan masih tidak sesuai.
2.	Ketiadaan pembangunan kampung-perbandaran yang mampan	Antara isu yang menggambarkan kawasan-kawasan kampung di sini, seperti di Kampung Sri Aman dan Kampung Sri Langkas Tambahan, ada ketiadaan satu perancangan perbandaran yang moden yang mengambil kira kedudukan dan kewujudan kampung-kampung ini. Dimaklumkan bahawa kampung-kampung yang ada di sini telah wujud sekitar 40 tahun. Dan oleh itu, memerlukan penambahbaikan dan naik taraf untuk kemudahan dan infrastruktur di sekeliling yang sedia ada. Antaranya adalah sistem perparitan dan sistem jalan raya yang lebih moden dan terancang yang sesuai untuk tuntutan dan konteks semasa.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Sebagai contoh, di kawasan Lorong Bestari 4 (Kampung Sri Aman), terdapat rumah tetapi tidak ada saliran perparitan. Di Kampung Sri Langkas juga, saliran longkang pernah dibina pada 2011, tetapi dibina di kawasan berlainan dan tidak terancang. Keadaan bertambah genting dan keperluan semakin mendesak apabila berlaku pembangunan hartanah yang pesat di sekeliling kawasan kampung.
3.	Sistem penyelenggaraan kemudahan dan perkhidmatan awam yang tidak terancang	Pemerhatian umum sekitar empat kampung, yakni Kampung Sri Langkas Tambahan, Kampung Sri Aman, Kampung Bersatu, dan Kampung Batu 12, adalah bahawa pelaksanaan perkhidmatan tempatan dan penyelenggaraan kemudahan awam perlu ditambah baik. Di Kampung Sri Aman, contohnya, jalan-jalan tidak mempunyai lampu. Jalan yang sedia ada juga kecil dan tidak ada pagar. Ini menimbulkan risiko kereta untuk masuk longkang. Keadaan ini seperti Lorong Bestari 2. Ada juga berlakunya tebing jalan dan parit yang runtuh. Yang di tepi jalan runtuh disebabkan laluan lori, manakala yang di tepi parit kerana laluan air, seperti di Lorong Berkat 2 dan 3. Kawasan ini juga tidak mempunyai sistem pengumpulan sampah yang cukup dan teratur. Mengikut penduduk, jaringan wayar telekomunikasi (Telekom) juga perlu dikemas dan diselenggara. Di Kampung Bersatu, jalan dan lorong yang sedia ada perlu dibesarkan untuk memudahkan laluan kenderaan. Di Kampung Sri Langkas, jalan-jalan walaupun sudah 15-20 tahun tetapi masih tidak diturap. Terdapat juga pokok-pokok besar yang perlu dipotong untuk elakkan kemalangan. Di Kampung Batu 12, keperluan yang sama juga disampaikan, seperti turapan jalan, longkang yang perlu penyelenggaraan, dan pengurusan sampah yang lebih baik.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Kekurangan hubungan libat urus efektif yang sistematik dan demokratik antara komuniti tempatan dan pihak berkuasa awam	Penduduk di keempat-empat kampung, menyatakan bahawa hubungan komunikasi antara penduduk tempatan dan wakil serta pihak berkuasa perlu ditambah baik. Hubungan ini penting untuk memastikan bahawa segala keperluan penduduk boleh diketengahkan, dan pada masa sama pihak yang bertanggungjawab boleh berikan maklum balas dan jawapan terhadap perkara yang diadu atau dilaporkan. Penduduk Kampung Sri Aman mengatakan bahawa sekiranya ada projek di sekitar kampung yang memberi kesan kepada penduduk, ianya patut dimaklumkan kepada orang kampung. Antara isu lain yang mustahak juga adalah kemasukan sampah dan juga tong-tong yang dibawa oleh lori-lori dari luar. Dikatakan bahawa ada kawasan lapang yang dijadikan tapak pelupusan sampah dalam kampung, dan bila air lalu atau ada hujan, bau gas akan dihasilkan. Pandangan sama disuarakan penduduk Kampung Sri Langkas. Isu kritikal seperti banjir dan juga hubungan antara penduduk setempat dengan warga asing seperti komuniti Rohingya perlu libat urus yang berterusan yang menyelesaikan masalah penduduk. Perkara hubungan dengan komuniti Rohingya juga disuarakan oleh penduduk Kampung Bersatu dan Kampung Batu 12. Mereka mengharapkan supaya ada saluran yang aktif dan jawapan yang baik daripada pihak berkuasa apabila timbul isu atau persoalan.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 9: Dialog bersama Komuniti Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu **Tarikh**: 7 Februari 2026 **Lokasi**: Pusat Aktiviti Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu Sesi ini melibatkan komuniti orang asli dari Kampung Sungai Rasau Hulu Puchong. Sesi ini dihadiri oleh 13 orang penduduk.		
1.	Sistem penyelenggaraan pusat aktiviti orang asli yang perlu ditambahbaik	Salah satu dasar yang baik adalah pembinaan Pusat Aktiviti Kampung Orang Asli yang didirikan di Taman Perumahan Orang Asli di sini. Dan sokongan berterusan harus diberikan kepada Pusat ini. Namun, pemerhatian lapangan menunjukkan bahawa banyak kemudahan dan alatan yang perlu ditambah baik atau diselenggara. Antaranya adalah zink bumbung yang berlubang dan rosak, saluran mengalirkan air dari bumbung yang tersumbat, dan siling bangunan yang telah pecah. Pagar di sekitar juga rosak dan perlu diperbaiki. Selain itu, lampu, pendawaian, tingkap dan pintu juga telah rosak dan perlu diperbaiki. Di pusat ini juga tiadanya meja dan kerusi yang boleh digunakan oleh komuniti. Peralatan lain yang tiada adalah perabot, kipas, papan kenyataan, dan peralatan serta kemudahan untuk aktiviti rekreasi dan riadah. Bilik tandas di pusat ini tidak ada bekalan air. Ini kerana meter paip telah diambil berikutan pemilik terdahulu yang tidak melangsaikan hutang bil bekalan air. Permohonan pernah dibuat kepada JAKOA untuk membaik pulih dan menaik taraf barangan sedia ada. Namun, belum lagi mendapat maklum balas. Permohonan kali terakhir dibuat pada bulan Jun tahun 2025.

BIL.	ISU	PENERANGAN
2.	Aras pendapatan golongan bekerja orang asli yang setakat gaji minima	Komuniti orang asli di sini yang bekerja secara formal berpendapatan dalam golongan B40. Kebanyakan kerja di luar atau sektor swasta/persendirian. Contoh sebagai tukang cuci atau pembersih. Gaji yang diperolehi adalah sebanyak RM1700. Ada segelintir yang kerjanya sebagai pekebun di Hutan Simpan Ayer Hitam dan juga sebagai penoreh getah. Pokok getah yang ada banyak, tetapi hasil yang diperolehi rendah kerana kebanyakan pokok sudah tua. Hasil yang diperolehi adalah sekitar RM60-80 sahaja sebulan. Mengikut perspektif dan bagi golongan wanita, ramai yang mencari kerja. Kebanyakan tiada kerja tetap, contohnya hanya mencari hasil hutan atau aktiviti sara diri. Antara aktiviti adalah seperti niaga kecilan makanan kuih muih dan niaga atas talian. Difahamkan bahawa pendapatan isi rumah sekitar RM800 atau RM1300 sebulan dan dalam sektor, antaranya, sektor pembersihan. Ianya menunjukkan tahap ekonomi yang rendah dan tidak stabil. Tekanan kewangan menyebabkan masalah keluarga dan kesan kepada kehidupan harian penduduk.
3.	Penyediaan sistem kemudahan dan perkhidmatan asas yang perlu dimajukan	Beberapa kemudahan diperlukan di pusat aktiviti dan kawasan kampung. Antaranya adalah tempat menunggu van untuk anak-anak komuniti orang asli. Pihak JAKOA ada menyediakan khidmat van ke sekolah. Namun, tiada ada tempat menunggu atau seperti *bus-stop*. Pada masa kini, anak-anak berkumpul di Jalan 5/2 dan 5/4. Dan mereka menunggu pada awal pagi pada jam 6am.
		Kawasan di sekitar pusat aktiviti memerlukan penjagaan atau penyelenggaraan. Antaranya adalah penjagaan berterusan kutipan sampah, dan pengawalan rumput.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Saliran longkang memerlukan pembersihan. Terdapat saliran yang tidak dibersihkan. Di samping itu, tebing-tebing yang di tepi juga perlu pembaikan. Ada batu longkang yang telahpun pecah, dan ada lainnya yang kelihatan nak runtuh. Pokok-pokok yang di sekitar juga perlu dipotong. Terdapat dahan atau bahagian pokok yang telah menusuk bumbung dan saluran air.
		Taman perumahan orang asli ini memerlukan sebuah pondok kawalan. Penambahan kemudahan ini penting kerana pernah wujud kes kecurian di kawasan ini. Ianya melibatkan kecurian bateri kereta penduduk setempat. Pada masa kini, hanya palang sahaja yang digunakan. Pondok berkenaan boleh dibina di depan jalan utama, yakni Jalan 5/5.
4.	Tahap pendidikan komuniti tempatan yang tidak sampai tahap menengah dan tertiari	Permasalahan aras pendapatan ekonomi komuniti orang asli yang rendah atau gaji minima sahaja mempunyai kaitan dengan isu tahap pendidikan formal yang rendah atau tidak lengkap yang dihadapi mereka. Dialog dengan komuniti menggambarkan bahawa ada segelintir individu yang mencapai tahap pendidikan universiti dan kolej. Kebanyakan mengikut sistem pendidikan sehingga tingkatan 5. Tetapi, ada juga golongan yang tidak mencapai tingkatan 5, dan memiliki status pendidikan sekolah rendah. Antara punca yang diberikan adalah murid tidak ingin atau tidak minat belajar. Ada yang pernah menyertai GiatMara. Program TVET juga pernah dijalankan di sini. Tetapi ianya tidak mendapat sambutan daripada golongan setempat. Punca lain adalah kerana perkahwinan awal. Selepas berkahwin, individu tersebut tidak dapat atau tidak akan meneruskan pelajaran.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Keperluan penyelenggaraan pusat aktiviti dan penjanaan pendapatan melalui kebun komuniti

Dalam kajian lapangan yang dilaksanakan di Parlimen Puchong, antara kumpulan sasar yang menghadapi cabaran pembangunan yang kritikal adalah kelompok orang asli. Golongan yang terkesan adalah komuniti orang asli di Kampung Sungai Rasau Hulu.

Cabaran pembangunan yang dihadapi terdiri daripada pertamanya, pusat aktiviti orang asli yang tidak diselenggara dan dipelihara dengan baik. Isi-isi ruangan dan kemudahan yang ada dalam pusat aktiviti kebanyakannya dalam keadaan daif dan rosak. Sebagai contoh, zink bumbung bangunan dan siling bangunan sudah rosak. Daripada segi utiliti lampu dan pendawaian bangunan pusat aktiviti tidak boleh diguna. Bekalan air juga tiada. Contohnya di tandas, tiada pengaliran air. Bahagian dalaman bangunan seperti tingkap dan pintu juga rosak dan perlu diperbaiki.

Pusat aktiviti ini seterusnya tiada peralatan dan kelengkapan yang baik. Walaupun merupakan pusat aktiviti, tempat ini tidak mempunyai kerusi dan meja. Dalam bilik-bilik pusat aktiviti, tidak ada barangan seperti perabot dan papan kenyataan, dan juga kipas. Dan walaupun tempat ini merupakan pusat aktiviti, peralatan dan kemudahan yang bersesuaian untuk menjalankan acara rekreasi, berkomuniti, riadah dan pembinaan serta penjagaan kendiri tidak wujud.

Cabaran pembangunan yang kedua, adalah aras pendapatan gaji komuniti orang asli yang rendah. Untuk mereka yang bekerja dalam bidang pekerjaan formal seperti dalam sektor swasta atau persendirian, tangga pendapatan adalah rendah. Gaji yang diperolehi adalah sekitar RM1700. Ini bersamaan dengan paras gaji minima, dan meletakkan golongan ini dalam kumpulan berpendapatan B40. Pada masa sama, terdapat mereka yang bekerja dalam bidang informal atau tidak rasmi. Antaranya bekerja sebagai pekebun dan penoreh getah di Hutan Simpan Ayer Hitam. Untuk kelompok ini, pendapatan mereka adalah sekitar RM60-80 sebulan.

Cabaran-cabaran ini menimbulkan keterbatasan kepada komuniti orang asli untuk mencapai taraf kehidupan yang lebih baik dan berkualiti. Batasan ini tidak bersifat satu dimensi, tetapi rentas dimensi-dimensi sosial, ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus. Kekurangan pembangunan mampan yang dialami oleh komuniti orang asli ini menjadi menjadi lebih gawat dengan mengambil kira kedudukan komuniti ini, secara fizikal dan sosial serta geografi, di tengah-tengah sebuah bandar yang kian membangun dan maju. Ini bermakna, pembangunan dan kemajuan yang berlaku di kawasan Parlimen Puchong, dan bandar Puchong secara khususnya, tidak sekata dan menyeluruh. Ini kerana perolehan material dan mobiliti sosial yang terbit hasil daripada pembangunan yang

berlaku sejak satu atau dua dekad ini tidak dirasai oleh setiap lapisan masyarakat atau komuniti secara seimbang. Kesannya, berlaku ketaksamaan sosio-ekonomi wujud dan semakin melebar, dan komuniti orang asli ini menghadapi dengan deprivasi sosio-ekonomi yang mempengaruhi kedudukan sosial sedia ada isi rumah kini, tetapi kedudukan sosial generasi muda komuniti orang asli pada masa depan.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. Keadaan kemudahan dan infrastruktur pusat aktiviti yang daif dan tidak dijaga dengan baik. 2. Tingkat pendapatan gaji komuniti orang asli yang rendah dan kedudukan sosio-ekonomi yang rentan.
Cadangan	1. Membangunkan kebun komuniti di kawasan pusat aktiviti orang asli bagi tujuan menjana pendapatan ekonomi komuniti dan pada masa sama membaiki dan menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur di dalam dan sekitar pusat aktiviti.
Kumpulan Terjejas	Komuniti orang asli
Kawasan	Kampung Sungai Rasau Hulu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	SDG 8.5 Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	SDG 10.2 Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	SDG 11.7 Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Peningkatan aras pendapatan melalui keusahawanan dan penjanaan pendapatan

Dalam konteks komuniti orang asli, cabaran berkait pembangunan yang kerap timbul adalah berhubung dengan aras pendapatan ekonomi kehidupan yang rendah. Ini memberi kesan besar dan berlipat ganda kepada golongan bekerja. Dan fenomena ini tidak sahaja tertumpu secara khusus kepada komuniti orang asli di suatu tempat sahaja. Tetapi melibatkan komuniti orang asli di beberapa tempat yang berbeza. Di Parlimen Puchong sebagai contoh, keadaan aras pendapatan yang rendah berlaku di Kampung Sungai Rasau Hulu, dan juga Kampung Sungai Rasau Hilir.

Di Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir, proses peralihan struktur ekonomi dan fungsi ekonomi orang asli telah berlangsung. Sebelum proses ini terjelma, komuniti orang asli terlibat dengan ekonomi tradisional. Antaranya, menjalankan aktiviti ekonomi seperti bertani dan berkebun. Kesan daripada peralihan yang berlaku, komuniti orang asli kini bekerja dalam sektor ekonomi moden. Dan penglibatan ini merangkumi pelbagai bidang pekerjaan.

Langsung daripada proses ini, ekonomi sara diri telah berubah menjadi ekonomi yang bersifat dan berdasarkan gaji. Namun, golongan bekerja dalam kalangan komuniti orang asli terlibat dalam bidang-bidang pekerjaan yang berkemahiran rendah (*low-skilled)* serta pendapatan rendah (*low-wage*). Fungsi pekerjaan yang dijalankan oleh golongan pekerja orang asli adalah seperti sebagai tukang sapu, pekerja dalam lapangan lanskap dan kerja-kerja am yang lain.

Sumber pendapatan yang rendah kemudiannya memberikan kesan buruk kepada taraf kualiti kehidupan dan kesejahteraan isi rumah komuniti orang asli. Ia mempengaruhi kebajikan sosial, tingkat dan pencapaian pendidikan, serta tahap kesihatan komuniti. Keadaan ini menunjukkan bahawasanya kemiskinan dan deprivasi ekonomi tidak boleh dipisahkan daripada dimensi-dimensi kehidupan yang lain dan dilihat sebagai fenomena yang bersifat tunggal. Sebaliknya, fenomena kemiskinan dan taraf ekonomi yang rendah mempunyai punca dan kesan yang pelbagai dimensi dan rentas ruang kehidupan. Selain itu, status sosio-ekonomi yang rendah tidak hanya memberi kesan kepada kebajikan isi rumah orang asli pada masa kini. Tetapi juga kepada anak-anak serta generasi muda daripada isi rumah orang asli. Maka yang terhasil dan berlaku adalah kitaran kemiskinan serta deprivasi pelbagai dimensi, dan kerentanan kehidupan.

Proses ini perlu ditangani dengan memastikan terdapat intervensi-intervensi bersifat jangka masa pendek, pertengahan dan panjang yang dapat meningkatkan status sosial dan fungsi ekonomi komuniti orang asli. Sekiranya keadaan ini tidak berubah, komuniti

orang asli akan terus berhadapan dengan pengasingan sosial (*social exclusion)* dan terpinggir daripada arus pembangunan bandar.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan isu	Aras pendapatan golongan bekerja dalam kalangan komuniti orang asli yang rendah
Cadangan	Pembentukan dan pembangunan projek keusahawanan bagi membina kemahiran dan menjana pendapatan ekonomi untuk menambah sumber pendapatan komuniti
Kumpulan Terjejas	Komuniti orang asli
Kawasan	Kampung Sungai Rasau Hilir
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3 Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2 Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Pembangunan upaya kemahiran dan pemberdayaan kepimpinan komuniti tempatan bagi memelihara dan memulihara kepenghunian kawasan setempat

Parlimen Puchong merupakan suatu kawasan yang mengalami pembangunan ekonomi dan tingkat urbanisasi yang pesat. Perkembangan sektor perkhidmatan dan hartanah menjadikan bandar Puchong dan kawasan sekitarnya sebagai tempat yang penuh dengan hartanah pejabat dan perumahan sama ada yang beraras rendah atau tinggi. Kini, ramai melihat Puchong sebagai bandar dan kawasan untuk tempat kediaman dan penginapan.

Sepanjang kajian lapangan pemetaan isu SDG di Parlimen Puchong, pasukan penyelidik telah berjumpa dengan pelbagai kelompok komuniti penduduk setempat. Perjumpaan ini berlangsung di kawasan-kawasan termasuk pangsapuri, kampung tradisi, dan taman perumahan. Suatu perkara yang menonjol dalam proses penelitian di lapangan ini adalah keadaan kemudahan dan infrastruktur yang kurang dipelihara dan tidak selenggara dengan baik. Keadaan ini merangkumi tempat atau bahagian yang di bawah pemantauan sama ada pihak berkuasa tempatan, pihak komuniti sendiri, ataupun secara bersama antara komuniti tempatan dan pihak berkuasa setempat.

Jurang penyelenggaraan ini merupakan salah satu lagi cabaran pembangunan bagi penduduk di kawasan yang mengalami tahap dan kadar urbanisasi yang pesat. Umpamanya, di Parlimen Puchong. Salah satu contoh, adalah kawasan Taman Muhibbah. Tempat ini terdiri daripada pangsapuri dan juga taman perumahan. Di sekitar kawasan Flat Taman Muhibbah, tidak ada penyelenggaraan dan pemeliharaan serta pemuliharaan infrastruktur dan kemudahan awam yang baik.

Di kawasan ini, terdapat kemudahan dan infrastruktur asas yang tidak diselenggara dan dipelihara atau dijaga dengan baik. Kesannya, struktur-struktur yang penting untuk kesejahteraan penduduk setempat menjadi rosak dan tidak dapat digunakan. Antaranya seperti gelanggang futsal dan gelanggang bola keranjang. Selain itu, kemudahan di sekitar pusat KTM juga perlu diselenggara kembali ataupun perlu dipasang. Contohnya, seperti jejantas dan saliran longkang, dan juga lampu-lampu. Kemudahan sebegini mustahak kerana KTM dan kawasan sekitarnya merupakan tempat pusat yang banyak digunakan oleh penduduk setempat.

Selain itu, beberapa balai raya komuniti perlukan penambahbaikan, dan pemeliharaan. Bangunan yang sedia ada boleh ditelitikan untuk penambahan keperluan-keperluan asas. Kawasan di sekitar juga perlukan penjagaan. Ini seperti pemotongan rumput dan penjagaan dan pemeliharaan alam persekitaran. Kesemua tempat-tempat ini merupakan

ruang asas untuk komuniti beraktiviti dan bersosial, dan di mana penduduk-penduduk menggunakan dan lalu setiap hari.

Bagi membolehkan dan menyumbang kepada pengekalan dan pemuliharaan kebolehgunaan kemudahan dan infrastruktur ini, peranan setiap pihak berkepentingan adalah kunci. Di satu sisi, peranan pihak berkuasa tempatan seperti majlis perbandaran dan pejabat daerah adalah penting untuk pembentukan dasar serta pelaksanaan tindakan penyelenggaraan. Pada masa sama, pihak komuniti setempat juga memiliki ruang untuk memainkan peranan yang lebih menonjol. Selain peranan pihak berkuasa, komuniti setempat dapat menyumbang kepada penjagaan kemudahan dan infrastruktur sedia ada, dan penjalinan hubungan dengan pihak berkuasa bagi membolehkan setiap permasalahan atau keperluan tempatan dapat disampaikan kepada pihak yang bertanggungjawab. Maka, pengorganisasian komuniti dengan kepimpinan yang baik dapat membentuk hubungan dua hala dengan pihak berkuasa atau kerajaan yang baik, dan seterusnya menyumbang kepada usaha bersama untuk menangani dan menyelesaikan kegusaran dan keperluan komuniti setempat dan penduduk tempatan secara umumnya.

Jadual 14. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan isu	Keperluan pemeliharaan dan pemuliharaan kemudahan dan infrastruktur awam
Cadangan	Pembangunan kepimpinan dan pengorganisasian komuniti setempat bagi mengukuhkan jalinan hubungan antara komuniti tempatan dengan pihak berkuasa dan kerajaan
Kumpulan Terjejas	Komuniti penduduk Taman Muhibbah
Kawasan	Taman Muhibbah
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	SDG 17.17 Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara pihak awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang dibina berdasarkan pengalaman dan strategi bersumberkan perkongsian.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat	SDG 16.6 Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat.

5.0 Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Puchong bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Program Keusahawanan Wanita Komuniti melalui Penghasilan Produk Upcycling, Jahitan dan Pemasaran Digital	Program Pemerkasaan Komuniti Melalui Kebun Bandar Lestari dan Keusahawanan Hijau	Program Pemerkasaan Wanita melalui Kemahiran Jahitan Kreatif dan Keusahawanan
SDG Berkaitan	SDG 1, 5, 8, 10	SDG 2, 8, 11, 12	SDG 1, 5, 8, 12
Objektif	Bertujuan memperkasa wanita komuniti melalui latihan penghasilan produk kraf, kitar semula produk, jahitan dan pemasaran digital yang sistematik. Peserta akan dibimbing daripada peringkat pembangunan produk, penjenamaan, pemasaran media sosial sehingga kepada jualan dalam talian.	Bertujuan memperkukuhkan kebun komuniti sebagai model pembangunan komuniti yang lestari, meningkatkan pendapatan ahli serta menyokong keselamatan makanan dan amalan hidup hijau di kawasan MPP Zon 14 MBSJ	Bertujuan memperkasakan wanita agar mampu menjana pendapatan secara berdikari, meningkatkan taraf ekonomi keluarga dan melahirkan usahawan mikro yang berdaya saing. Program ini menyokong Agenda Pembangunan Mampan (SDG), melalui pembangunan kemahiran, peluang ekonomi dan amalan pengeluaran yang lebih lestari.
Hasil Jangkaan	1. 10 peserta menerima latihan 2. 4 siri latihan keusahawanan 3. Penghasilan 20 produk kraftangan 4. 100 peratus peserta hasil sekurangnya satu produk	1. Peningkatan kemahiran 15 peserta 2. Penambahbaikan kemudahan kebun komuniti 3. Peningkatan pengeluaran hasil tanaman	1. 10 wanita menerima latihan kemahiran 2. 10 peserta menerima mesin jahit sebagai modal permulaan 3. Sekurangnya 50 produk kreatif berjaya dihasilkan

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	5. Sekurangnya 80 peratus peserta buka akaun pemasaran digital 6. Satu karnival jualan komuniti	4. Penghasilan produk nilai tambah seperti Peria Goreng serta pengukuhan aktiviti pemasaran komuniti 5. Projek ini dijangka meningkatkan pendapatan ahli, menggalakkan amalan pertanian lestari dan memperkukuhkan peranan kebun komuniti sebagai pusat pembangunan komuniti setempat	4. Peserta mampu mengendalikan mesin jahit serta menghasilkan produk yang berkualiti. 5. Melahirkan usahawan mikro yang mampu menjana pendapatan secara mampan dan menyumbang kepada Pembangunan ekonomi komuniti.
Organisasi	KRT Pangsapuri Teratai	Aras Jitu Enterprise	Pertubuhan Sinar Amal Komuniti (OGCC)
Aktiviti	1. Pelancaran projek & taklimat APPGM-SDG 2. Bengkel motivasi & keusahawanan wanita 3. Bengkel penghasilan produk kraf 4. Bengkel jahitan (Tote Bag & Beg Serbaguna) 5. Bengkel produk hijau (Sabun UCO & Lilin Aromaterapi)	1. Taklimat projek dan pengenalan kebun bandar 2. Penyediaan tapak kebun 3. Pembinaan struktur kebun bandar 4. Penyediaan medium tanaman dan sistem pengairan 5. Teknik penyemaian dan penanaman	1. Pengenalan program dan PCI 2. Penyerahan mesin jahit & asas 3. Asas jahitan dan teknik kemasan 4. Shibori tie & dye 5. Cushion cover dan Quran cover 6. ID card holder & lanyard 7. Mini sejadah

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	6. Penjenamaan & pembungkusan produk 7. Pemasaran digital 8. Fotografi produk & kandungan media sosial 9. Bimbingan perniagaan & penetapan harga 10. Karnival jualan & pameran produk 11. Pemadanan usahawan dengan agensi/rakan strategik 12. Pemantauan, penilaian projek & laporan akhir	6. Penjagaan tanaman dan kawalan peros 7. Penuaian dan pengendalian hasil 8. Pemprosesan produk peria goreng 9. Pembungkusan dan penjenamaan produk 10. Pemasaran dan keusahawanan 11. Jualan hasil kebun dan promosi 12. Penilaian projek dan pelan kelestarian	8. Kreativiti upcycle jeans (apron) 9. Kreativiti upcycle jeans (laundry bag) 10. Asas keusahawanan (harga produk, kewangan & SSM) 11. Pemasaran digital & akses pembiayaan 12. Pembentangan produk, penilaian dan & penutup program
Jumlah (RM)	RM 40,000.00	RM 40,000.00	RM 40,000.00
Lokasi	KRT Pangsapuri Teratai, Taman Puchong Prima	Kebun komuniti MPP14 Permai A	BZ-039 Bazaar Primawalk
Tempoh	4 bulan	4 bulan	4 bulan

6.0 Rujukan

P. 103 Puchong, Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 2022

Puchong: Town that keeps Expanding, The Edge Malaysia, 2019, https://theedgemalaysia.com/article/puchong-town-keeps-expanding

Going from strength to strength, The Edge Malaysia, 2013, https://theedgemalaysia.com/article/going-strength-strength

The Rise and Rise of Puchong, The Edge Malaysia, 2012, https://theedgemalaysia.com/article/rise-and-rise-puchong

Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian), Majlis Bandaraya Subang Jaya, 2022

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU		**68 – 78**

BAHAGIAN B

1.0	**PENGENALAN**		**83 – 89**
	1.1	Geografi/Topografi	83
	1.2	Komposisi Penduduk	85
	1.3	Kegiatan Ekonomi Utama	86
	1.4	Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan	87
2.0	**METODOLOGI PENYELIDIKAN**		**89 – 92**
	2.1	Pendekatan Kajian	89
	2.2	Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan	91
	2.3	Kekangan Lawatan Kajian Lapangan	91
	2.4	Keterbatasan Kajian	91
3.0	**RANGKUMAN ISU RENTAS SDG**		**93 – 98**
4.0	**GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU**		**99 – 133**
	4.1	Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu	99
	4.2	Pengutamaan Isu	116
5.0	**PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN**		**134**
6.0	**RUJUKAN**		**137**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.125 Putrajaya

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN
17-18, 22 APRIL 2026

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PUTRAJAYA, YB DATUK DR. RADZI JIDIN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 | 17 APRIL 2026

1. FGD 1: Dialog bersama Persatuan Warga Emas Putrajaya (PerWEP), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Kelab Pesara Kerajaan Malaysia (KUPEKMAS)
2. FGD 2: Dialog bersama Belia 4B Putrajaya dan Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (POUTRECS)

HARI 2 | 18 APRIL 2026

3. FGD 3: Dialog bersama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya
4. FGD 4: Dialog bersama Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) termasuk Ibu Tunggal (ASNAF)
5. FGD 5: Dialog bersama Komuniti India Putrajaya
6. FGD 6: Dialog bersama Persatuan Orang Kurang Upaya (Procjaya)

HARI 3 | 22 APRIL 2026

7. Lawatan Tapak 1 ke Rumah Ibadat, Presint 20, Putrajaya
8. Lawatan Tapak 2 sekitar JAKIM hingga ke Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin
9. Lawatan Tapak 3 ke Pangsapuri Putra Harmoni / PPAM Presint 9
10. FGD 7: Dialog bersama Wakil Belia dan Kanak-kanak
11. FGD 8: Dialog bersama Wakil Penduduk Putrajaya

PASUKAN PENYELIDIK



TPr. Nurul Syaza Mazelan
Ketua Penyelidik



Dr. Khairil Ahmad



Dr. Wan Asiah Nurjannah Wan Ahmad Tajuddin



Arif Azhad Abdul Ghaffar



Nur Adilla Anuar
Pelatih Industri

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU PUTRAJAYA

01



22 Januari 2026
Mesyuarat Awalan

02



11 Februari 2026
Kunjung Hormat APPGM-SDG ke Pejabat Presiden Perbadanan

03



17 April 2026
FGD 1: Dialog bersama Persatuan Warga Emas Putrajaya (PerWEP), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Kelab Pesara Kerajaan Malaysia (KUPEKMAS)

04



17 April 2026
FGD 2: Dialog bersama Belia 4B Putrajaya dan Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (POUTRECS)

05



18 April 2026
FGD 3: Dialog bersama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya

06



18 April 2026
FGD 4: Dialog bersama Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) termasuk Ibu Tunggal (ASNAF)

07



18 April 2026
FGD 5: Dialog bersama Komuniti India Putrajaya

08



18 April 2026
FGD 6: Dialog bersama Persatuan Orang Kurang Upaya (Procjaya)

09



22 April 2026
Lawatan Tapak 1 ke Rumah Ibadat, Presint 20, Putrajaya

10



22 April 2026
Lawatan Tapak 2 sekitar JAKIM hingga ke Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

11



22 April 2026
Lawatan Tapak 3 ke Pangsapuri Putra Harmoni / PPAM Presint 9

12



22 April 2026
FGD 7: Dialog bersama Wakil Belia dan Kanak-kanak

13



22 April 2026
FGD 8: Dialog bersama Wakil Penduduk Putrajaya

22/01/2026 MESYUARAT AWALAN



Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan satu pertemuan bersama YB Dr. Radzi Jidin, Ahli Parlimen Putrajaya. Pertemuan ini membincangkan beberapa perkara utama, antaranya gerak kerja APPGM-SDG, proses kajian lapangan bagi pemetaan isu dan pelaksanaan projek, gambaran keadaan sosial di Parlimen Putrajaya, serta pengenalpastian kumpulan sasar utama. Pasukan APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Khairil, Siti Noraiysah dan Darshini.

11/02/2026 KUNJUNG HORMAT APPGM-SDG KE PEJABAT PRESIDEN PERBADANAN





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan kunjung hormat kepada YBhg. Dato' Mohd Sakeri Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya, di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3. Pertemuan ini bertujuan memperkenalkan peranan serta gerak kerja APPGM-SDG dalam memperkukuh pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat Parlimen dan lokaliti, di samping meneroka potensi kerjasama strategik bersama Perbadanan Putrajaya. Hasil daripada kunjung hormat dan perbincangan awal ini, pihak Perbadanan Putrajaya telah bersetuju untuk menjalinkan kolaborasi bersama APPGM-SDG bagi menjayakan gerak kerja pemetaan isu yang akan dilaksanakan di Parlimen Putrajaya.

17/04/2026 FGD 1: DIALOG BERSAMA PERSATUAN WARGA EMAS PUTRAJAYA (PERWEP), PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) DAN KELAB PESARA KERAJAAN MALAYSIA (KUPEKMAS)





Isu utama warga emas di Putrajaya tertumpu kepada **ketiadaan premis tetap bagi PAWE** yang telah terpaksa berpindah sebanyak empat kali dalam tempoh lapan tahun, selain keperluan mendesak terhadap **pusat transit atau "*daycare*"** dan ruang aktiviti yang lebih kondusif bagi warga emas yang semakin bertambah. Golongan ini menghadapi cabaran **literasi digital** yang kritikal untuk menggunakan aplikasi harian seperti parkir pintar, MyDigital ID, dan MyJPJ, serta berdepan **tekanan kewangan** akibat nilai pencen yang kecil berbanding kos sara hidup tinggi, ditambah bebanan masih perlu menanggung anak-anak yang tinggal bersama. Dari aspek kesihatan, mereka mengadu tentang **sistem giliran di klinik yang lama**, kekurangan pakar geriatrik, dan pengurangan perkhidmatan bas pengantara ke hospital, manakala dari sudut tadbir urus, terdapat isu **peruntukan tahunan yang rendah** (RM50,000) serta keperluan mewujudkan **pangkalan data bersepadu** untuk memantau kebajikan warga emas yang terlantar atau sakit kronik.

17/04/2026 FGD 2: DIALOG BERSAMA BELIA 4B PUTRAJAYA DAN PERSATUAN SUKAN REKREASI PUTRAJAYA (POUTRECS)





Isu utama belia di Putrajaya melibatkan **kekurangan peluang pekerjaan lokal** dan ketiadaan institusi pengajian tinggi yang mencukupi, di samping **kos pemilikan rumah yang tidak mampu milik** bagi golongan muda. NGO sukan dan belia (POUTRECS & Belia 4B) bergelut dengan **kos sewaan fasiliti yang tinggi akibat penswastaan** serta birokrasi dana yang menyukarkan penganjuran program. Selain itu, sistem pendidikan tanpa peperiksaan besar sebelum SPM dianggap mencetuskan **"kejutan budaya"**. Manakala, isu sosial seperti vaping dan penyalahgunaan teknologi untuk hiburan semata-mata memerlukan intervensi segera.

18/04/2026 FGD 3: DIALOG BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) PUTRAJAYA





Isu utama yang diutarakan oleh MPPWP Putrajaya berpusat pada **masalah tempat letak kenderaan dan kesesakan lalu lintas** yang kritikal akibat kepadatan penduduk serta kegagalan nisbah parkir sedia ada, selain tekanan **kemiskinan bandar** di mana gaji RM5,000 dianggap tidak lagi mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang tinggi. Masalah **pengurusan kuarters kerajaan** yang mempunyai senarai menunggu panjang walaupun banyak unit kosong, gangguan **hidupan liar (monyet dan babi hutan)** yang berlarutan, serta **bebanan kewangan** ahli jawatankuasa MPPWP yang tidak menerima elaun tetap menyukarkan penyampaian perkhidmatan dan aktiviti komuniti yang berkesan.

18/04/2026 FGD 4: DIALOG BERSAMA LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM MALAYSIA (LKPIM) TERMASUK IBU TUNGGAL (ASNAF)





Isu utama ibu tunggal di Putrajaya adalah **tekanan ekonomi yang meruncing** akibat kriteria bantuan yang hanya melihat gaji pokok tanpa menghiraukan gaji bersih, selain bebanan kos pendidikan anak-anak yang tinggi. Mereka juga berdepan **stigma sosial yang tebal** yang menjejaskan kesihatan mental ibu dan anak, serta masalah birokrasi sekolah yang tidak mesra status ibu tunggal. Selain itu, **ketiadaan sistem pengangkutan sekolah yang menyeluruh** dan isu penyelenggaraan kuarters menambahkan lagi kesulitan hidup golongan ini, sekali gus memerlukan penyelesaian holistik seperti ekosistem sokongan emosi dan penubuhan rumah pemulihan khas wanita.

18/04/2026 FGD 5: DIALOG BERSAMA KOMUNITI INDIA PUTRAJAYA





Isu komuniti India di Putrajaya berakar umbi daripada **cabaran peminggiran sosial dan diskriminasi sistemik.** Hal ini merangkumi **kesukaran menyewa kediaman** akibat syarat "khusus Muslim", **peluang pekerjaan sektor awam yang terhad**, serta **amalan birokrasi** yang memaksa kontraktor India menjadi sub-kontraktor walaupun mempunyai kelayakan. Dari aspek prasarana dan pendidikan, mereka berdepan **isu kritikal kerosakan mesin krematorium**, vandalisme serta **kurangnya libat urus dalam pembinaan kuil**, dan l**imitasi terhadap pembelajaran Bahasa Tamil** di sekolah-sekolah tempatan. Masalah ini diburukkan lagi dengan **ketiadaan pangkalan data khusus asnaf India** serta **jurang komunikasi** yang besar antara pihak berkuasa dengan akar umbi, sekali gus mencetuskan desakan mendesak untuk melantik Ketua Komuniti India (KKI) yang sah dan mewujudkan platform sosialisasi bagi mengatasi rasa terasing dan memperkukuh perpaduan komuniti minoriti tersebut.

18/04/2026 FGD 6: DIALOG BERSAMA PERSATUAN ORANG KURANG UPAYA (PROCJAYA)





Isu utama yang dihadapi golongan OKU di Putrajaya merangkumi **beban kewangan akibat tambang e-panggilan yang mahal** tanpa diskaun khusus serta aksesibiliti fizikal yang masih di tahap minimum, terutamanya masalah **penyalahgunaan parkir OKU** dan ketiadaan petak khas di blok kediaman PPA1M. Golongan ini turut menyuarakan kegusaran terhadap **stigma masyarakat** dan peminggiran daripada proses perancangan bandar, selain menghadapi krisis dalam sistem pendidikan khas yang mengalami **kepadatan kelas melampau** serta senarai menunggu yang panjang, yang secara keseluruhannya memerlukan anjakan dasar berasaskan hak (*rights-based approach*) dan audit akses yang lebih menyeluruh.

22/04/2026 LAWATAN TAPAK 1 KE RUMAH IBADAT, PRESINT 20, PUTRAJAYA





Pasukan penyelidik telah menjalankan lawatan ke tapak rumah ibadat bukan Islam, dengan fokus utama di Kuil Dewi Sri Lalithaambigai Alayam, Presint 20, Putrajaya. Lawatan ini bertujuan meninjau status semasa struktur kuil yang dilaporkan masih dalam fasa pembinaan. Berdasarkan amatan tapak, antara perkara kritikal yang dikenal pasti termasuklah masalah vandalisme di kawasan sekitar. Kekangan dana susulan pembekuan peruntukan dan kesan pandemik menjadi punca utama baki kerja-kerja struktur kuil tergendala.

22/04/2026 LAWATAN TAPAK 2 SEKITAR JAKIM HINGGA KE MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN





Pasukan penyelidik juga melaksanakan audit aksesibiliti kemudahan laluan pejalan kaki bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di sepanjang laluan dari kompleks Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hingga ke Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Hasil pemerhatian fizikal dan penilaian lapangan mendapati aspek reka bentuk serta pelaksanaan ubin penunjuk arah (*tactile/guiding block path*) masih belum menepati piawaian universal yang ditetapkan, selain mempunyai arah tuju yang mengelirukan. Situasi ini diburukkan lagi dengan isu salah guna infrastruktur oleh penunggang motosikal yang meletakkan kenderaan di atas laluan khas tersebut, sekali gus mengancam keselamatan dan menyekat mobiliti golongan sasar.

22/04/2026 LAWATAN TAPAK 3 KE PANGSAPURI PUTRA HARMONI / PPAM PRESINT 9





Pasukan penyelidik telah melakukan tinjauan di Pangsapuri Putra Harmoni (PPAM Presint 9) bagi menilai impak kepadatan penduduk yang menyumbang kepada isu kekurangan tempat letak kenderaan yang kritikal. Nisbah penyediaan petak parkir yang tidak seimbang berbanding jumlah kenderaan isi rumah memaksa sebahagian besar penduduk meletakkan kenderaan di bahu jalan utama, sekali gus mengganggu kelancaran trafik dan menyekat laluan kecemasan. Selain itu, lawatan turut meninjau potensi pemerkasaan program pertanian bandar melalui model kebun komuniti yang dibangunkan di persekitaran rizab sungai di bawah naungan projek Denai Sungai Kebangsaan.

22/04/2026 FGD 7: DIALOG BERSAMA WAKIL BELIA DAN KANAK-KANAK





Dapatan daripada perbincangan bersama wakil belia dan kanak-kanak menekankan **krisis pendidikan khas** yang meruncing akibat kepadatan kelas PPKI dan ketiadaan sekolah khusus. Belia juga merasakan masih **kekurangan fasiliti sukan *indoor*** yang mampu milik untuk belia melatih bakat mereka tanpa terikat dengan kos penswastaan selain bakat belia dalam sukan masih kurang difokuskan di Putrajaya. Bagi belia yang berminat untuk berniaga menghadapi kekangan dalam bidang keusahawanan kerana kurang peluang dan ruang. Selain itu, terdapat kebimbangan mengenai **gejala sosial (*vaping* dan kes anak luar nikah)** dalam kalangan murid.

22/04/2026 **FGD 8: DIALOG BERSAMA WAKIL PENDUDUK PUTRAJAYA**





Isu utama yang dikongsi adalah termasuk **masalah tempat letak kenderaan yang kronik** di kawasan kediaman dan hospital yang mengakibatkan penduduk kerap disaman, serta isu **lambakan kuarters kerajaan yang terbiar** walaupun terdapat senarai menunggu yang panjang. Penduduk turut terbeban dengan **gangguan monyet dan babi hutan** yang merosakkan harta benda, kelemahan sistem aduan **SISPAA yang birokratik**, serta keperluan mendesak terhadap **penyelenggaraan taman permainan** dan pengurusan trafik yang lebih selamat di kawasan sekolah.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.125 Putrajaya

Senarai Jadual

Jadual 1. Profil Komposisi Penduduk Putrajaya 85
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Putrajaya 90
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....93
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1 99
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2 101
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3 103
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4 105
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5 107
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6 109
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7 111
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8 114
Jadual 12. Ringkasan Isu 1 117
Jadual 13. Ringkasan Isu 2 120
Jadual 14. Ringkasan Isu 3 124
Jadual 15. Ringkasan Isu 4 127
Jadual 16. Ringkasan Isu 5 132

Senarai Singkatan

APPGM-SDG	All-Party Parliamentary Group Malaysia – Sustainable Development Goals
ASNAF	Golongan penerima bantuan zakat yang layak menurut kategori asnaf
B40	Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BRT	Bus Rapid Transit
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia / Department of Statistics Malaysia
ERL	Express Rail Link
FGD	Focus Group Discussion / Sesi Dialog Fokus Berkumpulan
HIES	Household Income and Expenditure Survey / Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah
ICU JPM	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
IEMS	Putrajaya Integrated Environmental Monitoring System
IPT / IPTS	Institusi Pengajian Tinggi / Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KAFA	Kelas al-Quran dan Fardu Ain
KIR	Ketua Isi Rumah
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KUPEKMAS	Kelab Pesara Kerajaan Malaysia
LKPIM	Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia
MITRA	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MPP / MPPWP	Majlis Perwakilan Penduduk / Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya
MRT	Mass Rapid Transit
NGO	Non-Governmental Organisation / Pertubuhan Bukan Kerajaan
OKU	Orang Kurang Upaya
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas

PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PN	Perikatan Nasional
PPA1M / PPAM	Program Perumahan Awam 1Malaysia / Perumahan Penjawat Awam Malaysia
PPj	Perbadanan Putrajaya
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
POUTRECS	Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya
Procjaya	Persatuan Orang Kurang Upaya Putrajaya
PRU-15	Pilihan Raya Umum Ke-15
SDG / SDGs	Sustainable Development Goals / Matlamat Pembangunan Mampan
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
WHO	World Health Organization / Pertubuhan Kesihatan Sedunia
WP	Wilayah Persekutuan
YB	Yang Berhormat
YBhg.	Yang Berbahagia

1.0 PENGENALAN


YB Datuk Dr. Radzi Jidin

Bagi 2026, kajian pemetaan isu di parlimen terpilih adalah merangkumi 16 kawasan parlimen dan satu daripadanya adalah Parlimen Putrajaya (P.125) di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pelaksanaan kajian di Parlimen Putrajaya ini turut menandakan kesinambungan kajian bagi memahami corak dan trend isu di Wilayah Persekutuan antara Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang mempunyai perbezaan daripada aspek landskap, budaya dan tadbir urus. Parlimen Putrajaya terletak di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran Putrajaya. Berdasarkan data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui platform *OpenDOSM*, jumlah penduduk bagi kawasan Parlimen Putrajaya adalah seramai 109,202 orang berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Bagi aspek pilihan raya, jumlah pemilih berdaftar bagi Parlimen Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) adalah seramai 42,881 orang, iaitu hanya 39.27 peratus sahaja daripada keseluruhan penduduk.

Semasa kajian pemetaan isu ini dijalankan, pihak Kumpulan Rentas Parti Parlimen – Matlamat Pembangunan Mampan atau lebih dikenali sebagai *All-Party Parliamentary Group Malaysia* on *Sustainable Development Goals* (APPGM-SDG), telah bekerjasama dengan Ahli Parlimen Putrajaya semasa, iaitu YB Radzi Jidin. YB Datuk Dr. Radzi Jidin merupakan Ahli Parlimen bagi kawasan Putrajaya yang mewakili Perikatan Nasional (PN). Beliau juga pernah memegang beberapa jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan, termasuk sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi serta Menteri Pendidikan Malaysia. Di peringkat parti, beliau merupakan pemimpin dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), yang merupakan parti di blok pembangkang dalam kerajaan semasa.

1.1 Geografi/Topografi

Daripada sudut geografi, kawasan ini merupakan sebuah bandar terancang yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan serta terletak dalam lingkungan Lembah Klang, di selatan Kuala Lumpur dan berhampiran Cyberjaya serta kawasan Sepang, Selangor. Berdasarkan Rancangan Struktur Putrajaya 2050, Perbadanan Putrajaya (2026), kawasan Putrajaya mempunyai keluasan keseluruhan 4,931 hektar, bersamaan kira-kira 49.31 kilometer persegi, dan disusun mengikut 20 presint. Struktur ruang bandar ini dibangunkan melalui susun atur presint yang merangkumi kawasan pentadbiran kerajaan, kediaman, komersial, institusi, kemudahan awam, taman metropolitan, tasik, kawasan hijau serta rangkaian jalan utama.

Daripada aspek topografi, Putrajaya secara umumnya mempunyai bentuk muka bumi bandar yang beralun rendah hingga sederhana, dengan pembangunan fizikal yang disusun mengikut jaringan jalan, jambatan, kawasan tasik dan tanah lapang. Elemen fizikal yang paling menonjol adalah Tasik Putrajaya dan sistem *wetland* buatan manusia yang menjadi komponen penting dalam kawalan saliran, kualiti air, rekreasi, landskap bandar serta pembentukan identiti Putrajaya sebagai bandar taman dan bandar pintar. Terdapat 12 taman metropolitan, termasuk Taman Botani, Taman *Wetland*, Taman Saujana Hijau dan Taman Wawasan, yang memperkukuh karakter Putrajaya sebagai bandar taman yang menggabungkan fungsi rekreasi, ekologi, landskap bandar dan kesejahteraan komuniti.

Daripada perspektif perancangan masa hadapan, sasaran pertambahan penduduk daripada 125,200 orang kepada 305,000 orang menjelang tahun 2050 menunjukkan bahawa kawasan Parlimen Putrajaya dijangka berdepan peningkatan tekanan terhadap guna tanah, penyediaan perumahan, rangkaian mobiliti, kemudahan awam dan kawasan rekreasi. Data perumahan semasa sebanyak 43,174 unit dengan sasaran 83,438 unit menjelang tahun 2050 turut menunjukkan bahawa pembangunan tepu bina Putrajaya akan terus berkembang, khususnya melalui penyediaan perumahan baharu. Oleh itu, penilaian geografi dan topografi Putrajaya perlu mengambil kira bukan sahaja keadaan fizikal semasa, tetapi juga kapasiti ruang bandar untuk menyokong pertumbuhan penduduk, mobiliti harian dan kualiti hidup penduduk.

Daripada sudut keterhubungan, Putrajaya mempunyai kedudukan strategik melalui rangkaian pengangkutan awam darat, rel dan air, termasuk kemudahan MRT, ERL, Putrajaya Sentral, bas perantara, bas ekspres, serta teksi air. Kedudukan Putrajaya yang mempunyai akses sekitar 30 minit ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) turut memperkukuh peranannya sebagai pusat pentadbiran negara yang mempunyai hubungan berfungsi dengan Kuala Lumpur, Cyberjaya, Sepang dan kawasan sekitarnya. Ciri keterhubungan ini penting dalam memahami isu mobiliti harian, kesesakan, kebergantungan perjalanan ulang-alik dan keperluan integrasi pengangkutan awam dalam kawasan parlimen.

Secara keseluruhannya, Parlimen Putrajaya memperlihatkan landskap bandar yang terancang dengan gabungan guna tanah pentadbiran, perumahan, komersial, kemudahan awam, kawasan rekreasi dan alam bina. Kedudukan tasik, *wetland*, taman metropolitan serta rangkaian jambatan dan jalan utama membentuk struktur ruang bandar yang bersepadu. Oleh itu, pemetaan isu di Parlimen Putrajaya perlu mengambil kira gabungan ciri fizikal bandar terancang, pertumbuhan penduduk, tekanan perumahan, kebergantungan mobiliti harian, kelestarian kawasan hijau serta peranan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara. Keadaan geografi dan topografi Putrajaya

berbeza daripada kawasan parlimen bandar konvensional kerana pembangunannya dibentuk melalui perancangan fizikal yang menekankan keseimbangan antara fungsi pentadbiran, keselesaan penduduk, estetika bandar dan kelestarian alam sekitar.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui platform *OpenDOSM*, jumlah penduduk bagi kawasan Parlimen Putrajaya adalah seramai 109,202 orang berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Daripada jumlah tersebut, 53,574 orang adalah lelaki manakala 55,628 orang adalah perempuan. Daripada segi kewarganegaraan, seramai 106,381 orang merupakan warganegara dan 2,821 orang merupakan bukan warganegara. Walau bagaimanapun, data terkini yang dirujuk daripada Rancangan Struktur Putrajaya 2050, Perbadanan Putrajaya (2026) menunjukkan jumlah penduduk semasa Putrajaya adalah seramai 125,200 orang, iaitu 62,100 lelaki dan 63,100 perempuan.

Jadual 1. Profil Komposisi Penduduk Putrajaya

PERKARA	JUMLAH (BERDASARKAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA, 2020)	JUMLAH (BERDASARKAN RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2050, PERBADANAN PUTRAJAYA, 2026)
Jumlah penduduk keseluruhan	109,202 orang	125,200 orang
Lelaki	53,574 orang	62,100 orang
Perempuan	55,628 orang	63,100 orang
Struktur umur	Tiada maklumat	0–14 tahun: 41,500 orang (33.17%); 15–64 tahun: 81,300 orang (64.99%); 65 tahun ke atas: 2,300 orang (1.84%)
Komposisi etnik	Bumiputera: 97.9%; Cina: 0.6%; India: 1.2%; Lain-lain: 0.2%	Melayu: 94.9%; Cina: 0.5%; India: 1.1%; Lain-lain: 0.2%; Bukan warganegara: 3.3%
Klasifikasi penduduk dan penjawat awam	Tiada maklumat	81,110 orang; 35,310 orang (43.6%) tinggal dan bekerja di Putrajaya, manakala 45,800 orang (56.4%) bekerja di Putrajaya tetapi tinggal di luar Putrajaya

PERKARA	JUMLAH (BERDASARKAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA, 2020)	JUMLAH (BERDASARKAN RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2050, PERBADANAN PUTRAJAYA, 2026)
Sasaran penduduk 2050	Tiada maklumat	305,000 orang

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), OpenDOSM Kawasanku bagi P.125 Putrajaya berdasarkan MyCensus 2020; dan Rancangan Struktur Putrajaya 2050, Perbadanan Putrajaya, 2026.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kegiatan ekonomi utama di Parlimen Putrajaya secara umumnya dipacu oleh fungsi Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, bandar terancang dan pusat perkhidmatan bandar. Berdasarkan rujukan sekunder seperti Rancangan Struktur Putrajaya, maklumat rasmi Perbadanan Putrajaya dan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), struktur ekonomi Putrajaya lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan, pentadbiran awam, aktiviti komersial, perniagaan kecil, perkhidmatan sokongan bandar, pelancongan bandar, rekreasi serta ekonomi acara. Keadaan ini berbeza daripada kawasan parlimen yang berasaskan perindustrian berat atau pertanian, memandangkan guna tanah Putrajaya dibentuk sebagai pusat pentadbiran negara yang disokong oleh kawasan kediaman, institusi, komersial, taman, tasik dan kemudahan awam.

Sektor pentadbiran awam merupakan tunjang ekonomi setempat kerana sebahagian besar aktiviti harian Putrajaya berkait rapat dengan operasi kementerian, jabatan, agensi Persekutuan dan perkhidmatan sokongan kerajaan. Rancangan Struktur Putrajaya 2050, Perbadanan Putrajaya (2026) turut merekodkan seramai 81,110 penjawat awam bekerja di Putrajaya, dengan 35,310 orang tinggal dan bekerja di Putrajaya, manakala 45,800 orang lagi bekerja di Putrajaya tetapi tinggal di luar Putrajaya. Corak ini menunjukkan bahawa ekonomi Putrajaya bukan sahaja bergantung kepada penduduk tetap, tetapi turut dipengaruhi oleh aliran harian pekerja, pengguna perkhidmatan kerajaan, pelawat rasmi dan komuniti komuter yang memasuki kawasan ini pada hari bekerja.

Selain pentadbiran awam, kegiatan ekonomi tempatan turut digerakkan oleh aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di kawasan komersial, pusat kejiranan, premis makanan, perkhidmatan runcit, penyelenggaraan bandar, pengangkutan, logistik harian, pengurusan kemudahan, perhotelan dan perkhidmatan profesional. Peranan Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa perancang tempatan juga penting kerana fungsi perbandaran, pelesenan perniagaan, pengurusan

kemudahan awam, kawalan pembangunan serta promosi pembangunan komersial dan sosial menyokong ekosistem ekonomi setempat.

Putrajaya juga mempunyai komponen ekonomi rekreasi dan pelancongan bandar yang signifikan melalui aset tasik, *wetland*, taman metropolitan, dataran awam, jambatan ikonik, mercu tanda pentadbiran dan penganjuran acara berskala komuniti, di peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Aktiviti seperti sukan air, larian, karnival, festival, acara sukan dan program komuniti menjana limpahan ekonomi kepada sektor makanan dan minuman, perkhidmatan acara, pengangkutan, peruncitan, keselamatan, kebersihan dan penyelenggaraan kawasan awam. Oleh itu, ekonomi Putrajaya boleh difahami sebagai ekonomi perkhidmatan bandar yang berasaskan pentadbiran, mobiliti pekerja, penggunaan ruang awam, rekreasi dan acara.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Kerangka Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG) menyediakan asas konseptual untuk memahami hubungan antara ciri fizikal, sosial, ekonomi dan tadbir urus tempatan dengan keperluan pembangunan yang inklusif dan mampan. Dalam konteks Parlimen Putrajaya, pemetaan isu perlu mengambil kira kedudukan kawasan ini sebagai bandar terancang, pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, kawasan kediaman penjawat awam dan masyarakat bandar, serta ruang awam yang mempunyai aset tasik, taman metropolitan, *wetland* dan jaringan mobiliti yang tersusun. Oleh itu, konteks tempatan Putrajaya mempunyai kaitan langsung dengan beberapa matlamat SDG, khususnya SDG 8, SDG 10, SDG 11, dan SDG 16.

Daripada sudut lokasi fizikal, Putrajaya memperlihatkan ciri bandar terancang yang berkait rapat dengan sejarah pembukaannya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baharu, apabila kawasan yang dahulunya dikenali sebagai Prang Besar dipilih pada awal 1990-an kerana kedudukannya yang strategik di antara Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sebelum pembangunan fizikalnya dimulakan berasaskan konsep “Bandar Dalam Taman”. Keluasan 4,931 hektar, struktur 20 presint, kewujudan Tasik Putrajaya, *wetland* dan 12 taman metropolitan menjadikan kawasan ini relevan dengan ***SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan***. Ia khususnya daripada aspek perancangan bandar bersepadu, akses kepada pengangkutan awam, perumahan, ruang hijau dan pengurusan alam sekitar bandar. Dalam konteks ini, sasaran yang paling berkaitan adalah Sasaran SDG 11.2, 11.3, 11.6 dan 11.7. Keempat-empat sasaran ini berkait rapat dengan Putrajaya kerana kawasan ini bergantung kepada rangkaian mobiliti harian, penggunaan ruang awam, kualiti persekitaran bandar serta akses komuniti kepada taman, tasik dan kemudahan awam.

Daripada sudut ekonomi tempatan, Putrajaya dipacu oleh sektor pentadbiran awam, perkhidmatan kerajaan, perdagangan dan perkhidmatan bandar, perniagaan kecil, perhotelan, pengurusan kemudahan, rekreasi serta ekonomi acara. Data Rancangan Struktur Putrajaya 2050, Perbadanan Putrajaya (2026) yang menunjukkan 81,110 penjawat awam bekerja di Putrajaya menggambarkan kebergantungan ekonomi kawasan ini kepada mobiliti pekerja, operasi institusi kerajaan dan permintaan harian terhadap perkhidmatan bandar. Keadaan ini mempunyai hubungan dengan SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi, khususnya Sasaran 8.3, iaitu menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan; dan Sasaran 8.5, iaitu mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki menjelang 2030, termasuk golongan muda dan orang kurang upaya, serta bayaran yang sama bagi kerja yang sama nilai.

Daripada dimensi sosial dan inklusiviti, profil penduduk Putrajaya menunjukkan komposisi penduduk bandar yang terdiri daripada kumpulan umur kanak-kanak, belia, dewasa bekerja dan warga emas, di samping kepelbagaian latar belakang warganegara dan bukan warganegara. Walaupun Putrajaya dikenali sebagai pusat pentadbiran yang tersusun, isu keterangkuman tetap perlu diberi perhatian, khususnya dalam akses kepada perumahan mampu milik, pengangkutan awam, ruang awam inklusif, kemudahan komuniti, peluang ekonomi kecil dan perkhidmatan sosial. Hal ini berkait dengan ***SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan***, khususnya Sasaran 10.2 yang menekankan penyertaan sosial, ekonomi dan politik semua golongan tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, etnik, asal usul atau status ekonomi.

Daripada aspek budaya, sosial dan nilai sejarah, Putrajaya mempunyai keunikan sebagai bandar pentadbiran negara yang dibangunkan dengan identiti reka bentuk bandar, institusi kerajaan, mercu tanda nasional, dataran awam, masjid, jambatan, taman dan tasik. Fungsi ini menjadikan Putrajaya bukan sahaja ruang kerja pentadbiran, tetapi juga ruang simbolik negara, ruang komuniti dan lokasi penganjuran acara awam. Oleh itu, pemetaan isu di Putrajaya perlu melihat hubungan antara tadbir urus bandar, penyampaian perkhidmatan, penyelenggaraan aset awam dan penyertaan komuniti. Dimensi ini berkait dengan ***SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat***, khususnya daripada aspek institusi berkesan, akauntabiliti dan penyampaian perkhidmatan awam.

Secara keseluruhannya, hubungan antara kerangka SDG dengan konteks tempatan Putrajaya menunjukkan bahawa isu pembangunan di kawasan ini perlu dilihat secara

rentas sektor. Putrajaya bukan sahaja berperanan sebagai pusat pentadbiran, tetapi juga sebagai kawasan tempat tinggal, tempat bekerja, ruang rekreasi, nod mobiliti dan simbol perancangan bandar negara. Oleh itu, pemetaan isu setempat perlu menilai keseimbangan antara pertumbuhan penduduk, keperluan perumahan, akses mobiliti, peluang ekonomi tempatan, keterangkuman sosial, penyelenggaraan ruang awam, kelestarian alam sekitar dan kecekapan tadbir urus.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian pemetaan isu di Parlimen Putrajaya dilaksanakan secara sistematik melalui beberapa fasa utama, bermula dengan mesyuarat awalan, kunjung hormat, serta pelaksanaan sesi dialog fokus berkumpulan (*Focus Group Discussion* – FGD) dan lawatan tapak di lapangan. Pendekatan ini bertujuan mengenal pasti isu-isu kritikal yang dihadapi oleh pelbagai kumpulan sasar di kawasan Parlimen Putrajaya lebih tersusun dan bersifat inklusif.

Pada 22 Januari 2026, pasukan APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat awalan (*inception meeting)* bersama YB Datuk Dr. Radzi Jidin, Ahli Parlimen Putrajaya. Pertemuan ini membincangkan gerak kerja APPGM-SDG, proses kajian lapangan bagi pemetaan isu dan pelaksanaan projek, gambaran keadaan semasa di Parlimen Putrajaya, serta pengenalpastian kumpulan sasar utama. Pasukan APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Khairil Izamin Ahmad, Siti Noraiysah Rohim dan Darshini Rawichandran.

Seterusnya, pada 11 Februari 2026, pasukan APPGM-SDG melaksanakan kunjung hormat kepada YBhg. Dato' Mohd Sakeri Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya, di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3. Kunjung hormat ini bertujuan memperkenalkan peranan serta gerak kerja APPGM-SDG dalam memperkukuh pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat Parlimen dan lokaliti, di samping meneroka potensi kerjasama strategik. Hasil pertemuan tersebut, pihak Perbadanan Putrajaya bersetuju untuk menjalinkan kolaborasi bersama APPGM-SDG bagi menjayakan gerak kerja pemetaan isu di Parlimen Putrajaya.

Pasukan penyelidik yang terlibat dalam kajian lapangan ini adalah seperti berikut:

Ketua Penyelidik	: TPr. Nurul Syaza Mazelan
Penyelidik 1	: Dr. Khairil Izamin Ahmad
Penyelidik 2	: Dr. Wan Asiah Nurjannah Wan Ahmad Tajuddin
Penyelidik 3	: Arif Azhad Abdul Ghaffar
Pelatih Industri	: Nur Adilla Anuar

Lawatan pemetaan isu di lapangan dilaksanakan pada 17, 18 dan 22 April 2026. Ringkasan jadual sesi dialog dan lawatan tapak adalah seperti berikut:

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Putrajaya

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
17 April 2026 (Jumaat)	• **Sesi Dialog 1**: Dialog bersama Persatuan Warga Emas Putrajaya (PerWEP), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Kelab Pesara Kerajaan Malaysia (KUPEKMAS) • **Sesi Dialog 2**: Dialog bersama Belia 4B Putrajaya dan Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (POUTRECS)
18 April 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 3**: Dialog bersama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya • **Sesi Dialog 4**: Dialog bersama Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) termasuk Ibu Tunggal (ASNAF) • **Sesi Dialog 5**: Dialog bersama Komuniti India Putrajaya • **Sesi Dialog 6**: Dialog bersama Persatuan Orang Kurang Upaya (Procjaya)
22 April 2026 (Rabu)	• **Lawatan Tapak 1**: Rumah Ibadat, Presint 20, Putrajaya • **Lawatan Tapak 2**: Sekitar JAKIM hingga ke Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin • **Lawatan Tapak 3**: Pangsapuri Putra Harmoni / PPAM Presint 9 • **Sesi Dialog 7**: Dialog bersama Wakil Belia dan Kanak-kanak • **Sesi Dialog 8**: Dialog bersama Wakil Penduduk Putrajaya

Keseluruhan proses kajian ini menekankan pendekatan partisipatif melalui sesi dialog bersama agensi, persatuan, komuniti dan wakil penduduk. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan maklumat secara langsung daripada kumpulan sasar, di samping pengesahan lapangan melalui lawatan tapak bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan infrastruktur, aksesibiliti, kebajikan sosial, pendidikan, pekerjaan dan tadbir urus di Parlimen Putrajaya.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Putrajaya, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang pelaksanaan lawatan kajian lapangan di Parlimen Putrajaya, beberapa kekangan telah dikenal pasti, namun berjaya ditangani melalui penyesuaian kaedah kerja, penyelarasan bersama pihak Pejabat Parlimen Putrajaya serta inisiatif pasukan penyelidik di lapangan. Kekangan utama adalah berkaitan penetapan awal kumpulan sasaran yang hanya tertumpu kepada enam kumpulan. Ini menyebabkan perancangan asal kajian lapangan hanya merangkumi enam sesi perbincangan kumpulan berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD) yang dijadualkan pada 17 dan 18 April 2026. Walau bagaimanapun, berdasarkan pendekatan metodologi kajian yang menetapkan keperluan lapan kumpulan sasaran, penyelarasan lanjut telah dilaksanakan bersama pihak Pejabat Parlimen Putrajaya bagi menambah dua lagi sesi FGD pada 22 April 2026 dengan kumpulan sasaran yang lebih terbuka.

Selain itu, pelaksanaan FGD yang berpusat di Kompleks Kejiranan Komuniti Presint 9 turut menghadkan ruang untuk menjalankan lawatan tapak secara langsung sebelum atau selepas setiap sesi FGD. Keadaan ini berlaku kerana tumpuan program pada 17 dan 18 April 2026 adalah kepada pelaksanaan sesi dialog bersama kumpulan sasaran, manakala mobiliti ke lokasi isu yang dibangkitkan oleh peserta adalah terhad daripada segi masa dan penyelarasan lapangan. Bagi mengatasi kekangan tersebut, pasukan penyelidik telah melaksanakan lawatan tapak pada 22 April 2026 melalui inisiatif sendiri bagi mendapatkan gambaran sebenar terhadap beberapa isu yang dikongsikan oleh peserta FGD. Pendekatan ini membolehkan dapatan dialog disemak secara lapangan, khususnya bagi isu berkaitan kemudahan awam, kawasan kediaman, aksesibiliti dan persekitaran komuniti di Parlimen Putrajaya.

2.4 Keterbatasan Kajian

Kajian ini turut mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diambil kira dalam mentafsir dapatan pemetaan isu di Parlimen Putrajaya. Pertama, lokasi FGD dijalankan di tempat yang sama, iaitu di Kompleks Kejiranan Komuniti Presint 9. Pemilihan lokasi ini dibuat berdasarkan kesesuaian ruang, kemudahan awam dan fungsi pusat komuniti tersebut sebagai lokasi utama aktiviti komuniti setempat. Namun begitu, penggunaan satu lokasi FGD menyebabkan pemerhatian langsung terhadap kepelbagaian suasana

fizikal dan sosial di presint lain tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh semasa sesi dialog berlangsung.

Walaupun demikian, pasukan penyelidik telah memastikan penyertaan peserta FGD merangkumi pelbagai kumpulan komuniti daripada sekitar kawasan Parlimen Putrajaya, termasuk kumpulan warga emas, belia, wanita, komuniti India, orang kurang upaya, wakil penduduk serta kumpulan sasaran terbuka. Oleh itu, dapatan kajian ini hendaklah dibaca sebagai gambaran isu berdasarkan kumpulan komuniti yang berjaya dihimpunkan dalam tempoh kajian lapangan, dan bukan sebagai gambaran menyeluruh yang mewakili semua lapisan penduduk serta semua presint di Putrajaya. Keterbatasan ini memberi kesan kepada cakupan dapatan, namun tidak menjejaskan nilai analisis kerana dapatan FGD masih disokong melalui kaedah triangulasi merangkumi lawatan tapak, pemerhatian penyelidik dan rujukan sekunder yang berkaitan.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Ketidakselarasan penyediaan dan penggunaan kemudahan tempat letak kenderaan	Nisbah satu unit rumah bagi satu petak tempat letak kenderaan tidak lagi mencukupi bagi keluarga yang memiliki 3-4 kenderaan, menyebabkan kenderaan diletakkan di kawasan yang mengganggu lalu lintas. Petak tempat letak kenderaan OKU kerap disalahgunakan oleh orang awam; pelekat OKU turut tidak diseragamkan di seluruh Malaysia. Tempat letak kenderaan di Hospital Putrajaya dan sekitar masjid semasa solat Jumaat sangat terhad, menyukarkan waris pesakit dan jemaah.	Sosial	1. Penduduk (PPA1M/ Kuarters) 2. OKU 3. Waris Pesakit 4. Jemaah Masjid 5. Orang awam	Presint 9, 11, 15, Hospital Putrajaya.	**Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.2:** Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Terdapat juga kemudahan tempat letak kenderaan tambahan yang disediakan tidak digunakan dengan optimum.				
2.	Kelemahan pengurusan kuarters kerajaan dan PPAM	Banyak unit kuarters kerajaan dibiarkan kosong tanpa penyelenggaraan bertahun-tahun sehingga ditumbuhi lalang dan menjadi sarang nyamuk. Unit yang telah siap direnovasi tidak segera diagihkan kepada pemohon yang menunggu (6,000 orang* dalam senarai menunggu). Penyalahgunaan unit PPA1M turut dilaporkan. Contohnya, disewakan atau dijual dalam tempoh larangan 10 tahun akibat penguatkuasaan lemah.	Urus tadbir	1. Penjawat Awam 2. Pemohon Perumahan	Presint 11, PPA1M	**Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Tekanan kos sara hidup dan kemiskinan bandar	Harga barangan keperluan, makanan dan sewa premis perniagaan di Putrajaya dilaporkan lebih tinggi berbanding kawasan sekitar. Warga emas turut terpaksa menanggung kos sara hidup anak yang tinggal bersama walaupun telah bersara. Ibu tunggal berdepan gaji bersih yang kecil selepas potongan komitmen, menyukarkan kelayakan bantuan rasmi berasaskan gaji pokok. Pendapatan RM5,000 sebulan dianggap tidak mencukupi menampung kos hidup di Putrajaya.	Ekonomi dan sosial	1. Penjawat Awam Gred Rendah 2. Ibu Tunggal 3. Peniaga Kecil	Seluruh Putrajaya	**Matlamat 1: Tiada Kemiskinan** **Sasaran 1.2:** Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4.	Kekangan struktur dan capaian pendidikan	Kelas PPKI dilaporkan terlalu padat (18-20 pelajar sekelas), dengan lebih 200 orang dalam senarai menunggu untuk mendapat tempat dan kekurangan intervensi awal. Terdapat desakan untuk membina Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) berbanding bergantung kepada sistem integrasi sedia ada yang dianggap kurang fokus. Putrajaya hanya mempunyai satu IPTS (di Presint 5), menyebabkan ramai belia terpaksa keluar bandar untuk melanjutkan pelajaran. Tahap literasi dan numerasi pelajar dilaporkan terjejas akibat COVID-19, memerlukan	Sosial	1. Murid Berkeperluan Khas 2. Belia 3. Guru	Sekolah PPKI di Putrajaya IPTS, Presint 5	**Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.5:** Menjelang 2030, menghapuskan jurang perbezaan gender dalam pendidikan serta memastikan akses sama rata bagi semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk kumpulan berisiko, termasuk orang kurang upaya, orang asli, dan kanak-kanak berisiko.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		perhatian khusus sebelum peralihan ke peringkat pendidikan lebih tinggi.				
5.	Kelemahan perancangan dan pembangunan inklusif	OKU (Procjaya) merasa terpinggir kerana tidak dilibatkan dalam proses perancangan pembangunan atau membuat keputusan awal bagi sesuatu projek, menyebabkan banyak kemudahan dibina tanpa mengambil kira keperluan sebenar mereka. Golongan warga emas turut menyuarakan keperluan pusat transit/*daycare* dan kompleks komuniti mesra warga emas. Di kawasan perumahan PPA1M Pudina, dilaporkan tiada petak tempat letak kenderaan OKU disediakan di	Tadbir urus	1. OKU	Kompleks kerajaan – Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin PPA1M Pudina	**Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan** **Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		setiap blok sejak awal reka bentuk, memaksa penghuni OKU membeli unit tempat letak kenderaan di tempat lain. Kemudahan taktil (guiding block) bagi golongan cacat penglihatan turut tidak diletakkan di lokasi strategik.				

*Dapatan ini diperoleh daripada peserta FGD tetapi masih memerlukan pengesahan selanjutnya.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 1: Dialog bersama Persatuan Warga Emas Putrajaya (PerWEP), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), dan Kelab Pesara Kerajaan Malaysia (KUPEKMAS) **Tarikh**: 17 April 2026 **Bilangan peserta**: 26 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 3 kumpulan		
1.	Keperluan model kelestarian institusi warga emas	PAWE menghadapi masalah kritikal ketiadaan premis tetap. Dalam tempoh lapan tahun, mereka telah berpindah sebanyak empat kali. Mereka memerlukan tempat yang kondusif, tetap, dan berterusan untuk beroperasi. PerWEP juga tidak mempunyai tempat khusus dan terpaksa menyewa dewan (seperti dewan di Presint 8) untuk menjalankan aktiviti, di mana kos sewaan menjadi beban kerana sebelum ini ia diberikan secara percuma. Cadangan untuk mewujudkan pusat transit atau "daycare" bagi warga emas, serta kompleks komuniti khas (seperti di Presint 16) yang dilengkapi kemudahan mesra warga emas.
		PAWE Putrajaya mempunyai ahli yang ramai (sekitar 558 orang), namun hanya menerima peruntukan tahunan sekitar RM50,000, yang dianggap tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti yang aktif. Kebanyakan ahli bagi PerWEP, PAWE, dan KUPEKMAS adalah daripada kelompok orang yang sama, menunjukkan keperluan untuk penyelarasan yang lebih baik antara persatuan-persatuan ini.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Terdapat keperluan untuk mewujudkan pangkalan data khusus bagi memantau kebajikan warga emas, terutamanya mereka yang terlantar atau menghidap penyakit serius
2.	Keciciran dalam literasi digital	Warga emas mengalami "kejutan budaya" digital dan sukar mengadaptasi teknologi moden seperti aplikasi tempat letak kenderaan pintar, MyDigital ID, MySejahtera, MyJPJ, dan perbankan dalam talian.
		Penggunaan aplikasi untuk bayaran tempat letak kenderaan sangat menyukarkan mereka, ditambah pula dengan keadaan telefon bimbit yang kadangkala tidak canggih.
3.	Kelemahan perkhidmatan kesihatan untuk golongan rentan	Sistem giliran di klinik yang masih kurang inklusif untuk memberi keutamaan kepada komuniti warga emas. Warga emas terpaksa beratur panjang bersama orang muda di klinik kesihatan. Mereka mencadangkan agar diwujudkan kaunter khas atau laluan pantas (*fast lane*) untuk warga emas dan OKU.
		Terdapat kekurangan doktor pakar geriatrik (pakar warga emas), di mana hanya terdapat sekitar 200 orang pakar sahaja di seluruh Malaysia.
		Perkhidmatan bas pengantara (*shuttle bus*) ke hospital atau klinik kesihatan dilaporkan semakin kurang, menyukarkan mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.
4.	Tekanan sosioekonomi dan kewangan	Ramai pesara hanya bergantung kepada pencen yang kecil dan menghadapi kesukaran untuk membuat pinjaman bank (seperti pinjaman kereta) kerana faktor usia. Selain itu, ramai warga emas di Putrajaya masih perlu menampung kos sara hidup anak-anak mereka yang tinggal bersama walaupun mereka sudah bersara. Tambahan pula, harga makanan dan barangan di Putrajaya yang semakin meningkat memberikan tekanan tambahan kepada golongan ini.
5.	Persekitaran perumahan kurang kondusif	Masalah pokok besar yang tidak diselenggara menyebabkan akar pokok menaik dan merosakkan laluan pejalan kaki, yang mendatangkan risiko jatuh kepada warga emas.
		Kepadatan penduduk di kawasan seperti PPA1M menyebabkan persaingan tempat letak kenderaan yang sengit, memaksa mereka berjalan jauh dari tempat letak kereta ke rumah.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 2: Dialog bersama Belia 4B Putrajaya dan Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (POUTRECS) **Tarikh:** 17 April 2026 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Kelemahan mekanisme libat urus dan kekurangan rangkaian kerjasama sistematik	Kesukaran sukar mendapatkan dana dan peluang untuk menganjurkan program komuniti di Putrajaya. Pihak berkuasa sering dilihat lebih gemar melantik syarikat pengurusan acara luar berbanding melibatkan NGO belia tempatan dalam penganjuran aktiviti. Terdapat masalah komunikasi di mana maklumat mengenai peluang program kerajaan sering tidak sampai kepada pemimpin belia di peringkat akar umbi.
2.	Penswastaan kemudahan	Walaupun Putrajaya mempunyai banyak kemudahan, proses penswastaan kepada pihak ketiga menyebabkan kos sewaan menjadi sangat mahal, sehingga NGO terpaksa menggunakan wang sendiri atau mencari tajaan luar untuk menjalankan aktiviti.
3.	Kelemahan struktur pendidikan dalam pembinaan sahsiah seimbang	Belia menyuarakan kebimbangan mengenai kejutan budaya digital dan akademik akibat pemansuhan peperiksaan besar sebelum SPM. Mereka merasakan pendedahan awal kepada peperiksaan formal penting untuk melatih disiplin dan mental pelajar.
		Musim pandemik COVID-19 dilaporkan memberi kesan kepada tahap literasi dan numerasi pelajar, yang memerlukan perhatian khusus sebelum mereka melangkah ke peringkat pendidikan lebih tinggi.
		Putrajaya kekurangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan kolej komuniti, di mana hanya terdapat satu IPTS sahaja yang beroperasi di Presint 5.
		Terdapat keperluan untuk program pengurusan kewangan yang lebih praktikal bagi membantu belia menguruskan ekonomi peribadi mereka.
4.	Ketidaksediaan peluang pekerjaan	Terdapat kekurangan peluang pekerjaan di dalam Putrajaya sendiri, menyebabkan ramai belia terpaksa keluar mencari kerja di kawasan seperti Cyberjaya, Dengkil, atau Bangi.

BIL.	ISU	PENERANGAN
	lokal dengan kelayakan belia	
5.	Kos pemilikan rumah yang tinggi	Belia ingin menjadikan Putrajaya sebagai "kampung" mereka, namun kos pemilikan rumah yang tinggi (antara RM200k hingga RM300k) memaksa mereka untuk terus menyewa atau berpindah keluar dari Putrajaya.
6.	Kekurangan ekosistem pembangunan sukan	Putrajaya kekurangan kompleks sukan khas untuk latihan dan pertandingan, terutamanya bagi sukan seperti silat, bola jaring, dan renang.
		Program pembangunan atlet jangka panjang dilihat tidak jelas, menyebabkan ramai atlet berbakat dari Putrajaya akhirnya terpaksa mewakili Wilayah Persekutuan (WP) berbanding membawa identiti Putrajaya sendiri.
7.	Kefahaman politik belia masih lemah	Tahap kefahaman tentang sistem demokrasi, perlembagaan, dan proses pilihan raya masih lemah dalam kalangan belia di bawah kategori Undi 18. Mereka masih kurang kesedaran dan pemahaman mendalam mengenai sistem politik semasa. Kecenderungan terpengaruh dengan populisme media sosial (TikTok, Instagram) berbanding menilai manifesto atau keupayaan calon secara rasional.
8.	Kurang penglibatan NGO lokal dalam acara program / festival	Kebanyakan program atau festival di Putrajaya dijalankan di bawah kelolaan peringkat Persekutuan (Kementerian), maka lantikan vendor tidak secara langsung kepada NGO tempatan menyebabkan NGO tempatan Putrajaya kurang bergerak aktif. NGO tempatan berpendapat bahawa mereka lebih memahami keperluan kawasan setempat. Manakala, bagi program di bawah kelolaan MPP juga kurang melibatkan NGO tempatan untuk turut serta. Kos untuk menganjurkan program oleh NGO sendiri juga tinggi, iaitu mencecah RM20,000. Maka, pihak NGO mencadangkan untuk mewujudkan sinergi antara agensi-agensi kerajaan, kementerian, kerajaan tempatan dan komuniti. Walaupun kerajaan mempunyai banyak inisiatif program, namun faedahnya kurang sampai ke komuniti.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 3: Dialog bersama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya **Tarikh:** 18 April 2026 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Perancangan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan yang kurang kondusif	Masalah tempat letak kenderaan di kawasan perumahan (PPA1M dan kuarters) dianggap sebagai isu kritikal kerana nisbah satu unit rumah bagi satu petak tempat letak kenderaan tidak lagi mencukupi bagi keluarga yang kini memiliki 3 hingga 4 buah kenderaan. Keadaan ini menyebabkan kenderaan diletakkan secara bertindih (*double parking*) atau di bahu jalan, yang turut menjejaskan akses bagi kenderaan kecemasan seperti ambulans dan bomba.
		Trafik menjadi sangat sesak pada waktu puncak, terutamanya di kawasan sekolah-sekolah baru dan premis kediaman yang padat seperti di Presint 15. Terdapat keperluan mendesak untuk mengkaji semula aliran trafik dan akses keluar masuk di kawasan yang sedang membangun.
		Walaupun perkhidmatan bas tersedia, ia dilaporkan tidak sampai ke semua kawasan yang diperlukan oleh penduduk, menyebabkan pergantungan yang tinggi kepada kenderaan peribadi.
2.	Tekanan sosioekonomi	Penduduk mengadu mengenai harga barangan keperluan dan makanan di Putrajaya yang lebih mahal berbanding kawasan luar. Penjawat awam gred rendah dilaporkan mempunyai kuasa beli yang sangat lemah, di mana pendapatan RM5,000 sebulan dianggap tidak mencukupi untuk menampung kos hidup di sini.
		Kadar sewa bagi premis perniagaan dan *food court* milik Perbadanan Putrajaya (PPj) dianggap terlalu tinggi, yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan harga makanan kepada pengguna.
		Penduduk terbeban dengan kenaikan cukai pintu setiap tahun serta kos penyelenggaraan bangunan (seperti lif) yang tidak setimpal dengan kualiti perkhidmatan yang diterima.

BIL.	ISU	PENERANGAN
3.	Kelemahan pengurusan perumahan kuarters dan PPAM	Terdapat banyak unit kuarters kerajaan yang kosong dan dibiarkan tanpa penyelenggaraan dalam tempoh lama, namun pada masa yang sama terdapat senarai menunggu (*waiting list*) yang mencecah 6,000 orang*.
		Walaupun terdapat syarat bahawa rumah PPA1M tidak boleh disewakan atau dijual dalam tempoh 10 tahun pertama, penguatkuasaan dilaporkan lemah dan masih terdapat pemilik yang melanggar peraturan tersebut.
		Terdapat aduan mengenai pelantikan kontraktor "Alibaba" yang menyebabkan projek perumahan atau penyelenggaraan tidak berkualiti.
4.	Gangguan hidupan liar	Gangguan monyet, babi hutan, dan anjing liar sangat kerap berlaku di kawasan kejiranan. Monyet dilaporkan merosakkan bumbung rumah, manakala babi hutan sering muncul di kawasan belakang depoh dan perumahan. Penduduk merasakan sistem aduan sedia ada (SISPAA) perlu lebih cekap dan mesra pengguna, serta memerlukan pemantauan yang lebih konsisten daripada pihak berkuasa tempatan.
5.	Keperluan sokongan logistik dan kemudahan	Pada masa ini, hanya tiga jawatan tertinggi dalam MPPWP yang menerima elaun, manakala ahli jawatankuasa lain terpaksa menggunakan wang sendiri untuk menjalankan aktiviti komuniti. MPPWP bertindak sebagai jambatan antara penduduk dan Perbadanan Putrajaya, namun mereka memerlukan sokongan yang lebih padu terutamanya dalam mendapatkan ruang aktiviti secara percuma.

*Dapatan ini diperoleh daripada peserta FGD tetapi masih memerlukan pengesahan selanjutnya.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 4: Dialog bersama Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) termasuk Ibu Tunggal (ASNAF) **Tarikh:** 18 April 2026 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Beban kewangan keluarga	Ibu tunggal berdepan cabaran besar dalam menanggung kos persekolahan anak-anak, termasuk belanja program sekolah dan harga makanan di kantin yang mahal. Malah, terdapat juga kes di mana anak terpaksa berhenti daripada menyambung pelajaran di IPT kerana kesempitan wang untuk menyara hidup di universiti.
2.	Jurang kelayakan dan kepatutan kadar bantuan	Ramai ibu tunggal tidak layak menerima bantuan (seperti Baitulmal atau JKM) kerana agensi hanya melihat kepada gaji pokok, bukannya gaji bersih. Keadaan ini sangat membebankan kerana gaji bersih mereka sering kali sangat kecil setelah ditolak pelbagai komitmen. Bantuan bulanan sedia ada (seperti RM350 untuk makan anak) dianggap tidak mencukupi untuk menampung kos hidup di Putrajaya. Terdapat cadangan untuk mewujudkan pangkalan data yang lebih inklusif dengan mengambil kira jumlah tanggungan dan status kesihatan dalam pengagihan bantuan.
3.	Keperluan kebajikan psikososial	Golongan ibu tunggal sering dipinggirkan atau dipandang negatif disebabkan status mereka, yang mewujudkan persekitaran komuniti yang "toksik" bagi mereka. Anak-anak ibu tunggal dilaporkan cenderung menjadi introvert dan turut merasai tekanan emosi serta stigma yang dihadapi ibu mereka. Tekanan hidup yang melampau menyebabkan ramai ibu tunggal menghidapi penyakit berkaitan tekanan seperti darah tinggi, kencing manis, malah ada yang menghidap kanser. Terdapat

BIL.	ISU	PENERANGAN
		keperluan mendesak untuk sokongan rohani dan ekosistem emosi yang berterusan, bukan sekadar bantuan material.
4.	Kelemahan pengurusan perumahan kuarters dan PPAM	Ibu tunggal yang tinggal di kuarters kerajaan berdepan kebimbangan apabila diarahkan keluar (notis 3 bulan) selepas kematian suami atau penceraian.
		Masalah di kawasan perumahan seperti lif rosak dan kualiti air yang tidak bersih (contohnya di PPAM Putra Harmoni/ Flat Hijau) sangat menyukarkan rutin harian mereka.
5.	Kekangan logistik dan birokrasi persekolahan	Perkhidmatan bas sekolah dilaporkan tidak sampai ke sesetengah kawasan atau sudah penuh. Ini memaksa ibu tunggal bergantung kepada van persendirian yang lebih mahal atau menguruskan pengangkutan sendiri yang menjejaskan waktu kerja mereka. Borang sekolah yang mewajibkan nama dua penjaga menyukarkan ibu tunggal. Mereka terpaksa meletakkan nama saudara lain. Namun, akhirnya boleh menyebabkan mereka gagal mendapat bantuan persekolahan.
6.	Cadangan pemerkasaan ibu tunggal	Mewujudkan pusat pemulihan atau transit di Putrajaya yang bersifat holistik untuk membantu wanita berdikari. Menyediakan peluang pendapatan sampingan bagi yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan (*affiliate*/e-dagang) atau aktiviti kebun komuniti untuk menambah pendapatan, walaupun terdapat kekangan ruang di sesetengah presint.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 5: Dialog bersama wakil Komuniti India **Tarikh:** 18 April 2026 **Bilangan peserta:** 10 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Diskriminasi sosial	Kesukaran komuniti India menyewa rumah di Putrajaya kerana terdapat pemilik yang menetapkan syarat "untuk Muslim sahaja", menyebabkan mereka sukar mencari tempat tinggal walaupun bekerja di Putrajaya.
		Komuniti India juga melaporkan peluang pekerjaan yang sangat terhad dalam sektor awam di Putrajaya. Ramai belia India terpaksa berpindah keluar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.
		Kontraktor India mendakwa mereka sering kali hanya diberikan peluang sebagai sub-kontraktor di bawah syarikat Bumiputera walaupun mereka mempunyai kelayakan dan kepakaran yang mencukupi.
2.	Keperluan kemudahan khusus dan keagamaan	Terdapat keperluan mendesak untuk membaiki kemudahan krematorium di Putrajaya. Dilaporkan dua daripada empat mesin pembakaran sedia ada telah rosak, dan kos pembakaran di luar Putrajaya adalah jauh lebih mahal.
		Pembinaan kuil menghadapi masalah vandalisme dan kekangan kewangan yang besar. Komuniti juga merasa terkilan kerana tidak dilibatkan dalam perbincangan awal atau *townhall* mengenai reka bentuk dan perancangan kuil tersebut.
3.	Keterbatasan pendidikan dan bahasa	Putrajaya tidak mempunyai SJKT, maka komuniti mencadangkan agar sekurang-kurangnya sebuah sekolah kebangsaan dipilih untuk dijadikan pusat pembelajaran Bahasa Tamil yang lebih berkesan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Kelemahan struktur penyertaan urus tadbir dalam kalangan komuniti India	Terdapat keperluan mendesak untuk melantik seorang Ketua Komuniti India (KK) atau mewujudkan platform rasmi bagi membolehkan mereka berkumpul dan menyuarakan masalah secara terus kepada pihak berkuasa.
		Komuniti India merasa "diabaikan" kerana maklumat mengenai bantuan kerajaan (seperti melalui MITRA) sering tidak sampai ke peringkat akar umbi.
		Ketiadaan penglibatan atau sesi pertemuan yang konsisten bersama wakil rakyat, menyebabkan suara komuniti India sering terpinggir daripada perancangan pembangunan bandar.
5.	Tekanan sosioekonomi dan jurang kebajikan	Harga barangan runcit dan sayur-sayuran di luar kemampuan kuasa beli komuniti India di Putrajaya. Terdapat golongan India yang tergolong dalam asnaf, ibu tunggal, dan OKU yang memerlukan bantuan. Namun, ketiadaan kewujudan statistik khusus menyukarkan penyaluran bantuan tersebut.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 6: Dialog Bersama Persatuan Orang Kurang Upaya (Procjaya) **Tarikh:** 18 April 2026 **Bilangan peserta:** 6 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Kelemahan sistem perkhidmatan pengangkutan khusus untuk OKU	Golongan OKU, terutamanya cacat penglihatan, bergantung kepada Grab sebagai pengangkutan utama. Walau bagaimanapun, tambang yang terlalu mahal pada waktu puncak (sekitar 4.00 petang hingga 7.00 malam) membebankan mereka. Mereka melaporkan bahawa potongan diskaun Grab untuk OKU yang wujud sebelum ini kini sudah tiada.
		Golongan ini menghadapi kos sara hidup yang lebih tinggi kerana perlu menanggung kos pengubahsuaian kenderaan serta harga peralatan bantuan yang mahal.
		Perkhidmatan bas dilaporkan tidak mempunyai akses yang baik ke perhentian bas. Malah ada orang awam yang meletakkan kenderaan di perhentian bas sehingga menyukarkan OKU. Perkhidmatan "*door-to-door*" seperti Rapid Mobiliti juga tidak mempunyai akses ke perhentian bas.
2.	Perancangan pembangunan dan aktiviti tidak inklusif dan mesra pengguna OKU	Laluan taktil untuk golongan cacat penglihatan dilaporkan semakin berkurang dan tidak diletakkan di tempat yang strategik. Sebagai contoh, taktil di Kompleks Islam Putrajaya menyukarkan mereka untuk bergerak ke tempat solat Jumaat.
		Di kawasan perumahan PPA1M Pudina, dilaporkan tiada petak tempat letak kenderaan OKU di setiap blok. Ini memaksa penghuni OKU membeli unit tempat letak kenderaan di tempat lain, yang mendatangkan beban kepada mereka.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Komuniti OKU juga kurang dilibatkan dalam proses perancangan pembangunan daripada peringkat awal. Terdapat beberapa pembangunan yang mengambil inisiatif untuk melibatkan OKU dalam mengaudit bangunan. Namun, proses tersebut dianggap terlambat untuk diaudit kerana bangunan telah siap dibina dan akan memerlukan kos yang tinggi sekiranya terdapat kesilapan dan keperluan penambahbaikan. Ini menyebabkan banyak kemudahan dibina tanpa mengambil kira keperluan sebenar OKU.
		Bunyi pada lampu isyarat pejalan kaki perlu dikuatkan lagi bagi membantu golongan cacat penglihatan melintas dengan selamat.
		Program sosial sering kali tidak merangkumi semua kategori OKU. Contohnya, ketiadaan jurubahasa isyarat bagi golongan OKU pendengaran.
		Data OKU (JKM) dilaporkan tidak dikemas kini dan maklumat mengenainya bersifat sulit. Ia menyukarkan pihak lain untuk merujuk atau membantu golongan yang terkesan.
3.	Kepadatan kelas pendidikan khas	Di sekolah harian, pelajar dengan pelbagai kategori ketidakupayaan (*multi-disabilities*) diletakkan dalam satu kelas yang sama. Kelas juga dilaporkan terlalu padat dengan kapasiti sehingga 20 orang pelajar dalam satu kelas. Terdapat lebih 200 orang* dalam senarai menunggu untuk mendapatkan tempat di sekolah pendidikan khas.

*Dapatan ini diperoleh daripada peserta FGD tetapi masih memerlukan pengesahan selanjutnya.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 7: Dialog Bersama Wakil Belia dan Kanak-Kanak **Tarikh:** 18 April 2026 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Kepadatan kelas pendidikan khas	Kelas PPKI dilaporkan terlalu padat dengan 18 orang murid bagi satu kelas, jauh melebihi kapasiti ideal. Terdapat lebih 200 orang* dalam senarai menunggu untuk memasuki PPKI di Putrajaya. Terdapat desakan untuk membina Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) bagi memberikan fokus lebih baik berbanding sistem integrasi sedia ada.
2.	Kelemahan sistem pendidikan bagi pelajar lemah dan berkeperluan khas	Murid daripada keluarga berpendapatan rendah sukar mendapat terapi awal kerana kos tinggi, menyebabkan 60 peratus murid PPKI masih tidak mampu bertutur dan 60 peratus pelajar masih memakai lampin. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk menyediakan taska berkeperluan khas sebagai langkah intervensi awal.
		Masih terdapat masalah literasi dan numerasi yang ketara dalam kalangan murid kesan daripada musim Covid-19.
3.	Penswastaan kemudahan dan kelemahan sistem pengurusan kemudahan awam	Banyak kemudahan PPj diswastakan, menyebabkan kos sewaan tinggi yang tidak mampu ditanggung oleh kelab sukan tempatan. Putrajaya kekurangan kemudahan khusus untuk sukan seperti bola jaring, seni bela diri dan renang. Pihak penganjur perlu berebut dengan orang awam untuk tempahan kemudahan. Sebagai contoh, latihan renang terhad di Presint 6. Manakala kemudahan renang yang lain ketiadaan peralatan dan terdapat larangan aktiviti bimbingan (*coaching*) secara bebas.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Peminggiran sosial	Kes vaping, buli, pornografi (video lucah), dan kehamilan bawah umur semakin membimbangkan di sekolah. Namun begitu, guru tidak dapat mengambil tindakan kerana ibu bapa cenderung membuat aduan terus kepada SISPAA, PDRM, atau KPM. Antara punca berlaku aktiviti-aktiviti ini adalah pengaruh teknologi semasa serta kurang perhatian dan pemantauan daripada keluarga.
5.	Keperluan kemudahan institusi pendidikan	Terdapat keperluan untuk menyemak semula jumlah populasi akan datang dan kesediaan kemudahan institusi pendidikan semasa. Belia berpendapat bahawa, jumlah sekolah menengah pada masa akan datang tidak mencukupi memandangkan tren pelajar tidak ramai berpindah ke sekolah berasrama. Selain itu, belia juga berpendapat pusat tuisyen dan pengajian kerohanian di Putrajaya masih terhad.
6.	Kesediaan pelaksanaan dasar baharu	Polisi kemasukan murid berumur 6 tahun ke Darjah 1 telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan guru kerana ketiadaan garis panduan yang jelas. Tambahan pula, silibus baharu dijangka diperkenalkan pada tahun 2027. Pada masa ini, kebanyakan sekolah rendah hanya beroperasi pada satu sesi pagi sahaja. Walau bagaimanapun, pada tahun hadapan, sistem dua sesi dijangka dilaksanakan di mana sesi pagi dikhaskan untuk sekolah rendah manakala sesi petang untuk kelas KAFA. Isu kekurangan bilangan sekolah juga perlu diberi perhatian serius.
7.	Kebimbangan keselamatan kanak-kanak	Satu kes lemas yang berlaku pada 1 April 2024 mewujudkan kebimbangan bahawa kanak-kanak di Putrajaya tidak mempunyai kemahiran asas renang untuk menyelamatkan diri. Tambahan pula, Putrajaya dikelilingi oleh badan air yang besar seperti tasik. Ibu bapa menghadapi kesukaran untuk menghantar anak-anak ke kelas renang kerana kosnya yang mahal. Dilaporkan bahawa kos bagi satu sesi kelas renang adalah RM80, manakala pakej 6 sesi mencecah RM200.

BIL.	ISU	PENERANGAN
		Kawasan tebing tasik, terutamanya di Presint 5, dilaporkan mempunyai tebing yang tinggi dan curam. Ketiadaan pagar keselamatan yang sewajarnya serta penyelenggaraan tebing yang lemah akan meningkatkan risiko kanak-kanak terjatuh ke dalam air.
8.	Kekurangan sokongan kepada peniaga tempatan	Peniaga tempatan di Putrajaya menghadapi pelbagai cabaran. Ini termasuk lambakan kedai makan, sewa premis yang tinggi, kurangnya pemantauan dan tindakan oleh PBT terhadap peniaga yang melanggar syarat, serta persaingan tidak sihat dengan peniaga luar (terutamanya semasa acara). Selain itu, tiada sokongan pemasaran daripada PPj, maklumat tender dan peluang perniagaan yang tidak jelas, serta keutamaan premis tidak diberikan kepada penduduk tempatan. Cadangan termasuk memberikan subsidi khas dan mengutamakan peniaga penduduk Putrajaya.
9.	Pengurusan kemudahan awam dan keperluan tempatan	Pengenalan sistem parking berbayar di kawasan perniagaan Putrajaya telah memberi kesan negatif kepada peniaga tempatan. Ramai pelanggan enggan datang kerana terpaksa membayar yuran parkir, menyebabkan bilangan pengunjung berkurangan. Akibatnya, sebahagian pelanggan memilih untuk meletakkan kenderaan di tepi jalan secara tidak sah. Amalan ini bukan sahaja mengganggu kelancaran trafik tetapi menimbulkan kesesakan dan risiko keselamatan di sekitar kawasan tersebut.

*Dapatan ini diperoleh daripada peserta FGD tetapi masih memerlukan pengesahan selanjutnya.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 8: Dialog Bersama Wakil Penduduk Putrajaya **Tarikh:** 18 April 2026 **Bilangan peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Konflik pengurusan tempat letak kenderaan dan sikap pengguna	Masalah tempat letak kenderaan kritikal di kondominium seperti Saujana Aster dan Sakura (Presint 11) di mana penduduk sering dikenakan saman oleh pihak berkuasa walaupun ruang tempat letak kenderaan sedia ada tidak mencukupi.
		Tempat letak kenderaan di Hospital Putrajaya terhad sehingga menyukarkan waris pesakit. Terdapat cadangan agar waris diberikan kemudahan tempat letak kenderaan khas atau sistem "*check-in*" seperti hotel bagi memudahkan urusan. Semasa solat Jumaat, tempat letak kenderaan bertindih menyebabkan kesesakan melampau, dan penduduk mencadangkan agar teks khutbah menyelitkan peringatan tentang adab tempat letak kenderaan agar tidak menyusahkan orang lain.
		Walaupun terdapat bangunan parkir bertingkat (seperti di Presint 5), ramai penduduk tetap memilih untuk parkir di tepi jalan kerana tidak mahu mendaki ke tingkat atas atau membayar sewa. Ia akhirnya menghalang laluan kecemasan seperti ambulans dan bomba.
2.	Kelemahan pengurusan kuarters kerajaan	Terdapat lambakan kuarters kerajaan yang dikosongkan dan dibiarkan tanpa penyelenggaraan selama bertahun-tahun sehingga ditumbuhi lalang dan menjadi sarang nyamuk. Walaupun banyak unit kosong (terutamanya di Presint 11), terdapat senarai menunggu yang sangat panjang mencecah 3,000 hingga 6,000 orang*. Penduduk mempersoalkan mengapa unit yang sudah siap diubahsuai (*renovate*) tidak segera diberikan kepada pemohon.

BIL.	ISU	PENERANGAN
3.	Gangguan hidupan liar	Gangguan monyet menjadi masalah besar apabila hidupan liar ini merosakkan bumbung rumah dan mencabut atap. Ini memaksa penduduk mengupah kontraktor sendiri untuk memotong dahan pokok yang menjadi laluan monyet.
		Babi hutan dan musang kerap dilihat berkeliaran di kawasan perumahan dan belakang depoh. Ia mendatangkan kebimbangan keselamatan kepada penduduk.
4.	Kelemahan sistem aduan dan tindakan susulan	Penduduk mengadu sistem aduan SISPAA terlalu rumit kerana memerlukan "*login*" bagi setiap aduan baru, selain tiada pemantauan konsisten terhadap tindakan susulan.
		Taman permainan dilaporkan tidak diselenggara dengan baik secara berkala oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dan hanya bertindak selepas aduan dibuat.
5.	Halangan birokrasi dan perbezaan politik mempengaruhi perpaduan komuniti	Peranan MPP dilihat kadangkala terhad oleh kepentingan politik, di mana sesetengah aktiviti komuniti hanya boleh dijalankan jika tidak melibatkan pihak pembangkang. Penduduk melaporkan bahawa sokongan atau kerjasama daripada MPP hanya boleh diperoleh sekiranya pihak penganjur tidak menjemput Ahli Parlimen (YB) daripada pihak pembangkang dalam aktiviti yang dijalankan.

*Dapatan ini diperoleh daripada peserta FGD tetapi masih memerlukan pengesahan selanjutnya.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Keterbatasan ruang ketiga untuk aktiviti sosial dan interaksi komuniti

Putrajaya mempunyai kepadatan penduduk yang semakin meningkat terutamanya apabila Rancangan Pemajuan Putrajaya telah menyasarkan 305,000 orang penduduk menjelang 2050. Namun, penyediaan "ruang ketiga" atau hab komuniti masih tidak selari dengan pertumbuhan ini. Struktur bandar berasaskan presint dan corak kehidupan komuniti belum disokong secara seimbang oleh penyediaan ruang sosial yang tetap, inklusif dan mudah dicapai. Walaupun Putrajaya dirancang sebagai bandar dalam taman dengan jaringan taman metropolitan, tasik, *wetland*, kompleks kejiranan dan kemudahan awam, dapatan lapangan menunjukkan bahawa ruang-ruang tersebut belum sepenuhnya berfungsi sebagai hab komuniti harian yang mampu menampung keperluan interaksi sosial, aktiviti persatuan, pembelajaran komuniti, penjagaan warga emas, pembangunan belia dan keterangkuman kumpulan minoriti.

Keperluan ini jelas melalui dapatan FGD warga emas apabila PAWE Putrajaya, yang mempunyai sekitar 558 orang ahli, dilaporkan terpaksa berpindah sebanyak empat kali dalam tempoh lapan tahun akibat ketiadaan premis tetap. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kelangsungan aktiviti warga emas, malah menggambarkan kelemahan penyediaan institusi komuniti yang stabil bagi kumpulan rentan. Dalam konteks Putrajaya yang mempunyai sasaran penduduk 305,000 orang menjelang 2050, kekangan premis tetap untuk warga emas menunjukkan jurang antara perancangan fizikal bandar dengan keperluan sosial komuniti yang semakin berkembang.

Selain itu, kos sewaan dewan yang sebelum ini percuma tetapi kini menjadi beban kepada NGO seperti PerWEP turut menunjukkan bahawa akses kepada kemudahan komuniti semakin bergantung kepada kemampuan kewangan organisasi. Dapatan FGD belia dan wakil penduduk pula memperkukuh isu yang sama apabila NGO tempatan menyatakan kesukaran mendapatkan ruang, dana dan peluang penganjuran program, sedangkan mereka merupakan aktor penting dalam menggerakkan aktiviti sosial serta pembangunan komuniti setempat. Hal ini menunjukkan bahawa isu ruang ketiga bukan sekadar isu fizikal, tetapi turut berkait dengan tadbir urus kemudahan, kos penggunaan, keutamaan akses dan mekanisme libat urus antara komuniti dengan pihak berkuasa tempatan.

Dapatan bersama wakil komuniti India menunjukkan bahawa kira-kira 800 keluarga India di Putrajaya tidak mempunyai ruang berkumpul yang konsisten. Manakala projek kuil komuniti turut berdepan kekangan akibat pembekuan dana geran sebanyak RM5 juta sejak tahun 2020. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kekurangan ruang ketiga boleh menyumbang kepada peminggiran sosial, kelemahan jaringan sokongan komuniti dan

keterbatasan saluran komunikasi antara kumpulan masyarakat dengan institusi tempatan. Oleh itu, isu ini perlu diberi keutamaan kerana ia merentas dimensi sosial, ekonomi dan tadbir urus serta berkait langsung dengan SDG 10, SDG 11 dan SDG 17, khususnya dalam aspek keterangkuman sosial, akses kepada ruang awam yang selamat dan perkongsian pelaksanaan pembangunan komuniti.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. Ketiadaan ruang ketiga atau hab komuniti yang tetap, inklusif dan mudah dicapai untuk menyokong aktiviti sosial, pembelajaran komuniti, interaksi antara generasi dan program pembangunan setempat. 2. PAWE Putrajaya tidak mempunyai premis tetap dan dilaporkan telah berpindah sebanyak empat kali dalam tempoh lapan tahun, sekali gus menjejaskan kesinambungan aktiviti warga emas. 3. Kos sewaan dewan dan kemudahan awam membebankan persatuan serta NGO komuniti, menyebabkan aktiviti sosial bergantung kepada kemampuan kewangan organisasi. 4. Komuniti minoriti, termasuk komuniti India, masih berdepan kekurangan ruang berkumpul yang konsisten untuk aktiviti sosial, kebudayaan, keagamaan dan jaringan sokongan komuniti. 5. Penyediaan ruang awam sedia ada belum sepenuhnya berfungsi sebagai hab komuniti harian kerana wujud kelemahan dari aspek tadbir urus, keutamaan akses, penyelarasan jadual dan mekanisme libat urus komuniti.
Cadangan	1. Mewujudkan atau menetapkan ruang ketiga komuniti secara tetap di kawasan strategik sebagai hab aktiviti warga emas, belia, persatuan penduduk, NGO dan komuniti minoriti. 2. Menyediakan model penggunaan kemudahan yang lebih mampu guna, termasuk kadar

	sewaan khas, pengecualian bayaran bersasar atau kuota penggunaan berkala bagi program komuniti berimpak sosial. 3. Memperkukuh kebun komuniti sebagai ruang interaksi sosial, pembelajaran pertanian bandar, keterjaminan makanan dan aktiviti antara generasi. 4. Mengoptimumkan tanah komuniti atau kawasan lapang yang sesuai untuk projek kebun komuniti, aktiviti kejiranan dan program komuniti berskala kecil. 5. Mewujudkan mekanisme penyelarasan antara Perbadanan Putrajaya, MPP, persatuan warga emas, NGO belia dan wakil komuniti bagi mengurus jadual, akses dan penggunaan ruang secara adil. 6. Membina pangkalan data dan kalendar aktiviti komuniti setempat supaya keperluan ruang, kumpulan pengguna dan program berkala dapat dirancang dengan lebih sistematik.
Kumpulan Terjejas	Warga emas, pesara, penduduk Putrajaya
Kawasan	Presint 11, Putrajaya
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 2: Sifar Kebuluran	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, termasuk melalui akses kepada sumber produktif, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang nilai tambah.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, ketidakupayaan, etnik, agama atau status ekonomi.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.7: Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat kepada ruang awam dan kawasan hijau yang selamat, inklusif dan mudah dicapai, khususnya untuk

	wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.17: Menggalakkan dan memperkukuh perkongsian awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang berkesan, berasaskan pengalaman serta strategi sumber perkongsian.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Risiko keselamatan kanak-kanak di kawasan berair terbuka

Risiko keselamatan kanak-kanak di kawasan berair terbuka merupakan isu keutamaan yang wajar diberi perhatian dalam konteks Parlimen Putrajaya. Hal ini kerana ciri fizikal bandar ini sangat berkait rapat dengan kewujudan Tasik Putrajaya, *wetland* buatan manusia, taman metropolitan dan kawasan rekreasi awam yang terbuka kepada penduduk serta pelawat. Berdasarkan gambaran geografi dan topografi, Putrajaya dibangunkan sebagai bandar dalam taman dengan elemen tasik, *wetland*, jambatan, laluan pejalan kaki dan taman-taman awam sebagai sebahagian daripada identiti bandar. Walaupun elemen ini menyumbang kepada kualiti landskap, rekreasi, pelancongan bandar dan kesejahteraan komuniti, ia pada masa yang sama mewujudkan pendedahan harian kepada risiko air terbuka, khususnya bagi kanak-kanak yang belum mempunyai kemahiran asas renang, kawalan diri di kawasan air atau kefahaman yang mencukupi tentang bahaya tebing tasik dan badan air yang tidak berpagar sepenuhnya.

Dapatan FGD bersama wakil belia dan kanak-kanak memperkukuh kebimbangan ini apabila peserta melaporkan satu kes lemas pada 1 April 2024 yang memberi kesan langsung terhadap persepsi keselamatan komuniti. Kes tersebut menimbulkan persoalan dasar yang lebih luas, iaitu sejauh mana kanak-kanak di Putrajaya dilengkapi dengan kemahiran kemandirian air, kemahiran asas menyelamatkan diri dan pengetahuan tentang tingkah laku selamat di kawasan berair. Dalam suasana bandar yang mempunyai badan air berskala besar dan mudah diakses, kebergantungan kepada pengawasan ibu bapa semata-mata tidak mencukupi. Contohnya, kanak-kanak yang bermain atau berbasikal berhampiran tebing tasik, menghadiri aktiviti keluarga di taman tepi air, atau mengikuti acara komuniti berhampiran kawasan marina berisiko terdedah kepada kejadian tergelincir, terjatuh atau panik apabila berada terlalu hampir dengan air. Isu ini juga perlu dinilai dalam konteks akses dan kos. Hasil dapatan daripada FGD bersama NGO kanak-kanak melaporkan bahawa ibu bapa menghadapi kekangan kewangan untuk menghantar anak-anak mengikuti kelas renang kerana kos satu sesi boleh mencecah sekitar RM80, manakala pakej beberapa sesi pula sekitar RM200. Bagi keluarga berpendapatan rendah, ibu tunggal, penjawat awam gred rendah atau isi rumah yang sedang berdepan tekanan kos sara hidup, kos latihan renang boleh dianggap sebagai keperluan tambahan yang sukar dipenuhi. Keadaan ini menyebabkan kemahiran

keselamatan air berpotensi menjadi kemahiran yang hanya dapat diakses oleh keluarga yang mampu, sedangkan risiko lemas tidak tertakluk kepada status pendapatan. Dalam erti kata lain, isu keselamatan air turut mempunyai dimensi ketaksamaan sosial kerana kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan lebih cenderung tidak mendapat latihan renang berstruktur walaupun tinggal di kawasan bandar yang mempunyai pendedahan kepada tasik dan kemudahan air.

Dapatan lapangan turut menunjukkan bahawa kawasan tebing tasik, khususnya di sekitar Presint 5, mempunyai ciri fizikal yang boleh meningkatkan risiko keselamatan seperti tebing tinggi, cerun yang curam, ketiadaan pagar keselamatan yang mencukupi dan tahap penyelenggaraan tebing yang perlu dipertingkatkan. Risiko ini menjadi lebih signifikan apabila kawasan tersebut turut menjadi lokasi rekreasi, pergerakan keluarga, aktiviti sukan dan penggunaan kemudahan awam seperti Kompleks Renang Marina Putrajaya. Keperluan intervensi bukan sahaja melibatkan latihan renang, tetapi turut merangkumi audit keselamatan fizikal kawasan tebing, pemasangan pagar atau pengadang di lokasi berisiko, papan tanda amaran, pencahayaan yang mencukupi, rondaan keselamatan, serta prosedur tindak balas kecemasan yang jelas.

Di Malaysia, laporan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang dilaporkan media pada 2026 merekodkan 619 panggilan kecemasan melibatkan kejadian lemas kanak-kanak dan remaja antara 2021 hingga April 2026, dengan sungai dan tali air mencatatkan bahagian terbesar kes, diikuti pantai, air terjun, jeram, tasik dan lombong. Maklumat ini menunjukkan bahawa pencegahan lemas perlu dilihat sebagai tanggungjawab merentas agensi, termasuk pihak berkuasa tempatan, agensi keselamatan, institusi pendidikan, komuniti, pengusaha kemudahan rekreasi dan keluarga.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. Kanak-kanak terdedah kepada risiko lemas kerana Putrajaya mempunyai badan air terbuka berskala besar seperti tasik, *wetland* dan kawasan rekreasi tepi air. 2. Kebanyakan kanak-kanak, khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah, belum mempunyai akses yang mencukupi kepada kelas renang dan latihan keselamatan air. 3. Kos kelas renang yang tinggi membataskan penyertaan keluarga B40, ibu tunggal dan isi rumah yang berdepan tekanan kos sara hidup.

	4. Kawasan tebing tasik di Presint 5 dilaporkan mempunyai tebing tinggi dan curam, selain memerlukan penambahbaikan dari aspek pagar keselamatan, papan tanda amaran dan penyelenggaraan fizikal. 5. Ketiadaan program keselamatan air komuniti yang tersusun boleh menyebabkan risiko berulang, khususnya semasa aktiviti keluarga, acara komuniti dan rekreasi hujung minggu.
Cadangan	1. Melaksanakan program renang asas dan kemandirian air secara bersasar kepada kanak-kanak B40 serta kumpulan rentan. 2. Memperkenalkan modul keselamatan air terbuka yang merangkumi teknik terapung, tindakan ketika panik, penggunaan jaket keselamatan dan simulasi kecemasan. 3. Menjalankan audit keselamatan di kawasan tebing tasik, marina dan laluan rekreasi berhampiran air bagi mengenal pasti lokasi berisiko tinggi. 4. Memasang atau menambah baik pagar keselamatan, papan tanda amaran, pencahayaan dan kelengkapan penyelamatan asas di lokasi tumpuan awam. 5. Mewujudkan kerjasama antara Perbadanan Putrajaya, agensi keselamatan, sekolah, NGO belia dan komuniti ibu bapa bagi membina budaya keselamatan air secara berterusan.
Kumpulan Terjejas	Kanak-kanak
Kawasan	Kompleks Renang Marina Putrajaya, Presint 5
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	Sasaran 3.4: Mengurangkan kematian pramatang dan meningkatkan kesejahteraan melalui pencegahan risiko kesihatan awam yang boleh dielakkan.

SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.7: Memastikan semua murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang menyokong gaya hidup selamat, mampan dan bertanggungjawab.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Memperkasa keterangkuman sosial semua golongan, termasuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah, agar mendapat akses kepada kemahiran keselamatan air.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.7: Menyediakan akses kepada ruang awam dan kawasan rekreasi yang selamat, inklusif serta boleh dicapai oleh semua.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Penglibatan belia yang masih terhad dalam aktiviti sosial dan pembangunan komuniti

Penglibatan belia yang masih terhad dalam aktiviti sosial dan pembangunan komuniti merupakan isu keutamaan yang signifikan dalam konteks Parlimen Putrajaya kerana golongan belia bukan sahaja merupakan penyambung generasi komuniti setempat, tetapi juga kumpulan penting yang berpotensi menjadi penggerak kepada aktiviti sosial, kesukarelawanan, sukan, keusahawanan komuniti dan kepimpinan akar umbi. Berdasarkan dapatan FGD 2 bersama Belia 4B Putrajaya dan Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (POUTRECS), penglibatan belia tempatan masih berdepan kekangan struktur, khususnya daripada aspek akses kepada ruang, dana, peluang penganjuran program dan mekanisme libat urus yang sistematik dengan agensi kerajaan serta pihak berkuasa tempatan.

Dapatan FGD 2 juga menunjukkan bahawa NGO belia tempatan menghadapi kesukaran mendapatkan dana dan peluang untuk menganjurkan program komuniti di Putrajaya. Peserta turut menyatakan bahawa pihak berkuasa sering dilihat lebih cenderung melantik syarikat pengurusan acara luar berbanding melibatkan NGO belia tempatan dalam penganjuran aktiviti. Keadaan ini memberi kesan kepada rasa pemilikan belia terhadap pembangunan kawasan sendiri kerana mereka tidak dilibatkan secara langsung dalam proses merancang, melaksana dan menilai program komuniti. Sebagai contoh, apabila festival, program belia, karnival komuniti atau acara sukan dianjurkan tanpa penglibatan langsung daripada NGO tempatan. Belia tempatan hanya menjadi peserta atau penonton, bukan rakan pelaksana yang membina pengalaman kepimpinan, jaringan kerja dan kemahiran pengurusan projek.

Isu ini turut berkait dengan kelemahan aliran maklumat dan komunikasi antara agensi, pihak penganjur program dan pemimpin belia akar umbi. FGD 2 dan 7 merekodkan bahawa maklumat mengenai peluang tender gerai, program kerajaan atau ruang kolaborasi sering tidak sampai kepada pemimpin belia di peringkat komuniti. Akibatnya,

organisasi belia yang sepatutnya menjadi jambatan antara dasar kerajaan dengan keperluan generasi muda tidak dapat memainkan peranan secara optimum. Contohnya, sekiranya maklumat program ekonomi belia, ruang niaga semasa acara, latihan keusahawanan atau peluang sukarelawan hanya disampaikan kepada rangkaian tertentu, maka belia yang tidak berada dalam rangkaian rasmi akan terus tercicir daripada ekosistem pembangunan komuniti.

Selain itu, penswastaan kemudahan awam turut menjadi faktor yang mengehadkan keupayaan belia untuk menggerakkan aktiviti sosial secara konsisten. Walaupun Putrajaya mempunyai pelbagai kemudahan komuniti, sukan dan rekreasi, kos sewaan yang tinggi menyebabkan NGO belia terpaksa menggunakan dana sendiri atau mencari tajaan luar bagi melaksanakan program. Daripada sudut pembangunan belia, keadaan ini boleh melemahkan kesinambungan aktiviti kerana program bergantung kepada kemampuan kewangan jangka pendek, bukan kepada ekosistem sokongan yang stabil. Sebagai contoh, kelab sukan tempatan yang ingin menjalankan latihan berkala, bengkel kepimpinan atau program kesukarelawanan terpaksa mengehadkan penyertaan, mengurangkan kekerapan aktiviti atau membatalkan program sekiranya kos ruang dan kemudahan tidak mampu ditanggung.

Dapatan FGD 7 bersama wakil belia dan kanak-kanak turut memperkukuh keperluan intervensi belia apabila peserta menyentuh isu peminggiran sosial, pengaruh teknologi, vaping, buli dan salah laku dalam kalangan pelajar. Walaupun isu ini berkait dengan persekitaran sekolah dan keluarga, ia juga menunjukkan keperluan untuk menyediakan platform pembangunan belia yang lebih tersusun, positif dan berterusan di luar waktu persekolahan. Aktiviti sosial, sukan, kepimpinan, kesukarelawanan dan projek komuniti boleh menjadi saluran alternatif untuk membina disiplin, keyakinan, identiti setempat dan keupayaan membuat keputusan dalam kalangan belia. Tanpa platform yang konsisten, belia lebih mudah menjadi penerima pasif kepada pengaruh digital dan budaya semasa, berbanding menjadi agen perubahan yang aktif dalam komuniti.

Dalam konteks Putrajaya sebagai bandar pentadbiran negara, penglibatan belia yang terhad juga mempunyai implikasi terhadap pembangunan kepimpinan masa hadapan. Putrajaya mempunyai aset fizikal, institusi kerajaan, ruang awam dan jaringan komuniti yang berpotensi menjadi makmal pembangunan belia berasaskan SDG. Namun, potensi ini hanya dapat dimanfaatkan sekiranya belia diberi ruang sebagai rakan strategik, bukan sekadar peserta program. Oleh itu, isu ini perlu diberi keutamaan melalui pendekatan pembangunan kapasiti yang merangkumi latihan kepimpinan, pengurusan projek komuniti, literasi kewangan, advokasi dasar tempatan, sukarelawan komuniti, pembangunan sukan dan kolaborasi rentas agensi.

Jadual 14. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. NGO belia tempatan menghadapi kesukaran mendapatkan dana, ruang dan peluang untuk menganjurkan program komuniti secara konsisten. 2. Penglibatan NGO tempatan dalam program, festival dan acara awam masih terhad kerana penganjuran lebih banyak melibatkan pihak luar atau vendor acara. 3. Maklumat mengenai peluang program, tender gerai, ruang kolaborasi dan inisiatif kerajaan tidak sampai secara menyeluruh kepada pemimpin belia akar umbi. 4. Kos sewaan kemudahan awam dan sukan yang tinggi membataskan aktiviti belia, sukan, kesukarelawanan dan pembangunan komuniti. 5. Belia memerlukan platform pembangunan kapasiti yang lebih tersusun bagi membina kepimpinan, kemahiran pengurusan projek, literasi kewangan dan kesedaran komuniti.
Cadangan	1. Menubuhkan akademi belia sebagai platform latihan kepimpinan, pengurusan projek komuniti, literasi kewangan dan kesukarelawanan belia. 2. Mewujudkan libat urus berkala antara NGO belia, Perbadanan Putrajaya, MPP, agensi kerajaan dan penganjur acara bagi melibatkan belia dalam perancangan program. 3. Menyediakan geran mikro atau sokongan kewangan bersasar kepada NGO belia tempatan untuk melaksanakan program sosial, sukan dan projek komuniti. 4. Memberi akses ruang aktiviti yang lebih mampu guna melalui kadar sewaan khas atau kuota penggunaan kemudahan awam untuk program belia. 5. Mewujudkan sistem maklumat berpusat bagi hebahan peluang program, tender, latihan,

	sukarelawan dan kolaborasi kepada pemimpin belia akar umbi. 6. Melaksanakan projek rintis komuniti yang diketuai belia seperti program sukan, kempen sosial, sukarelawan dan bengkel keusahawanan kecil.
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Keseluruhan Parlimen Putrajaya
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan bilangan belia dan orang dewasa yang mempunyai kemahiran relevan, termasuk kemahiran teknikal, vokasional, keusahawanan dan kemahiran untuk pekerjaan yang baik.
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.6: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara kadar belia yang tidak berada dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.7: Menyediakan akses kepada ruang awam yang selamat, inklusif dan mudah dicapai bagi menyokong aktiviti sosial serta pembangunan komuniti.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat	Sasaran 16.7: Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, inklusif, partisipatif dan mewakili semua peringkat.
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.17: Menggalakkan perkongsian awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang berkesan bagi menyokong pelaksanaan program komuniti.

4.2.4 Pengutamaan Isu 4: Tahap literasi pelajar pasca-COVID yang membimbangkan

Tahap literasi pelajar pasca-COVID yang membimbangkan merupakan isu yang perlu diberi perhatian dalam konteks Parlimen Putrajaya kerana ia memberi kesan langsung kepada kualiti pembelajaran, keyakinan murid, kesediaan memasuki tahap pendidikan seterusnya dan keupayaan jangka panjang generasi muda untuk berdaya saing. Berdasarkan dapatan FGD 2 bersama Belia 4B Putrajaya dan Persatuan Sukan Rekreasi Putrajaya (POUTRECS), peserta menyatakan bahawa musim pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada tahap literasi dan numerasi pelajar, khususnya apabila pembelajaran formal terganggu, interaksi bersemuka dengan guru berkurang dan sebahagian murid tidak dapat mengikuti pembelajaran dalam talian secara optimum.

Dapatan FGD 7 bersama wakil belia dan kanak-kanak turut memperkukuh isu ini apabila peserta melaporkan bahawa masih terdapat masalah literasi dan numerasi yang ketara dalam kalangan murid kesan daripada musim COVID-19. Isu ini bukan sekadar merujuk kepada kelemahan membaca semata-mata, tetapi turut melibatkan keupayaan memahami arahan, membina ayat, menguasai asas nombor, mengikuti kandungan subjek lain dan mengekalkan tumpuan dalam bilik darjah. Sebagai contoh, murid yang belum lancar membaca pada usia sekolah rendah berisiko menghadapi kesukaran memahami soalan matematik, arahan tugasan, bahan sains dan kandungan pembelajaran harian. Jika keadaan ini tidak ditangani awal, jurang pembelajaran akan bertambah besar apabila murid naik ke tahap persekolahan yang lebih tinggi.

Isu literasi ini juga perlu dilihat bersama dapatan FGD 6 dan FGD 7 berhubung kepadatan kelas pendidikan khas serta kelewatan intervensi awal bagi murid berkeperluan khas. Peserta FGD melaporkan bahawa kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) terlalu padat, iaitu sekitar 18 hingga 20 murid dalam satu kelas, selain terdapat lebih 200 orang dalam senarai menunggu untuk mendapatkan tempat dalam pendidikan khas di Putrajaya. Keadaan ini menunjukkan bahawa cabaran literasi tidak hanya melibatkan murid arus perdana, tetapi turut memberi kesan lebih besar kepada murid yang memerlukan sokongan pembelajaran khusus, terapi awal, bimbingan individual dan persekitaran kelas yang lebih kecil. Tanpa pengesanan awal dan intervensi bersasar, murid lemah literasi berisiko terus tercicir secara senyap walaupun masih berada dalam sistem persekolahan.

Faktor sosioekonomi turut menyumbang kepada keterbatasan pemulihan pembelajaran. Dapatan FGD 4 bersama Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) dan ibu tunggal menunjukkan bahawa terdapat keluarga yang berdepan beban kos persekolahan, pengangkutan, makanan dan keperluan harian anak. Dalam keadaan sedemikian, akses kepada kelas tambahan, tuisyen, bahan bacaan, peranti pembelajaran atau sokongan pemulihan di luar waktu sekolah boleh menjadi terhad. Contohnya, murid

daripada keluarga berpendapatan rendah mungkin tidak dapat mengikuti kelas pemulihan berbayar walaupun memerlukan bimbingan membaca secara intensif. Hal ini menjadikan isu literasi pasca-COVID bukan sahaja isu pendidikan, tetapi juga isu ketaksamaan sosial dan perlindungan kanak-kanak.

Data sekunder turut menyokong keperluan intervensi pemulihan literasi secara serius. Laporan PISA 2022 menunjukkan prestasi Malaysia menurun dalam tiga domain utama, iaitu matematik, sains dan bacaan, dengan skor literasi bacaan menurun daripada 415 mata pada PISA 2018 kepada 388 mata pada PISA 2022. Kementerian Pendidikan turut menyatakan bahawa kehilangan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian tersebut. Di peringkat global, Bank Dunia, UNESCO, UNICEF dan rakan pembangunan lain turut menegaskan bahawa krisis pembelajaran pasca-pandemik telah meningkatkan risiko “learning poverty”, iaitu keadaan apabila kanak-kanak tidak mampu membaca dan memahami teks mudah menjelang umur 10 tahun. Dapatan ini memperkukuh keperluan supaya intervensi literasi di Putrajaya dilaksanakan secara awal, berstruktur dan berasaskan komuniti.

Pendekatan yang boleh digunakan termasuk saringan awal tahap bacaan, kelas membaca intensif secara percuma, modul fonik dan suku kata, aktiviti membaca kreatif, sokongan sukarelawan komuniti, penglibatan ibu bapa serta pemantauan kemajuan murid melalui ujian pra dan pasca. Melalui pendekatan komuniti yang konsisten, program ini berpotensi mengurangkan keciciran literasi awal, meningkatkan keyakinan kanak-kanak dan menyokong pemulihan pembelajaran yang lebih inklusif di Putrajaya.

Jadual 15. Ringkasan Isu 4

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. Tahap literasi dan numerasi sebahagian murid dilaporkan masih terjejas akibat gangguan pembelajaran semasa pandemik COVID-19. 2. Murid yang belum menguasai kemahiran membaca asas berisiko ketinggalan dalam subjek lain kerana sukar memahami arahan, soalan dan bahan pembelajaran. 3. Kepadatan kelas PPKI serta senarai menunggu pendidikan khas menjejaskan keupayaan intervensi awal secara individual kepada murid yang memerlukan sokongan khusus. 4. Keluarga berpendapatan rendah dan ibu tunggal berdepan kekangan kos untuk mendapatkan kelas tambahan, bahan bacaan,

	peranti atau sokongan pembelajaran luar sekolah. 5. Ketiadaan program pemulihan literasi komuniti yang tersusun boleh menyebabkan jurang pembelajaran berterusan selepas murid naik ke tahap persekolahan lebih tinggi.
Cadangan	1. Melaksanakan saringan awal literasi dan numerasi bagi mengenal pasti murid yang memerlukan intervensi segera. 2. Menyediakan kelas membaca intensif percuma menggunakan modul fonik, suku kata, frasa, ayat dan pemahaman asas. 3. Mewujudkan Sudut Bacaan Komuniti Pintar sebagai ruang sokongan bacaan di kawasan kejiranan atau pusat komuniti. 4. Melibatkan guru, sukarelawan komuniti, belia dan ibu bapa sebagai pembimbing bacaan secara berkala. 5. Mengadakan ujian pra dan pasca serta pemantauan kemajuan murid sekurang-kurangnya selama tiga hingga enam bulan. 6. Mengutamakan penyertaan kanak-kanak daripada keluarga B40, ibu tunggal dan murid yang dikenal pasti lemah literasi selepas COVID-19.
Kumpulan Terjejas	Kanak-kanak (umur 6–10 tahun) yang mempunyai masalah membaca
Kawasan	Keseluruhan Parlimen Putrajaya
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Mengurangkan kemiskinan dalam semua dimensi, termasuk kesan kekangan sosioekonomi terhadap peluang pembelajaran kanak-kanak.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.1: Memastikan semua kanak-kanak menamatkan pendidikan rendah dan menengah yang

	percuma, saksama dan berkualiti dengan hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan. Sasaran 4.5: Menghapuskan jurang akses pendidikan dan memastikan kumpulan berisiko, termasuk murid berkeperluan khas dan kanak-kanak rentan, mendapat peluang pembelajaran yang sama rata. Sasaran 4.6: Memastikan semua belia dan sebahagian besar orang dewasa mencapai literasi serta numerasi.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Memperkasa keterangkuman sosial semua golongan, termasuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah, agar tidak tercicir daripada peluang pembelajaran asas.

4.2.5 Pengutamaan Isu 5: Kelemahan struktur pembangunan sosioekonomi golongan rentan

Kelemahan struktur pembangunan sosioekonomi golongan rentan, khususnya warga emas, ibu tunggal dan pekerja kolar biru, merupakan isu keutamaan yang perlu diberi perhatian dalam konteks Parlimen Putrajaya. Walaupun Putrajaya sering dilihat sebagai bandar pentadbiran yang tersusun, berpendapatan tinggi dan mempunyai akses kepada pelbagai kemudahan awam, dapatan lapangan menunjukkan bahawa masih terdapat kumpulan penduduk yang berdepan tekanan kos sara hidup, keterbatasan akses bantuan, ketidakstabilan perumahan, kekangan mobiliti dan peluang ekonomi yang tidak seimbang. Keadaan ini menunjukkan bahawa cabaran sosioekonomi di Putrajaya tidak semestinya muncul dalam bentuk kemiskinan tegar semata-mata, tetapi lebih ketara sebagai kemiskinan bandar, tekanan pendapatan boleh guna dan kerentanan isi rumah yang mudah terjejas apabila berlaku perubahan pekerjaan, kesihatan, status perkahwinan atau tanggungan keluarga.

Data sekunder terkini memperkukuh keperluan untuk memahami isu ini secara lebih berhati-hati. Berdasarkan maklumat Kementerian Ekonomi melalui Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih sehingga akhir 2024, Wilayah Persekutuan Putrajaya direkodkan sebagai antara negeri dan wilayah yang mencapai status sifar miskin tegar. Namun, status sifar miskin tegar tidak bermaksud semua isi rumah di Putrajaya bebas daripada tekanan ekonomi. *OpenDOSM* menjelaskan bahawa kemiskinan tegar merujuk isi rumah yang pendapatan kasarnya berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan Makanan, manakala kemiskinan mutlak pula merujuk isi rumah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan bagi memenuhi keperluan asas. Dalam konteks bandar berpendapatan tinggi seperti Putrajaya, isu yang lebih ketara ialah kewujudan isi rumah berpendapatan rendah atau B40 yang tidak semestinya dikategorikan sebagai miskin tegar, tetapi masih

bergelut untuk menampung kos sewa, makanan, pengangkutan, persekolahan, kesihatan dan penyelenggaraan kehidupan harian.

Keadaan ini sangat relevan dengan profil Putrajaya yang merekodkan purata pendapatan isi rumah yang tinggi berbanding kebanyakan negeri lain. Data HIES 2024 yang dilaporkan melalui sumber sekunder menunjukkan pendapatan median isi rumah Putrajaya antara yang tertinggi di Malaysia, namun angka purata atau median tidak semestinya mencerminkan tekanan sebenar kumpulan rentan di peringkat mikro. Putrajaya mempunyai kelompok pekerja sokongan, pekerja pembersihan, pengawal keselamatan, pemandu, pembantu kedai, pekerja kontrak, pekerja penyelenggaraan dan perkhidmatan domestik yang menyokong operasi bandar, tetapi pendapatan mereka lazimnya tidak setara dengan kos hidup setempat. Golongan ini boleh tergolong sebagai pekerja kolar biru yang bekerja di Putrajaya tetapi tidak mampu tinggal berhampiran tempat kerja, atau tinggal dalam keadaan perumahan yang padat kerana kos sewa dan pemilikan rumah yang tinggi.

Dapatan FGD 1 bersama warga emas menunjukkan bahawa ramai pesara bergantung kepada pencen yang kecil dan masih perlu menanggung kos hidup anak-anak yang tinggal bersama walaupun telah bersara. Dalam keadaan kos makanan, barangan keperluan dan perkhidmatan bandar yang tinggi, warga emas bukan sahaja berdepan tekanan kewangan, malah turut berdepan kerentanan kesihatan, mobiliti dan akses kepada perkhidmatan. Contohnya, warga emas yang tinggal di kawasan perumahan padat dan perlu berjalan jauh dari tempat letak kenderaan ke rumah akibat kekurangan parkir. Hal ini menunjukkan bahawa isu warga emas bukan sahaja berkaitan bantuan tunai, tetapi turut melibatkan reka bentuk bandar, penyediaan sokongan komuniti, pengangkutan, kesihatan dan perumahan yang mesra usia.

Dapatan FGD 4 bersama LKPIM dan ibu tunggal pula menunjukkan bahawa kelemahan struktur bantuan sosial masih berlaku apabila kelayakan bantuan sering dinilai berdasarkan gaji pokok, sedangkan gaji bersih selepas potongan komitmen adalah jauh lebih kecil. Ibu tunggal turut berdepan beban kos persekolahan, makanan, pengangkutan anak, sewaan atau penyelenggaraan rumah serta tekanan psikososial. Bagi ibu tunggal yang tinggal di kuarters kerajaan, risiko diarahkan keluar selepas kematian suami atau penceraian menimbulkan ketidakstabilan perumahan yang serius. Dalam konteks kos perumahan Putrajaya yang tinggi, keadaan tersebut berpotensi meningkatkan risiko ketidakstabilan tempat tinggal ibu tunggal, khususnya apabila mereka perlu mencari pilihan perumahan alternatif yang lebih mampu ditanggung atau bergantung kepada jaringan keluarga sebagai sokongan sementara.

Isu perumahan dan kepadatan isi rumah turut perlu dikaitkan secara langsung dengan tekanan sosioekonomi golongan rentan. Dapatan FGD 3 dan FGD 8 menunjukkan bahawa kawasan perumahan seperti PPA1M, PPAM dan kuarters berdepan masalah tempat letak kenderaan kerana nisbah satu unit rumah kepada satu petak parkir tidak lagi mencukupi bagi isi rumah yang mempunyai beberapa kenderaan. Keadaan ini bukan semata-mata isu sikap pengguna jalan raya, tetapi berkait dengan struktur isi rumah bandar yang semakin kompleks. Apabila beberapa generasi atau beberapa orang penyewa tinggal dalam satu unit rumah akibat kos perumahan tinggi, jumlah kenderaan bagi satu rumah turut meningkat. Kesannya, berlaku parkir bertindih, kesesakan di kawasan perumahan, halangan kepada kenderaan kecemasan dan tekanan harian kepada penduduk.

Bagi pekerja kolar biru dan pekerja sektor sokongan bandar, cabaran sosioekonomi perlu dibaca bersama struktur ekonomi Putrajaya yang banyak bergantung kepada perkhidmatan pembersihan, keselamatan, penyelenggaraan, makanan dan minuman, pengangkutan, logistik harian serta pengurusan kemudahan. Walaupun kumpulan ini menyumbang kepada kelancaran operasi bandar pentadbiran negara, dapatan lapangan menunjukkan bahawa kumpulan rentan yang bekerja dalam sektor bergaji rendah atau tidak stabil masih berdepan tekanan kos hidup, kekangan masa, isu kesihatan, kebergantungan kepada pengangkutan awam dan keterbatasan jaringan sokongan keluarga. Sebagai contoh, dapatan FGD berkaitan ibu tunggal menunjukkan terdapat peserta yang bekerja dalam sektor perkhidmatan di Putrajaya, mempunyai masalah kesihatan, tidak memiliki kenderaan sendiri dan perlu bergantung kepada pengangkutan awam sambil mengurus keperluan anak-anak. Walaupun kes ini tidak mewakili semua pekerja kolar biru, ia menggambarkan bagaimana gabungan pendapatan terhad, tanggungan keluarga, kesihatan dan mobiliti harian boleh meningkatkan kerentanan sosioekonomi dalam kalangan penduduk bekerja di Putrajaya.

Sehubungan itu, pengutamaan isu ini menuntut pendekatan pembangunan sosioekonomi yang lebih menyeluruh dan berasaskan data mikro. Intervensi tidak wajar terhad kepada bantuan sekali beri, sebaliknya perlu merangkumi pemetaan isi rumah rentan, semakan semula kelayakan bantuan berdasarkan pendapatan boleh guna, sokongan perumahan transisi, akses pekerjaan dan latihan kemahiran, bantuan pengangkutan, sokongan psikososial serta penambahbaikan ekosistem perumahan mampu milik. Isu ini juga perlu diurus secara rentas agensi melibatkan Perbadanan Putrajaya, ICU JPM, JKM, agensi perumahan, institusi zakat, persatuan komuniti, majikan kontraktor dan wakil penduduk. Dengan pendekatan yang lebih tersusun, Putrajaya boleh mengekalkan pencapaian sifar miskin tegar sambil memastikan kumpulan rentan bandar tidak tercicir daripada pembangunan sosioekonomi yang inklusif.

Jadual 16. Ringkasan Isu 5

Permasalahan berkaitan dengan isu	1. Status sifar miskin tegar tidak menggambarkan sepenuhnya tekanan ekonomi isi rumah rentan yang masih berdepan kos sara hidup bandar yang tinggi. 2. Warga emas dan pesara masih menanggung kos anak atau ahli keluarga yang tinggal bersama akibat tekanan perumahan dan pendapatan keluarga. 3. Ibu tunggal berdepan jurang kelayakan bantuan kerana penilaian sering berdasarkan gaji pokok, bukan pendapatan bersih selepas komitmen dan jumlah tanggungan. 4. Kos perumahan yang tinggi menyebabkan isi rumah tinggal lebih padat, lalu meningkatkan bilangan kenderaan bagi satu unit rumah dan menambah kesesakan parkir di kawasan PPA1M, PPAM serta kuarters. 5. Pekerja kolar biru yang menyokong fungsi bandar berdepan gaji rendah, ketidaktentuan kerja kontrak, kos pengangkutan tinggi dan akses terhad kepada latihan peningkatan kemahiran.
Cadangan	1. Membangunkan pangkalan data mikro isi rumah rentan Putrajaya yang menggabungkan maklumat pendapatan bersih, tanggungan, status perumahan, kesihatan dan keperluan bantuan. 2. Menyemak semula mekanisme kelayakan bantuan supaya mengambil kira pendapatan boleh guna, jumlah tanggungan dan kos hidup sebenar di Putrajaya. 3. Menyediakan sokongan perumahan transisi atau dasar perlindungan khas kepada ibu tunggal, warga emas dan keluarga rentan yang berisiko kehilangan tempat tinggal. 4. Memperluas program peningkatan kemahiran, penempatan kerja dan peluang pendapatan sampingan bagi pekerja kolar biru serta ibu tunggal.

	5. Menambah baik pengurusan parkir dan mobiliti kawasan perumahan padat melalui audit isi rumah, penyusunan parkir, penguatkuasaan adil dan pilihan pengangkutan komuniti. 6. Mewujudkan kerjasama rentas agensi antara PPj, ICU JPM, JKM, agensi perumahan, institusi zakat, majikan kontraktor dan wakil komuniti bagi menyelaras sokongan sosioekonomi rentan.
Kumpulan Terjejas	Warga emas, pesara, ibu tunggal, pekerja kolar biru, keluarga B40, penjawat awam gred rendah dan isi rumah berpendapatan rendah.
Kawasan	Seluruh Parlimen Putrajaya, khususnya kawasan PPA1M, PPAM, kuarters kerajaan, Presint 9, Presint 11, Presint 15 dan kawasan perumahan berkepadatan tinggi.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Mengurangkan kemiskinan dalam semua dimensi, termasuk kerentanan ekonomi isi rumah bandar yang tidak semestinya tergolong sebagai miskin tegar. Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem perlindungan sosial yang sesuai bagi semua golongan, khususnya warga emas, ibu tunggal dan pekerja berpendapatan rendah.
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif, keusahawanan, pekerjaan baik serta pertumbuhan perusahaan mikro dan kecil. Sasaran 8.5: Mencapai pekerjaan produktif dan kerja yang baik untuk semua, termasuk wanita, pekerja berpendapatan rendah dan kumpulan rentan.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Memperkasa keterangkuman sosial dan ekonomi semua golongan tanpa mengira umur, jantina, status ekonomi atau latar belakang.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.1: Memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat serta mampu milik untuk semua.

5.0 PENGENALPASTIAN PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Putrajaya bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
Tajuk Projek	Kebun Komuniti Lestari Wilayah – Memperkasa Komuniti dengan Pertanian Bandar dan Keterjaminan Makanan	PUTRARenang – Intervensi Kemandirian Air Kanak-Kanak B40 Putrajaya	Akademi Aspirasi Belia Putrajaya	Inisiatif Literasi Pintar Komuniti Putrajaya
SDG Berkaitan	SDG 2, 8, 11, 12	SDG 3, 4 , 10, 11	SDG 4, 11, 17	SDG 1, 4, 10
Objektif	1. Meningkatkan keterjaminan makanan melalui pertanian komuniti. 2. Membina kemahiran asas pertanian bandar (penanaman tembikai). 3. Menjana pendapatan kecil melalui hasil tuaian. 4. Mengoptimumkan penggunaan tanah komuniti secara produktif.	1. Melatih kemahiran renang asas dan keselamatan air. 2. Mengurangkan risiko kemalangan air dalam komuniti. 3. Meningkatkan keyakinan diri dan kecergasan fizikal kanak-kanak. 4. Memanfaatkan fasiliti awam secara inklusif.	1. Membangunkan kapasiti kepimpinan belia. 2. Melatih belia merancang dan melaksanakan projek komuniti berasaskan SDG. 3. Mengukuhkan jaringan kerjasama antara belia, agensi kerajaan dan komuniti. 4. Melahirkan pemimpin muda yang berdaya saing.	1. Membasmi buta literasi awal dalam komuniti Putrajaya. 2. Menyediakan kelas membaca intensif secara percuma. 3. Meningkatkan kecekapan kognitif dan keyakinan kanak-kanak. 4. Menyokong ekosistem perlindungan sosial komuniti.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
Hasil Jangkaan	1. Kebun komuniti beroperasi sepenuhnya. 2. Peserta menguasai teknik penanaman tembikai konvensional. 3. Tuaian pertama dalam tempoh 3 bulan. 4. Struktur pengurusan kebun komuniti diwujudkan.	1. 30 peserta menamatkan latihan renang asas. 2. Minimum 90% menunjukkan peningkatan kemahiran. 3. Model pembelajaran komuniti untuk kohort baharu.	1. Menghasilkan cadangan projek komuniti berasaskan SDG. 2. Peningkatan kemahiran kepimpinan, komunikasi dan pengurusan projek. 3. Rangkaian alumni belia diwujudkan.	1. Minimum 85–90% peserta menguasai kemahiran membaca asas. 2. Sudut Bacaan Komuniti Pintar diwujudkan. 3. Laporan pemantauan literasi komuniti.
Organisasi	Pertubuhan Amal dan Kebajikan Komuniti Wilayah Persekutuan (PAKKWP)	Persatuan Belia Bakti Putrajaya (PBBP)	Kelab Rakan Muda Putrajaya	Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) Daerah Putrajaya
Aktiviti	1. 12 sesi latihan teori dan amali bersama Jabatan Pertanian Malaysia. 2. Penyediaan tapak, batas, sungkupan dan sistem pengairan titisan.	1. 12 sesi latihan renang berstruktur oleh jurulatih bertauliah. 2. Modul water confidence, teknik terapung, gaya bebas, gaya dada.	1. 12 sesi latihan kepimpinan, komunikasi, pengurusan projek dan kewangan. 2. Bengkel reka bentuk penyelesaian komuniti	1. 12 sesi kelas literasi interaktif (fonik, suku kata, frasa, ayat). 2. Ujian pra dan pasca untuk menilai kemajuan peserta.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
	3. Penyemaian benih, pemindahan anak pokok, pembajaan dan kawalan perosak. 4. Penuaian hasil dalam 75–90 hari. 5. Latihan penggredan, pembungkusan dan pemasaran. 6. Penubuhan Jawatankuasa Kebun Komuniti.	3. Latihan keselamatan air dan water survival. 4. Simulasi kecemasan dan penilaian kemahiran. 5. Penubuhan Kelab PUTRARenang untuk kesinambungan.	dan pemetaan isu parlimen. 3. Program kepimpinan berasaskan pengalaman di Gopeng, Perak. 4. Sesi mentoring dan pembentangan cadangan projek komuniti. 5. Penubuhan rangkaian alumni belia Putrajaya.	3. Aktiviti membaca kreatif, bercerita dan pemahaman. 4. Penubuhan Sudut Bacaan Komuniti Pintar. 5. Pemantauan akademik selama 6 bulan.
Jumlah (RM)	RM 30,000.00	RM 30,000.00	RM 30,000.00	RM 30,000.00
Lokasi	Kebun Komuniti P11K, Presint 11, Putrajaya	Kompleks Renang Marina Putrajaya, Presint 5	Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya	Pusat Pembelajaran Komuniti, Presint 9
Tempoh	6 bulan	4 bulan	4 bulan	3 bulan

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). *OpenDOSM Kawasanku: P.125 Putrajaya* (berdasarkan MyCensus 2020 / Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020). https://open.dosm.gov.my

Perbadanan Putrajaya. *Rancangan Struktur Putrajaya 2050*. Putrajaya: Perbadanan Putrajaya, 2026.

Perbadanan Putrajaya. Portal Rasmi Perbadanan Putrajaya. https://www.ppj.gov.my

Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2023). *PISA 2022 Results (Volume I): The State of Learning and Equity in Education*. Paris: OECD Publishing. https://doi.org/10.1787/53f23881-en

World Bank, UNESCO, UNICEF, FCDO, USAID, & Bill & Melinda Gates Foundation. (2022). *The State of Global Learning Poverty: 2022 Update*. Washington, DC: World Bank.

Department of Statistics Malaysia. (2025). *Poverty in Malaysia, 2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/poverty-in-malaysia-2024

Department of Statistics Malaysia. (2025). *Household Income Survey Report, Malaysia, 2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://storage.dosm.gov.my/hies/household_income_2024.pdf

OpenDOSM. (2025). *Household Income & Expenditure Dashboard*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://open.dosm.gov.my/dashboard/household-income-expenditure

Majlis Keselamatan Negara. (2024, 19 Disember). *Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Putrajaya sifar miskin tegar setakat 30 November*. https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/12/19/melaka-negeri-sembilan-perlis-dan-putrajaya-sifar-miskin-tegar-setakat-30-november/

Sinar Harian. (2025, 6 Februari). *Putrajaya dan tiga negeri catat sifar miskin tegar tahun lepas*. https://www.sinarharian.com.my/article/711200/berita/nasional/putrajaya-dan-tiga-negeri-catat-sifat-miskin-tegar-tahun-lepas

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. (t.t.). *Info eKasih*. https://www.icu.gov.my/?pg=perkhidmatan&type=sejahtera&list=s01

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) meneruskan usaha APPGM-SDG mendokumentasikan realiti, keperluan dan aspirasi masyarakat akar umbi melalui kajian lapangan yang tersusun. Pada tahun 2026, gerak kerja ini melibatkan 16 kawasan parlimen baru di seluruh Malaysia yang merangkumi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak.

Nilai utama kompilasi yang terdiri daripada 6 jilid ini terletak pada pendekatan berasaskan bukti dan penglibatan langsung bersama komuniti. Suara penduduk, pemimpin tempatan, agensi kerajaan, organisasi masyarakat dan pihak berkepentingan dihimpunkan untuk mengenal pasti keutamaan setempat, memahami punca dan kesan sesuatu isu, serta menyokong pembentukan cadangan intervensi yang lebih bersasar.

Kompilasi yang sedia ada merangkumi laporan-laporan kajian pemetaan isu yang menyusun dapatan kajian mengikut latar kawasan, metodologi, isu rentas Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), maklum balas daripada pihak berkepentingan serta pengenalpastian awal cadangan penyelesaian. Bahan visual dan catatan hasil libat urus turut digunakan untuk memberikan konteks yang lebih jelas serta mengekalkan suara komuniti dalam keseluruhan analisis.

Terbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6)* ini diharapkan menjadi rujukan praktikal kepada pembuat dasar, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan masyarakat sivil, institusi akademik dan pemimpin komuniti. Dengan berlandaskan realiti lapangan, hasil dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat menyokong tindakan yang lebih responsif, terukur dan berimpak kepada masyarakat di parlimen-parlimen di seluruh Malaysia.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-54-9